



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**BIL. 14**

**SELASA**

**26 OKTOBER 2021**

---

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

Lantikan Baharu

(Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Baharu

(Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 2)

Usul Persendirian – Bukan Ahli Kerajaan

Usul Transformasi Parlimen

oleh YB Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md Arip

(Halaman 63)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Levi

Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020

(Halaman 35)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
5. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
6. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
7. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)
8. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
9. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
10. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
11. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah
12. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
13. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
14. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
15. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
16. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
17. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
18. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
19. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
20. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
21. “ Datuk John Ambrose
22. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
25. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
26. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
27. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)
28. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan, Putrajaya)
29. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
30. “ Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim
31. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
32. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
33. “ Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**AHLI HADIR (samb/-)**

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
35. " Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)
36. " Datuk Paul Igai
37. " Datuk Razali bin Idris
38. " Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
39. " Tuan Robert Lau Hui Yew
40. " Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
41. " Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
42. " Puan Susan Chemerai Anding
43. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
44. " Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
45. " Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
46. " Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
47. " Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
48. " Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. " Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. " Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. " Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. " Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Guan Dee bin Koh Hoi
2. " Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Menteri Perpaduan Negara]
2. " Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)]
3. " Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I]

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

4. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia]
5. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar [Timbalan Menteri Luar Negeri]
6. “ Dato’ Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
7. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]
8. “ Datuk Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]
9. “ Dato’ Henry Sum Agong [Timbalan Menteri Pengangkutan]
10. “ Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
11. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II]

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Mohamad Basil Hazman bin Baharom  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juaraah  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 26 Oktober 2021**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

**Setiausaha:** Mengangkat sumpah seorang Ahli.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Haji Abu Hanifah.

**LANTIKAN BAHARU**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Haji Abu Hanifah.

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI BAHARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Haji Abu Hanifah, lantikan baharu yakni oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman, galaslah tanggungjawab yang terpikul di atas batu jemala Yang Berhormat dengan sebaik mungkin dan tunaikan segala sumpah yang telah dilafazkan tadi dengan penuh amanah.

Saya sering menyatakan bahawa antara sumpah dengan perbuatan, antara sumpah dengan pelaksanaan, antara sumpah dengan politik sentiasa tidak ada diamalkan secara semarak, beradun dan bersemangat untuk tanah air. Justeru sekali sekala, sementara kita berada di luar sana, harus kita lihat semula apakah erti sumpah tersebut.

Pada hemat saya, daripada segi Perlembagaan dan undang-undang negara, sumpah itulah yang menjadi jendela kepada *rule of law* atau kesungguhan dan martabat undang-undang yang tertinggi. Selaku Ahli Dewan Negara yang paling bongsu, sukalah saya memperingatkan bahawa kerja buat, tata kelakuan, tutur kata dan penglibatan aktif kita di Dewan ini mahupun di luar sana sedang dinilai dan diperhatikan oleh masyarakat.

Justeru, sukacita saya menyatakan bahawa Dewan Negara dan pentadbirannya sedang menyusun senarai tugas-tugas yang dipikul oleh Ahli Yang Berhormat Senator untuk diteliti dan dijadikan sebagai bahan rasmi dalam proses kita menentukan peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli *Senate*.

Rakyat akan menghakimkan kita dan Dewan Negara jika kita gagal melaksanakan peranan sebagaimana sepatutnya. Justeru, kita perlu pakari setiap bidang sesuai dengan pelantikan Yang Berhormat sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan. Dengan kata-kata itu maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.09 pg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokongan?

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

■1010

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan

kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis sekarang untuk diputuskan

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan undang-undang dan peraturan e-hailing pada 2019 lalu seperti masalah kapasiti latihan memandu, kapasiti pemprosesan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan sebagainya yang menimbulkan kesukaran untuk rakyat menyertai industri tersebut tidak akan berulang lagi dengan peraturan p-hailing yang bakal dilaksanakan kelak.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon kebenaran untuk membuka pelitup muka, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Henry Sum Agong:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Tuan Yang di-Pertua, susulan pandemik COVID-19, sektor perkhidmatan penghantaran barang-barangan ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang seterusnya membawa manfaat kepada rakyat Malaysia terutamanya melibatkan kumpulan B40. Sektor perkhidmatan ini akan menjadi satu norma baharu dan punca pendapatan alternatif kepada mereka yang telah kehilangan pekerjaan.

Di samping itu, kelestarian jangka masa panjang sektor perkhidmatan ini akan turut menyumbang kepada usaha untuk menjana semula pembangunan ekonomi negara dengan melahirkan lebih banyak perniagaan dan usahawan tempatan baharu.

Justeru, sebarang aspek pengawalseliaan kelak akan memberi fokus bagi memastikan industri ini adalah berdaya saing, adil, mempunyai tahap perkhidmatan yang terbaik, terkawal dan selamat demi menjaga kepentingan penyedia perkhidmatan, penunggang atau pemandu serta orang ramai sebagai pelanggan. Antara isu utama yang dikenal pasti telah melewati proses pengawalseliaan peraturan e-hailing sebelum ini merupakan proses pendaftaran pelesenan yang dilaksanakan secara manual dan kelewatan dalam proses mendapatkan lesen vokasional.

Akhirnya walaupun pihak syarikat telah mula mendaftar bagi dilesenkan, namun proses untuk mendapatkan lesen vokasional oleh pemandu telah tertangguh



dan menyebabkan berlakunya lambakan permohonan untuk mendapatkan lesen ini pada saat akhir.

Bagi mengelakkan perkara sama berulang, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensinya akan memastikan proses pelesenan, garis panduan dan peraturan dimuktamadkan dengan lebih awal. Selain itu, semua proses pelesenan terlibat akan dilaksanakan secara atas talian semaksimum yang boleh bagi melicinkan dan memendekkan masa, mengurangkan kos dan memudahkan proses tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup untuk menjawab.

**Dato' Henry Sum Agong:** Akhirnya Tuan Yang di-Pertua. Pihak JPJ dan APAD juga telah melaksanakan proses integrasi sistem yang mana segala maklumat berkaitan pendaftaran dan pelesenan syarikat, penunggang, pemandu serta kenderaan akan dilaksanakan secara atas talian. Kaedah pelesenan yang sama juga akan diperluaskan untuk semua kenderaan perdagangan lain termasuk e-hailing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** Ya. Soalan tambahan saya, sejauh manakah peraturan baru dalam p-hailing akan menjadi teras kepada industri ekonomi *gig* negara kita yang paling berpotensi? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya, sistem p-hailing ini sebenarnya belum dimuktamadkan dan masih akan mengambil masa lebih kurang setahun lagi. Baik itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, kalau kita melihat e-hailing ini sedang berkembang dengan potensi yang sangat besar. Adakah kerajaan akan mewujudkan akta e-hailing ini untuk mengawal selia supaya penggiat industri dan pelanggan mendapat manfaat yang sama? Sekian, terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Sistem e-hailing ini kelak akan mengguna pakai akta yang sedia ada iaitu Akta 333, Akta 334, dan Akta 715. Kita harapkan apabila p-hailing ini dilaksanakan nanti, ia akan dapat melicinkan segala kelewatan ataupun apa yang diperlukan kita supaya mempercepatkan urusan bagi mendapatkan apa yang dikehendaki. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum diberi peluang satu lagi, saya berharap istilah “p-hailing” itu dapat kita terjemahkan sebelum akta baru muncul. Sila soalan tambahan.

**Dato’ Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa bentuk galakan dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain macam nampak pakaian hari ini.

**Dato’ Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, siap sedia untuk Deepavali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah... [Ketawa]

**Dato’ Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih. Apa bentuk galakan dan pemudah cara yang disediakan oleh kementerian bagi menarik penyertaan golongan penganggur daripada kalangan graduan baharu untuk menjana pendapatan secara *part-time*, dengan izin, sebagai pemandu e-hailing seperti yang pernah disarankan oleh penulis Amirul Azri dalam tulisannya di ruangan *Letters to Editors* di *New Straits Times* empat tahun dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas ya?

**Dato’ Henry Sum Agong:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang pun pihak kerajaan menggalakkan pihak yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan ini, peluang-peluang yang akan wujud- menggalakkan supaya mengambil peluang ini.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi, dengan adanya kegunaan- kita menggunakan cara ataupun sistem atas talian ini, maka ramailah anak-anak muda kita yang ingin menyertai ataupun mendapatkan peluang setelah wujudnya akta baharu ini di bawah p-hailing nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ulangi balik, “p-hailing” tadi yang saya terfikir “p-laungan.”

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato’ Juhanis binti Abd Aziz.

**2. Dato’ Juhanis binti Abd Aziz** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejauh manakah pelaksanaan Geran Prihatin Industri Sukan (*One-Off*) berikutan pandemik COVID-19 ini; dan
- (b) mengikut data terkini kementerian, berapa orang yang telah menerima Geran Prihatin Sukan ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato’ Sri Ti Lian Ker]:** Tuan Yang di-Pertua, Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) merupakan salah satu inisiatif KBS dalam membantu pengusaha industri sukan yang terkesan berikutan daripada

penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan. Melalui inisiatif ini, pemohon yang layak akan diberi bantuan geran sebanyak RM3,000 secara *One-Off*.

■1020

Kumpulan sasaran Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) terdiri daripada penggiat industri sukan dan rekreasi komersial seperti pengusaha berorientasikan perkhidmatan, pengusaha fasiliti dan penganjur acara sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bantuan Geran Prihatin Industri Sukan telah pun ditutup pada 31 Ogos 2021. Sehingga tarikh berkenaan, KBS telah menerima sebanyak 3,054 permohonan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,437 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sejumlah RM4,311,000. Proses penyaluran dana kepada syarikat perniagaan yang layak sedang dilakukan KBS secara berperingkat tertakluk kepada garis panduan kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Untuk lebih jelas lagi, antara negeri-negeri yang mendapat kelulusan yang tertinggi ialah Selangor dengan seramai 460 orang pemohon diluluskan, diikuti oleh Johor dengan seramai 221 orang pemohon diluluskan dan yang ketiga, di Pulau Pinang seramai 157 orang pemohon. Jadi, supaya tidak dipolitikkan, amatlah jelas kementerian- kalau berbanding dengan Terengganu cuma 23 orang pemohon, Pahang 48 orang pemohon, Sabah 14 orang pemohon dan Sarawak 22 orang pemohon. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempolitikkan Kementerian Belia dan Sukan seperti Hari Sukan Negara.

Bantuan ini akan dapat memberikan manfaat kepada pengusaha industri sukan dan rekreasi terutamanya operator kemudahan sukan komersial seperti gimnasium, studio kecergasan, kolam renang, padang bola sepak, lapangan besar dan yang seumpamanya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah inisiatif kementerian untuk membantu pengusaha fasiliti sukan di seluruh negara menyelesaikan isu hutang yang bertimbun sehingga ada yang berhutang dengan agensi-agensi yang lain akibat tidak dibenarkan beroperasi sepanjang PKP? Atau sekurang-kurangnya pihak kerajaan mengadakan rundingan dengan pihak bank untuk merendahkan kadar *interest* pinjaman mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Kementerian Belia dan Sukan mengambil maklum akan pandangan dan keluhan operator fasiliti. Namun begitu, Kementerian Belia dan Sukan ada membantu daripada segi hutang dan sebagainya dengan memberikan surat untuk memberikan penghutang masa yang lebih.

Kementerian Belia dan Sukan juga dengan kerjasama MEDAC telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS) pada bulan Mac 2021.

Skim ini diperkenalkan bagi membantu pengusaha-pengusaha industri sukan dan rekreasi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Skim ini diuruskan melalui TEKUN dan Bank Rakyat dengan kadar faedah sebanyak empat peratus perlu dibayar balik. Permohonan di bawah TEKUN merangkumi RM1,000 sehingga RM100 ribu. Sementara Bank Rakyat pula, permohonan boleh diluluskan untuk permohonan RM20 ribu hingga RM500 ribu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab tidak ada soalan, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri cari perkataan “*One-Off*” dalam Bahasa Kebangsaan, kalau dapat. Akan tetapi, kalau tidak dapat, kita runding minum tehlah.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** “Sekali gus.” Sekali gus, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, pandai. Saya ingat itu sesuai. Akan tetapi, bincanglah dulu dengan pihak berkenaan.

**3. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, penilaian terhadap keberkesanan program-program pekerjaan kepada para gelandangan seperti *urban farming*, bagi mengubah cara hidup golongan tersebut.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama-sama kita. *Alhamdulillah.*

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pelbagai jabatan/agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan sentiasa komited di dalam membantu golongan gelandangan di ibu kota supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik.

Antaranya adalah mewujudkan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang yang menjadi pusat penempatan transit kepada gelandangan sejak tahun 2016 dan Pusat Transit Gelandangan di Taman Desa yang lebih dikenali sebagai Anjung Kelana bermula pada tahun 2021.

Selain menyediakan penempatan sementara, kementerian dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan menawarkan peluang pekerjaan kepada gelandangan untuk bekerja dalam sektor perkilangan, pembuatan, makanan, peruncitan dan perkhidmatan melalui Program Penempatan Pekerjaan. Inisiatif ini telah memberi kesan positif kepada kumpulan gelandangan di mana semenjak tahun

2020, seramai 235 orang gelandangan telah ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mewujudkan Pusat Transformasi Gelandangan atau dikenali sebagai Anjung Kelana di Taman Desa pada tahun ini untuk memberi fokus kepada kumpulan gelandangan untuk menjalani Program Bina Upaya. Objektif Program Bina Upaya adalah untuk mendedahkan gelandangan kepada kemahiran-kemahiran baharu seperti asas pertanian, percetakan dan kraf tangan supaya dapat memberi nilai tambah dan pendapatan baharu kepada golongan gelandangan ini. Program-program yang dilaksanakan di Anjung Kelana adalah berbentuk komuniti yang melibatkan kerjasama daripada badan bukan kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Penyoal asal.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah jumlah peratus gelandangan yang diberi peluang menyertai program *urban farming* ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya peratus ini- silalah. Kadangkala ada, kadang tidak ada. Kalau tidak, boleh beri nota.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin buka pelitup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak terikat kepada peratusan untuk memberikan atau melibatkan golongan gelandangan ini untuk terlibat di dalam *urban farming* atau kebun bandar, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, kesemua gelandangan yang telah diselamatkan oleh pihak DBKL atau kementerian yang kita letakkan di pusat transit transformasi di Anjung Kelana adalah terlibat secara 100 peratus berkaitan dengan *urban framing* yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi tadi.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi tentang penglibatan swasta.

Saya hendak tahu, apakah sebenarnya bentuk kerjasama? Kerjasama yang bagaimana yang diberikan oleh agensi atau pun pihak swasta dalam mengambil golongan gelandangan ini sebagai pekerja? Juga, syarikat-syarikat mana? Kalau boleh diberitahu kepada Dewan yang mulia ini, syarikat-syarikat mana, agensi mana yang telah pun membantu menjayakan program penempatan gelandangan ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan, ada rekod dalam catatan saya berkaitan dengan penglibatan institusi ataupun syarikat-syarikat swasta di dalam membantu kerajaan untuk memaju diri golongan gelandangan yang telah diselamatkan oleh pihak DBKL.

Dalam tempoh penempatan sementara ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang PKP sahaja pada tahun 2020, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Jabatan Tenaga Kerja Kuala Lumpur dan PERKESO telah mengadakan program penempatan kerjaya dengan mengenal pasti majikan yang berminat untuk mengambil kumpulan gelandangan ini.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod Dewan yang mulia ini, proses temu duga dengan majikan telah dijalankan sejak tahun 2020, yakni pada sekitar bulan Mei, dan temu duga ini dijalankan di pusat gelandangan yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

■1030

Suka untuk saya nyatakan antara syarikat yang mengambil gelandangan untuk bekerja dengan mereka ialah Top Glove Sdn. Bhd., Hartalega NGC Sdn. Bhd., Tesco Malaysia, Adabi Consumer, Trendcell Sdn. Bhd., HARUMi Brands. Ini semua adalah antara syarikat besar yang telah melibatkan diri dan membantu gelandangan untuk memberi mereka peluang pekerjaan. Di samping ada beberapa buah syarikat kecil, restoran, pusat-pusat penjualan barangan harian dan juga gerai-gerai yang juga terlibat di dalam mengambil mereka untuk memperbaiki taraf dan kehidupan mereka, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Satu lagi soalan tambahan boleh, Tuan Yang di-Pertua? Berkaitan dengan gelandangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, boleh. Boleh.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Jumlah NGO-NGO yang masih lagi aktif dalam memberi makanan kepada golongan gelandangan. Dan jumlah

perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan dalam membantu program 'Kitchen Soup', dengan izin, bagi memberi makanan kepada golongan gelandangan ini.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya telah mengetuai untuk perjumpaan sesi libat urus bersama dengan 24 NGOs ataupun persatuan-persatuan ini yang telah memberikan khidmat sejak beberapa tahun kebelakangan ini memberikan khidmat untuk membantu golongan gelandangan. Peratusan perbelanjaan ataupun jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kementerian, saya perlukan jawapan bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi suka untuk rekod di Dewan yang berbahagia ini bahawa peranan yang telah dimainkan oleh NGOs ini ataupun persatuan-persatuan di dalam membantu pihak gelandangan ini adalah sangat memuaskan. Maksud saya pihak kerajaan dan kementerian mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada peranan yang dimainkan oleh NGOs ini di dalam sama-sama berperanan untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan asas kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* sesi libat urus akan terus menerus dijalankan oleh pihak kementerian bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan supaya golongan gelandangan ini dapat kita urus. Yang penting sekali supaya mereka dapat mengubah sikap dan juga panduan kehidupan bagi memulihkan dan juga memperbaiki taraf kehidupan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

**4. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, hasil pencapaian masyarakat dalam menjayakan pertanian komuniti khususnya mereka yang tinggal di bandar dan adakah mereka yang bekerja di sektor awam dapat mengikuti program tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita baru nampak baju putih pagi ini. Jadi, kita ucap dahulu kepada Yang Berhormat, *Deepavali valthukkal*.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** *Nandri. Vannakam... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pertanian.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam

sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Balasubramaniam yang mengambil cakra dengan program-program yang dianjurkan oleh Kementerian MAFI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menjalankan program untuk membantu penduduk-penduduk di bandar dan juga di pinggir bandar, dengan kita memperkenalkan satu sistem yang moden bagi membantu mereka untuk menjana pendapatan melalui pertanian di kawasan bandar dan juga di pinggir bandar.

Sepanjang Program Kebuniti yang dianjurkan oleh negara dan kalau di Kelantan Dapur Hijau, kita lihat Program Kebuniti ini dari tahun 2014 sehingga ke tahun 2020, seramai 165,207 orang peserta daripada 22,385 buah lokasi di seluruh semenanjung Malaysia dan juga Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan. Kawasan ini menerima peruntukkan sebanyak RM64.82 juta dengan peserta melibatkan 47,938 orang individu; dan 42,482- komuniti; 23,135 buah institusi; dan 51,652 buah sekolah.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berminat, kalau ada institusi-institusi ini boleh pohon dengan MAFI dan dia boleh membantu meningkatkan ekonomi di pusat-pusat tersebut. Tindakan susulan selepas daripada permintaan dan penyertaan yang sangat baik, kerajaan buat tindakan susulan dengan meletakkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada tahun 2020 bagi membantu penduduk bandar dan pinggir bandar.

Maka kerajaan memperuntukkan 10 juta ini membabitkan 23,104 orang yang melibatkan 16,405 buah lokasi di seluruh Malaysia. Sambutan yang menggalakkan ini kerajaan telah pun menyuntik lagi bantuan iaitu sebanyak RM30 juta bagi program tersebut yang memanfaatkan tambahan kepada 39,608 orang.

Kemudian, kerajaan pula menyokong lagi kesinambungan Program Pertanian Bandar ini dan telah meluluskan sebanyak RM50 juta di bawah RMKe-12 dalam tempoh lima tahun akan datang dan peruntukkan ini boleh Ahli-ahli Yang Berhormat ambil kesempatan ini. DOA juga telah ada peruntukkan tersendiri yang memberi kesan yang sangat baik kepada para petani di kawasan bandar dan juga pinggir bandar dan ia terbuka kepada semua. Cuma kita bagi keutamaan kepada B40. Ini merupakan kebiasaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** B40 ya?

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Ya, B40.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan?

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan



Menteri. Soalan tambahan saya; pada kala ramai di kalangan Keluarga Malaysia kehilangan sumber pendapatan dan diberhentikan kerja, apakah kementerian boleh menyatakan adakah terdapat peruntukkan geran atau apa-apa insentif buat mereka yang ingin memulakan untuk mencari pendapatan di bidang pertanian ini? Sekian.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam. Sememangnya kalau kita lihat kepada inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan bukan sahaja Kementerian MAFI, juga kementerian yang lain. Kerajaan memberi fokus kepada rakyat yang ada di dalam negara kita untuk menyelesaikan sedikit sebanyak isu yang membabitkan COVID-19 yang melanda negara kita. Bagi MAFI, kita memperkenalkan berbagai-bagai insentif daripada pihak kerajaan. Sama ada dalam bentuk inisiatif ataupun insentif. Kedua-dua sekali diambil oleh pihak kerajaan.

Di peringkat MAFI, kita memperkenalkan program-program kebun dan juga nelayan yang berbagai-bagai. Termasuk kita memberi bantuan peralatan untuk pertanian. Begitu juga bantuan-bantuan yang kita berikan kepada nelayan-nelayan. Terutamanya nelayan pantai telah diberikan dan daripada segi jumlah kalau Yang Berhormat hendak secara tepat, Insya-Allah kita akan bagi selepas daripada ini. MAFI ini antara yang paling besar saya kira yang menyentuh hati nurani rakyat yang ada dalam negara kita yang alhamdulillah sememangnya selepas daripada pemberian ini dianugerahkan, kita lihat perubahan yang berlaku kepada masyarakat terutamanya B40- bukan *B40*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Hal utama untuk melaksanakan program pertanian bandar itu tanah, sebab khususnya kawasan-kawasan bandar yang di pangsapuri. Apa bentuk kerjasama daripada kementerian dengan pihak PBT untuk melaksanakan program ini.

■1040

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelas?

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Jelas, ya. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Yaakob Sapari. Berkenaan dengan kawasan bandar. Kita ada dua buah kawasan yang pertama, walaupun di bandar ataupun pinggir bandar yang masih mempunyai tanah.

Kedua, ada yang berada di rumah-rumah *flat*, di tempat-tempat yang tidak bertanah, yang tidak bertanah ini kita galakkan kepada mereka dan kerajaan memberi bantuan-bantuan kepada mereka secara geran iaitu kita memperkenalkan

teknologi pertanian tanpa menggunakan tanah ataupun dikenali dengan hidroponik. Bahasa Melayu apa Tuan Yang di-Pertua hidroponik ini?... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Saya pun tidak jumpa lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak apa, itu kita berunding kemudian.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Berunding kemudian, sama-sama tidak tahu... [Ketawa] Akan tetapi hidroponik ini untuk makluman Yang Berhormat, potensi ia lebih hebat daripada cara penggunaan tanah. Ini telah diperkenalkan di negara-negara maju dan tidak terkecuali di dalam negara kita.

Saya sendiri, saya ada buat *test* ini di sebuah tempat yang sempit. Kita boleh letak di beranda, kita tanam sayur, jumlah tanaman itu, tempat yang sempit lebih kurang 4x8 kaki sahaja telah mengeluarkan hasil, ia buat lubang ini sama banyak dengan jumlah Ahli Parlimen sebanyak 222- lubang. *Alhamdulillah*, saya makan dua minggu tidak habis. Itu pun saya ada tempat maahad tahfiz yang saya bagi, dua minggu tidak habis. Maksudnya ini ialah hasil yang sangat lumayan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beralih kepada Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin.

**5. Datuk Donald Peter Mojuntin** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, jumlah kerugian pada tahun 2020, dan jumlah anggaran kerugian untuk tahun 2021 yang dialami oleh industri pelancongan di negara ini secara keseluruhan dan khususnya di Sabah.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Seri Dr. Santhara]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin atas pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pelancongan negara mengalami kerugian akibat kehilangan perbelanjaan pelancongan sekitar RM135 bilion pada tahun 2020 dan jumlah ini telah meningkat kepada RM165 bilion pada tahun 2021, secara keseluruhan.

Namun demikian, untuk negeri Sabah pula berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penerimaan pelancong domestik pada tahun 2020 telah merosot sebanyak 66.9 peratus dan ia telah mengakibatkan kerugian sebanyak RM5.4 bilion dan daripada RM8.1 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.7 bilion pada tahun 2020.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua . Soalan tambahan saya, memandangkan industri pelancongan ialah satu sektor utama yang menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi serta peningkatan tahap sosioekonomi rakyat Sabah. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan dirancang oleh kerajaan pusat untuk membantu kerajaan di Sabah dalam memulihkan kembali kemerosotan industri ini mengikut matlamat Keluarga Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Santhara:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Selain daripada pasca PKP- jangka pendek, pelan pemulihan pasca PKP ataupun pasaran domestik dan antarabangsa telah diperkenalkan. Terutamanya ialah untuk mengembalikan keyakinan pelancong, keduanya ialah peningkatan pelancongan domestik yang melibatkan contohnya Kempen Cuti-cuti Malaysia, peruntukan geran, kempen, MRCE Domestik program kerjasama Sabah dan juga penerbangan dengan NGO.

Seterusnya yang ketiga ialah mempergiatkan pasaran serantau ASEAN dan juga sebagainya untuk menjadikan transit hub dan juga haji, umrah dan juga perkara-perkara lain. Untuk Sabah secara khususnya kita telah ada satu Geran Sokongan Pelancongan Ataupun Seni Budaya (GSPSB) iaitu satu bentuk inisiatif yang mengguna pakai *matching grant* untuk membantu penganjur-penganjur acara dan program yang menganjurkan acara dan program tersebut contohnya di Malaysia. Contohnya, Pesta Damas dan juga Persatuan Bangsa Sungai Sabah RM100 ribu, Pesta Bajau Laut oleh *Borneo Divers* dan juga *Sea Sport Sabah* RM150 ribu, *Sabah Virtual Travel Fair* oleh Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Sabah (STTA) dengan RM25 ribu.

Format peruntukan bagi inisiatif ini ialah cara pengambilan secara kewangan *reimbursable financial assistance* dan juga nilai kelulusan peruntukannya antara RM20 ribu hingga RM500 ribu bagi setiap program dan juga sebagainya. Inisiatif ini secara tidak langsung telah membantu dan juga pelbagai inisiatif-inisiatif baharu dilaksanakan dan saya akan berikan secara bertulis memandangkan masa tidak mencukupi untuk menjawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr. Santhara Kumar. Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

**6. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, inisiatif oleh kementerian menerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dalam mengenal pasti pengkarya-pengkarya filem berskala kecil bagi mengetengahkan bakat dan karya mereka untuk dipersembahkan dalam platform digital seperti *Netflix*.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian melalui FINAS telah menyediakan pelbagai bantuan. Pada tahun 2021 dengan jumlah RM38 juta peruntukan wang COVID-19 di bawah Geran Dana Kandungan Digital kepada pengkarya-pengkarya filem berskala kecil bagi mengetengahkan bakat dan karya mereka untuk dipersembahkan di platform *over top* seperti Netflix.

Antara dana-dana di bawah DKDE yang membantu pengkarya filem berskala kecil ini adalah seperti berikut:

- (i) Dana Mikro Pengkarya dapat membantu penggiat industri filem tempatan dalam menghasilkan karya melalui pembangunan kandungan kreatif dalam tempoh fasa pemulihan ekonomi akibat COVID-19. Penggiat industri profesional yang baharu termasuk Sabah dan Sarawak boleh memohon bagi kategori dana mikro untuk projek baharu, *fresh content* yang sedia ada bagi tayangan di platform digital dengan maksimum pembiayaan sebanyak RM15 ribu atau boleh memohon kepada dana Mikro Pembangunan Skrip dengan maksimum pembayaran sebanyak RM15 ribu. Semua berjumlah RM8 juta daripada peruntukan dana ini;
- (ii) Dana Program TV OTT pula adalah kerjasama dengan Media Prima Berhad yang bertujuan untuk meningkatkan kandungan kreatif tempatan dan penontonan di platform Penyiar OTT Tonton Cinema serta menjana semula ekonomi industri kandungan kreatif bagi jangka masa pendek; dan
- (iii) melalui kerjasama dengan penyiar tempatan. Sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk dana ini dan menyasarkan kepada syarikat produksi tempatan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair:** Apakah bentuk pengiktirafan yang dikurniakan oleh pihak kementerian kepada keluarga Mamat Khalid sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kerajaan terhadap sumbangan dan jasa besar beliau dalam bidang seni perfileman tempatan?

Adakah kementerian menerusi FINAS mempunyai perancangan khusus bagi mewujudkan Akademi Mamat Khalid yang boleh membimbing pengarah-pengarah filem muda untuk meneruskan legasi hebat beliau? Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, satu peringatan yang baik. Bagi kementerian, kita baru merancang untuk memberi sedikit sumbangan kepada Allahyarham tetapi untuk menubuhkan akademi dan sebagainya ini ialah satu cadangan. Kita anggap cadangan daripada Yang Berhormat Senator untuk kita ketengahkan dalam kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, tamat.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apa rancangan kementerian untuk mempromosikan filem-filem negara supaya ia kalau ia tidak sehampir filem-filem Korea, filem-filem Turki, filem-filem Thailand yang sudah mula eksport produk-produk filem mereka ke seluruh dunia, di antara negara-negara yang sedang maju dalam mempromosikan filem mereka. Apakah rancangan usaha dan gerak kerja yang telah dijalankan oleh kerajaan ke arah itu? Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kita baru hendak umum rancangan itu tetapi disebabkan oleh COVID-19 ini kita tergendala sedikit. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di antartahun yang pertama kita buat program *Road to Oscar*. Itu program kita untuk mempromosi filem-filem tempatan yang mana program ini ialah program kita buat - *young producer, young actor* dan *young script writer* semua golongan muda kita *trained* daripada awal.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Young actor*, pelakon muda?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Pelakon muda.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Okay*.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Kita try, kita cari. Kita panggil semua universiti yang terlibat, semua universiti terlibat dan kita tubuhkan jawatankuasa untuk kita *promote*, kita ketengahkan. Kita tidak hendak hero lama, kita cari hero-hero baharu yang ada sedikit kredibiliti dan integriti sedikitlah kita tengok, ini satu program.

#### ■1050

Kita minta selain daripada FINAS syarikat swasta terutamanya antaranya syarikat telekomunikasi di bawah kementerian untuk bagi sumbangan sedikit sebab filem ini kalau hendak buat ke *international* kena mahal sedikit. Itu yang pertama.

Keduanya, kita ada di kementerian dipanggil kreatif *venture* dan juga FINAS akan bekerjasama untuk kita ubahsuai sedikit kredibiliti filem kita contohnya macam filem Korea *Squid Game*, macam mana Kementerian Belia dan Sukan berkomunikasi dengan filem. So, sukan ini mereka *combine* sekali dan mereka sediakan selepas ini macam mana hendak *promote* filem mereka.

Jadi, ini pun kita buat juga di mana kandungan kreatif kita ubah suai sedikit, program kesenian kita untuk kita tingkatkan kreativiti pihak-pihak sendiri kita untuk kita *promote* filem kita ke luar negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Zahidi bin Zainul Abidin.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya.

**7. Tuan Ahmad bin Yahaya** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kajian mengenai impak minda kepada kanak-kanak dan remaja daripada permainan video dalam Internet yang mengandungi ciri keganasan dan keruntuhan akhlak.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat beberapa penemuan dan kajian yang menjurus kepada impak penggunaan peranti digital *gadget* dalam permainan video dan talian terhadap minda kanak-kanak dan remaja. Di antaranya Kajian Penggunaan Internet 2020 yang mana kita tahu akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan sejak Mac 2020.

Masyarakat perlu berada di rumah dan ini sekali gus menyebabkan penggunaan Internet termasuk golongan kanak-kanak semakin meningkat. Melalui laporan Kajian Penggunaan Internet 2020 yang telah dikeluarkan oleh SKMM didapati penggunaan Internet khususnya di kalangan kanak-kanak berumur lima hingga 17 tahun telah meningkat daripada 18.4 peratus pada tahun 2016 kepada 47 peratus pada tahun 2020.

Ini lebih membimbangkan lagi, daripada angka ini sebanyak 56.3 peratus daripada kanak-kanak ini melayari Internet melalui peranti secara bersendirian. Terbaru didapati daripada tinjauan pendapat umum mengenai cabaran dan persediaan golongan ibu bapa berkaitan dengan teknologi digital ini yang telah dilaksanakan di bawah LPPKN di mana pada Mei dan Jun 2021 didapati 70 peratus ibu bapa membenarkan anak-anak untuk memiliki peranti sendiri.

Di mana tujuannya adalah sebagai medium pembelajaran selaras dengan perkembangan kaedah pembelajaran masa kini dan melalui atas talian dan didapati tiga perkara utama yang membimbangkan iaitu:

- (i) ketagihan penggunaan;

- (ii) terdedah kepada pengaruh negatif daripada media sosial dan laman sesawang yang tidak terkawal; dan
- (iii) tidak fokus terhadap pembelajaran.

Justeru, sebagai langkah berjaga-jaga, di antara tindakan yang telah diambil oleh ibu bapa iaitu:

- (i) mengehadkan masa penggunaan tidak melebihi tempoh empat jam sehari
- (ii) pemantauan terhadap perisian peranti kanak-kanak;
- (iii) memasang aplikasi kawalan ibu bapa;
- (iv) membenarkan penggunaan aplikasi yang mesra kanak-kanak termasuk juga;
- (v) mengehadkan masa penggunaan iaitu masa tanpa *gadget* iaitu masa mesti digunakan, masa yang berkualiti dengan keluarga.

Walaupun tiada penemuan khusus dan impak terhadap minda kanak-kanak dan remaja kesan daripada permainan video LPPKN melalui Geran Penyelidikan LPPKN sedang mengadakan beberapa kerjasama kajian berkaitan dengan keibubapaan digital dengan institusi pengajian tinggi di antaranya model penilaian kesihatan mental berteraskan teknik dan gamifikasi- minta maaf terjemahan Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan UKM, dan juga kajian tentang kesihatan mental dalam kalangan remaja yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dengan Universiti Utara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Realiti sekarang sekat tidak mungkin berlaku seluruh dunia sudah cuba, cuma dari sudut ini apakah kementerian ada bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya menjadikan anak-anak kita ini mempunyai jati diri yang lebih dalam menghadapi segala serangan *gig* baru ini yang mereka tidak boleh lari. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, Malaysia- yang kelima, penggunaan *gig* ini dalam dunia, lebih kurang hampir sembilan jam penggunaan rakyat kita secara purata. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu kesan *gadget* kepada anak-anak kita. Memang sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, contohnya KKMM telah menyekat 6,190- laman yang memaparkan aksi-aksi lucah dan sebagainya sehingga Ogos 2021. Akan tetapi selepas itu mereka menggunakan alamat yang berbeza. Inilah antara cabaran kita apabila berdepan dengan suasana perkembangan teknologi hari ini.

Jadi, kita sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melihat isu ini dengan lebih khusus dan melalui kementerian kami iaitu program keselamatan kanak-kanak kita selaraskan bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu di antaranya program Keselamatan Sahabat B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung yang mana program ini kita kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan juga program ini untuk kita sebar luaskan maklumat tentang keselamatan kanak-kanak termasuk juga kesedaran undang-undang. Begitu juga kita mengadakan program PEKA iaitu Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak mencakupi tentang keselamatan di rumah dan di luar rumah.

Begitu juga kita telah mengadakan kerjasama juga dengan pihak KEMAS, Jabatan Perpaduan dan Negara, JKM bersama dengan NGO-NGO lain yang melibatkan lebih 17,550 orang peserta, melibatkan 288 program dan begitu juga kerjasama kita bersama UNICEF dan di samping itu kempen juga kita laksanakan bersama NGO dan kita mengharapkan kita juga ada Pelan Tindakan Pelindungan Dalam Talian Terhadap Kanak-kanak yang telah dilaksanakan di bawah kementerian.

*Insya-Allah*, kita harapkan kerjasama daripada ibu bapa untuk mengawal anak-anak supaya terus tidak menjadi mangsa teknologi terkini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya apakah kementerian ada berkompromi dengan Kementerian Belia dan Sukan kerana di Kementerian Belia dan Sukan kita mempromosikan sukan elektronik sedangkan di kementerian ini bermasalah untuk mengawal anak-anak. Jadi anak-anak ini juga menjadi bakal pemain sukan ini nanti. Jadi, di mana kita dapat berkompromi antara dua kementerian ini. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Kita memang sentiasa mengadakan kerjasama malah dalam kunjung hormat saya bersama rakan sejawat saya di Kementerian Belia dan Sukan memang isu ini juga kita bincangkan. Jadi, kita merai perkembangan teknologi yang ada dan kita mengharapkan ialah kawalan, yang paling penting merupakan kawalan supaya apa yang di- penggunaan ini tidak memberi kesan yang negatif kepada anak-anak kita. *Insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah sebelum kita beralih mungkin *relevant* kita menyatakan hubaya tentang siaran pornografi di kalangan kanak-kanak.

Dipersilakan Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff

**8. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk mendapatkan pandangan daripada orang ramai sebelum triti-triti antarabangsa diratifikasikan.



**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff atas pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat pengertian terma triti adalah meliputi mana-mana perjanjian bertulis yang dibuat oleh Malaysia dengan mana-mana negara atau pertubuhan antarabangsa. Triti ditakrifkan sebagai persetujuan secara formal dan bertulis yang berpandukan undang-undang antarabangsa antara sesebuah negara dengan negara lain atau pertubuhan antarabangsa. Ia merangkumi pelbagai bidang, antaranya hak asasi manusia, keselamatan dan pertahanan, perdagangan dan pelucutan senjata.

Daripada perspektif perundangan skop triti boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu mengikat, dengan izin, *legally binding* dan tidak mengikat, dengan izin, *non legally binding*. Antara contoh triti yang mengikat adalah *conventions* mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita, dengan izin, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)*.

Manakala contoh teriti yang tidak mengikat pengisytiharan hak asasi manusia sejagat, dengan izin, *Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator seterusnya Kementerian Luar Negeri selaku kementerian yang bertanggungjawab mengendalikan isu berkaitan hubungan luar akan berfungsi sebagai pengantara sebagai Kerajaan Malaysia dengan badan yang mengelola triti tersebut mengenai keputusan Kerajaan Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi triti berkenaan.

#### ■1100

Manakala setiap triti yang ingin diratifikasi adalah di bawah bidang tugas kementerian yang bertanggungjawab mengenai isu yang disentuh dalam triti tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan sentiasa bersifat terbuka dan bersedia untuk mendengar pandangan dan mendapat maklum balas daripada orang ramai dan masyarakat madani sebelum menandatangani dan meratifikasi sebarang triti antarabangsa terutamanya mengenai perkara-perkara yang melibatkan isu-isu sensitif kepada rakyat.

Dalam proses menjadi ahli kepada mana-mana triti, terdapat ruang atau fasa yang mana pihak kerajaan telah melibatkan orang ramai bagi mendapat maklum balas. Sebagai contoh, semasa Malaysia menandatangani dan meratifikasi CEDAW pada tahun 1995, kerajaan telah mengambil pendekatan seperti mesyuarat antara agensi yang terlibat bagi membincangkan cadangan untuk meratifikasi CEDAW dan

mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh akademia dan masyarakat madani bagi mendapatkan maklum balas dan berkongsi input yang diperoleh daripada masyarakat daripada mesyuarat antara agensi yang dijalankan.

Jadi, sekali lagi saya ingin menekankan bahawa pihak kerajaan akan sentiasa prihatin, mendengar, menghormati dan tidak membelakangkan pandangan rakyat dan pemegang taruh yang lain dalam hal meratifikasi sebarang triti antarabangsa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah.* Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sehingga kini, apakah status dan pendirian kerajaan Malaysia sekarang berkenaan enam triti antarabangsa yang berkaitan hak asasi yang dirancang oleh kerajaan pada tahun 2018 terdahulu untuk ditandatangani? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bunyi umum sedikit, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Agak umum Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita dengar tadi. Akan tetapi jawapan yang umumnya kerajaan akan sentiasa meninjau dan akan membuat keputusan apabila masa yang sesuai.

Setakat ini, belum ada lagi apa-apa keputusan untuk menandatangani apa-apa lagi konvensyen atau triti berkaitan dengan hak asasi manusia sebagai mana yang ditimbulkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, tetapi sebelum itu mungkin yang enam triti tadi boleh disampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk diteliti dan diberi balik jawapannya. Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih. Apa, dan berapakah triti antarabangsa yang sedang dalam tindakan kerajaan buat masa ini dan adakah kerajaan berhasrat untuk memberi penerangan kepada rakyat setiap triti yang hendak di ratifikasikan? Terima kasih, lebih kurang sama.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang saya boleh laporkan untuk makluman Dewan yang mulia ini ialah bahawa kerajaan yang baharu ini telah mewujudkan apa yang kita sebut Majlis Perundingan Dasar Luar Negeri yang melibatkan tokoh-tokoh NGO dan sebagainya dalam negara kita.

Keduanya, kita juga telah dan Dewan Rakyat khususnya telah bersetuju untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Luar Negeri, dalam Parlimen kita. Ini merupakan instrumen dan kaedah-kaedah baharu untuk kita pastikan

bahawa apa-apa triti sekalipun akan dapat pertimbangan daripada rakyat dan khususnya Parlimen yang mulia kita ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Kamarudin bin Jaffar selaku Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

Beralih kepada Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

**9. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa status kajian klinikal berhubung keberkesanan, dan kesan penggunaan *ivermectin* bagi merawat pesakit COVID-19 yang telah dijalankan oleh pihak kementerian, dan adakah terdapat bukti saintifik yang dijalankan di peringkat antarabangsa serta langkah yang diambil bagi mengatasi masalah penggunaan *ivermectin* ketika ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, Kajian I-TECH telah lengkap pada proses merekrut pesakit seramai 500 orang dan kini dalam tempoh akhir analisis kajian. Seterusnya, hasil kajian dijangka akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan pada akhir bulan Oktober 2021.

Setaka ini, bukti untuk menyokong penggunaan *ivermectin* bagi merawat dan mencegah adalah sangat terhad. Pada 28 Julai 2021, *Cochrane Library* telah mengeluarkan kenyataan tidak menyokong penggunaan ubat *ivermectin* bagi mencegah atau merawat COVID-19 berlandaskan analisis sistematik ke atas 14 kajian klinikal yang melibatkan 1,678 orang peserta.

Cochrane Library merumuskan keperluan untuk data kajian yang lebih berkualiti diterbitkan untuk dianalisis. Selain itu, terdapat juga kajian klinikal berskala besar baru-baru ini yang melibatkan pesakit COVID-19 yang tidak dirawat di hospital dan mempunyai gejala ringan seperti percubaan *ivermectin*, dengan izin, *to prevent hospitalisation in patients with COVID-19 (IVERCOR-COVID19)* di Argentina dan percubaan bersama di Brazil mendapati *ivermectin* tidak berkesan dalam mencegah kemasukan ke hospital.

Terbaharu, kajian klinikal berasaskan komuniti berskala besar yang merekrut pesakit luar COVID-19 dengan penyakit ringan yang dikenali sebagai, dengan izin, *Platform Randomised Trial of Treatments in the Community for Epidemic and Pandemic Illnesses (PRINCIPLE)* di *United Kingdom*. Selain daripada itu di Amerika Syarikat, ujian yang dikenali sebagai ACTIV yang juga sedang menjalankan kajian berkaitan dengan *ivermectin* yang dikenali sebagai ACTIV-6: *COVID-19 Study of Repurposed Medications*, dengan izin, dan hasil kajian akan diperolehi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung langkah yang diambil untuk mengatasi masalah penggunaan *ivermectin*, KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk kesihatan dan ubatan yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang awam.

Produk kesihatan yang berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL serta pelekat keselamatan hologram pada labelnya. Bagi mengekang penjualan produk kesihatan tidak berdaftar termasuk produk dengan dakwaan boleh merawat COVID-19 seperti *ivermectin*, Kementerian Kesihatan menjalankan tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan ke atas premis-premis atau penjual tersebut berdasarkan pemantauan dalaman dan pengesanan ke atas aduan yang diterima daripada orang awam.

Syarikat atau individu yang didapati memiliki atau menjual produk kesihatan tidak berdaftar akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1992. Bahagian Penguatkuasaan Farmasi telah menerima sebanyak 175 aduan mengenai *ivermectin* sepanjang tahun sehingga bulan September.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pengesanan yang dijalankan, sebanyak 17 buah premis telah diserbu pada tahun 2020 dengan nilai rampasan sebanyak RM7,193 dan serbuan ke atas 43 buah premis dan 17 pemeriksaan pada tahun 2021 dengan nilai rampasan sebanyak RM124,815.

Ada panjang lagi ini sebenarnya. Satu muka surat lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh dirumuskan?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Rumuskan ya. Saya rumuskan...

[Ketawa]

Jadi, yang terakhirnya Kementerian Kesihatan turut menjalankan pelbagai usaha pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai penggunaan produk kesihatan berdaftar melalui dialog awam, ceramah, Kempen Kenali Ubat, Duta Kenali Ubat dan Kempen Waspada Pembelian Ubat *Online* di seluruh negara.

Melalui kempen tersebut, maklumat berkaitan produk kesihatan atau ubat-ubatan berdaftar disampaikan kepada golongan masyarakat untuk menyedarkan masyarakat. Sepanjang tahun lepas dan sehingga kini, usaha pendidikan turut dijalankan dengan memuat naik sebanyak 128 buah poster dan maklumat di *Facebook* atau media sosial dan 10 buah poster adalah khusus berkaitan COVID-19. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kajian klinikal yang telah dijalankan terhadap keberkesanan ke atas 500 orang pesakit, bagaimanakah kementerian mengenal

pasti atau memilih setiap seorang daripada 500 orang pesakit yang menjalani ujian tersebut dan apakah aspek-aspek keselamatan yang telah diberi penekanan dalam ujian klinikal tersebut memandangkan para pesakit yang terlibat merupakan golongan yang berumur dan mempunyai penyakit kronik? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah satu kajian dalaman yang dijalankan di negara kita ini berdasarkan seruan dan permintaan ramai.

Jadi, I-TECH ini bermakna *Ivermectin Treatment Efficacy In COVID-19 High Risk Patients*; maknanya *patients* yang berisiko tinggi. Ini merupakan satu ujian yang telah dimulakan pada bulan Mei iaitu lebih kurang lima bulan di 21 buah tempat dan pemilihannya merupakan kes pesakit-pesakit yang bertahap sederhana ataupun kategori dua dan tiga dan umur melebihi 50 tahun dan mempunyai *comorbid*.

Jadi, pesakit-pesakit berkriteria ini dipilih dan berada di 21 buah tempat, iaitu di 20 buah hospital dan juga di MAEPS sebenarnya. Kajian merekrut telah selesai dan ini di peringkat akhir analisis dan sudah tentu keputusannya seperti yang saya sebut tadi akan dibentangkan kepada pihak yang berkepentingan dan Kementerian Kesihatan pada Oktober dan akan dibentangkan pada umum.

Jadi, ini telah dijalankan dan semua hospital oleh pakar-pakar yang berkenaan dan kita yakin sama ada ia layak digunakan ataupun tidak khususnya di negara kita ini akan tercetus daripada hasil kajian ini. Terima kasih.

#### ■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Satu lagi tambahan.

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Soalan tambahan saya. Apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mendidik rakyat mengenai bahaya penggunaan *ivermectin* sebagai rawatan alternatif atau pencegah COVID-19 selagi mana keputusan berkaitan status keselamatan penggunaannya tidak lagi diputuskan oleh Badan Regulatori Farmasi Kebangsaan? Memandangkan perkara ini turut dipolitikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang sanggup mempertaruhkan nyawa rakyat dengan sewenang-wenangnya apabila mendesak *ivermectin* diluluskan segera tanpa melalui proses tersebut. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu soalan yang pentinglah.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini, saya tak pastilah sama ada bangsa mana, Melayu kah, Cina kah, India, apabila sebut pasal ubat baharu sahaja, semua orang akan kelam kabut. Tambah-tambah bila sebut kata ubat ini boleh kuat, ha, dia terus hendak beli. Dia terus hendak beli, dia tak fikir lagi dah. Jadi kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ubat hendak kuat apa?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Itu yang jadi masalah itu, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita kata kuat sahaja, dia sudah bulat mata dia. Dia kata, "*Oh, ini mesti kuat seluruh badan*", dia terus beli. Jadi kita takut perkara-perkara ini.

Kalau kita dapat lihat kajian-kajian yang dijalankan di dunia, tidak cukup sebenarnya. Ada kajian yang kata ya, ada kajian-kajian yang saya sebut tadi mengatakan tidak. Jadi itu sebab pada ketika ini WHO hanya menyarankan penggunaan *ivermectin* hanyalah untuk *clinical study* ataupun kajian dalaman. Jadi di hospital di negara kita, hanya 20 buah hospital yang menggunakan secara *off-label*. "*Off-label*" itu "label tertutup", ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Label luaran.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Label luaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi...

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Boleh saya...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Jadi, saya hendak sebut, kita tak tahu, kita bimbang. Kita KKM sangat prihatin. Kita tak hendak nanti bila kita guna, tidak berkesan ataupun kita guna nanti mendatangkan masalah. Ada banyak ubat dulu, kalau kita dapat sebut, contohnya *hydroxychloroquine*, ubat anti malaria yang pernah digunakan itu akhirnya tak digunakan sebab mendapati benda itu tidak baik, tidak mendatangkan kesan.

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa menjawab sudah selesai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Sudah selesai? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Soalan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab cerita ubat kuat ini, bolehlah satu soalan lagi.

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Saya satu ya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Sikit sahaja. Apakah tindakan yang diambil kepada pengamal perubatan yang mengguna pakai ubat ini untuk pesakit? Apakah tindakan kementerian kepada pengamal perubatan sebegini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingat soalan ubat kuat... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa. Selepas ini boleh satu lagi sebab ini ubat punya pasal ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebut tadi, bahagian kawalan di farmasi, kuat kuasa

farmasi menjalankan- tadi ada banyak benda saya tak dapat baca tadi sikit. Menjalankan penyerbuan dan sebagainya ke tempat-tempat yang menerima aduan daripada awam ataupun daripada pemantauan. Jadi, mereka ini akan diambil tindakanlah, bermakna sama ada ke mahkamah dan dibuat penyiasatan dulu dan sebagainya supaya perkara ini tidak berleluasa.

Saya dapat juga ada beberapa orang pengamal perubatan yang telah bertanya kepada saya, "*Macam mana saya hendak buat? Saya terkena. Saya hanya makan untuk diri saya...*" dan sebagainya. Jadi, kita sudah sarankan tadi, janganlah cepat kita buat keputusan. Kita dengarlah nasihat daripada Kementerian Kesihatan. Sebab Kementerian Kesihatan ini tugasnya menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia hari ini. Sebab itu kita sangat prihatin dan cukup berhati-hati sebelum kita mengatakan ya atau tidak kepada ubat-ubat baharu ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Pohon saya soalan tambahan. Saya cuma hendak bertanya, adakah kerajaan akan mengambil tindakan atas penjualan secara terlalu bebas atas talian *ivermectin* ini? Apakah tindakan kerajaan? Sebab kita nampak orang mengambil kesempatan dan menjualnya dengan harga yang mahal walaupun ubat ini tiada lagi bukti-bukti yang kukuh boleh mencegah jangkitan COVID-19. Apakah tindakan kerajaan?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya faham soalan ini soalan penting kerana cerita *ivermectin* ini sangat berleluasa sekarang ini. KKM telah menyatakan apakah pandangan kita dan pendapat kita dan kajian yang kita lakukan.

Jadi bagi mereka yang kalau ada perkara macam ini, yang pertamanya, saya nasihatkan buat aduan. Kita buat aduan, buat cara formal, buat cara betul. Buat aduan dan tindakan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi akan ambil tindakan. Sudah tentu kalau kata penjualan itu, ia akan dihentikan serta-merta. Tak boleh. Memang tak boleh sebab tidak ada pendaftaran, tidak dapat kelulusan NPRA dan PBKD. Jadi, memang tak boleh. Sudah pasti tindakan keras akan diambil kerana kita belum lagi meluluskan penggunaan *ivermectin*.

Tuan Yang di-Pertua, *ivermectin* ini ubat anti parasit. Ia gunanya untuk cacing-cacing ini, cacing pada haiwan. Jadi kalau kita bagi pada kucing, kita bagi pada anjing, selepas itu kita bagi kepada babi, selepas itu kita bagi kepada dia. Sanggupkah kita makan? Sebab benda ini belum diluluskan lagi. Kita patut tunggu keputusan daripada KKM apabila kajian ini telah dimuktamadkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Jadi, Yang Berhormat, jangan makan *ivermectin* dulu tapi kalau ada cacing banyak, sikit-sikit bolehlah agaknya ya.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Dr. Haji Noor Azmi.

**10. Tuan Aknan a/l Ehtook** minta Perdana Menteri menyatakan, status kemajuan terkini berkenaan projek Kedah Rubber City di Kedah dan apakah perancangan Kementerian untuk memastikan pelabur di *Kedah Rubber City* ini mendapat bekalan getah yang mencukupi supaya industri berasaskan getah di kawasan tersebut kekal pada bilangan/peratusan yang wajar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri JPM kita, Dato' Pa.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan. Soalan berkaitan dengan projek *Kedah Rubber City*, Tuan Yang di-Pertua, di Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, *Kedah Rubber City* (KRC) keluasannya 1,244 ekar yang merupakan sebuah projek nasional terletak di Mukim Padang Terap Kiri di Padang Terap, Kedah yang akan dilaksanakan secara berfasa. Peruntukan RM417 juta telah disediakan meliputi dua rancangan Malaysia iaitu RMKe-11, dan RMKe-12. Setakat ini, RM354 juta telah pun dibelanjakan dan dijangka siap pada penghujung tahun depan.

KRC, Tuan Yang di-Pertua, merupakan taman industri getah khusus yang pertama di Kedah dan ia diposisikan sebagai hab industri getah nilai tinggi untuk rantau ASEAN. Ia akan memberi tumpuan kepada aktiviti getah hiliran dengan memanfaatkan kekayaan bekalan getah mentah di Malaysia dan Thailand.

Pembangunan ini secara berfasa. Fasa Pertama 500 ekar, kedua 700 ekar dan setakat ini 120 ekar sedang dibangunkan. Fasa Pertama ini akan siap pada Disember 2022.

Pelaburan setakat ini, komitmen ialah daripada dua buah syarikat iaitu Hong Seng dan LTS Logistics. Nilai pelaburan RM1.6 bilion, peluang pekerjaan 2,630 orang. Selain itu, lima buah syarikat, kita difahamkan, sudah menunjukkan minat untuk melabur di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa, Malaysia merupakan pengeluar getah terbesar di dunia. Sekarang ini kita nombor tujuh. Pengeluaran kita kira-kira 514 ribu tan setahun, tak sampai pun 10 peratus daripada pengeluaran ataupun kira-kira 10 peratus daripada pengeluaran negara Thailand. Jadi, kita mengimport. Malaysia telah mengeluarkan kira-kira setakat ini, tahun ini 313 ribu tan dan kita juga telah mengimport lebih daripada 815 ribu tan setakat ini, Tuan Yang di-Pertua.



Lokasi KRC ini tak jauh dari Seremban dan Ban Prakob, Thailand dan juga Durian Burung di Padang Terap. Tujuan dibina di sana kerana sumber untuk industri ini terdapat banyak di Kedah dan juga di Selatan Thailand.

Projek dipantau oleh Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) dan NCIA akan bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi serta Lembaga Getah Malaysia untuk memastikan bahawa tidak ada masalah daripada segi bekalan sumber untuk membuat sarung tangan dan lain-lain.

Jadi, untuk menjawab soalan pertama, projek ini sedang mencatatkan kemajuan yang baik. Kedua, daripada segi bekalan getah, *insya-Allah*, tidak ada masalah sama ada keluaran tempatan ataupun import. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dulu, 20 tahun dulu, Malaysia negara pengeluar getah nombor satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa selalu bangkit cepat.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Okey... [Ketawa] Jadi, nombor satu. Sekarang sudah nombor 7, kata Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini produk paling, dengan izinkan Tuan Yang di-Pertua, yang paling *high-end* dalam program rancangan *Kedah Rubber City* ini, apakah produknya?

#### ■1120

Fasal sekarang ini getah kita, tayar-tayar berkualiti tinggi, *Hankook, Michelin, Pirelli* semua negara luar. Kita punya eksport tayar pun agak rendah. Jadi adakah setakat ini, dalam program *Kedah Rubber City* ini produk paling *high-end* yang dalam rancangan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** ...Berasaskan kepada getahlah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, produk yang paling berhasil itu.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, orang kampung saya ini.

Yang pertamanya daripada segi keluaran getah ini, paling banyak ialah sarung tangan. Sarung tangan ini ada pelbagai. Satu, dengan izin, yang *low-end* ataupun rendahlah. Produk-produk yang bernilai rendah. Satu lagi *high-end*, bernilai tinggi ya.

Sarung tangan dia pun pelbagai kualiti ada. Jadi 77 peratus daripada penghasilan Malaysia merupakan sarung tangan pelbagai jenis. Ada juga

dikeluarkan benang getah, 7.7 peratus. Ini boleh dikatakan produk yang tinggi nilainya dan tayar cuma enam peratus sahaja daripada jumlah kualiti kita itu, Malaysia.

Akan tetapi di *Kedah Rubber City*, di Padang Terap ini, pada peringkat awalnya akan dikeluarkan sarung tangan dan NBL. NBL ini bahan untuk buat sarung tangan. NBL ini dalam Bahasa Inggerisnya *nitrile-butadiene latex* ya. Ini bahan untuk mengeluarkan sarung tangan. Jadi dua keluaran. Syarikat Hun Seng yang telah diluluskan pelaburannya ini akan mengeluarkan dua jenis bahan, yang pertama sarung tangan, yang keduanya NBL pada satu peringkat lagi. Ini merupakan bahan untuk digunakan dalam membuat sarung tangan. Terima kasih.

Saya nampak Datuk Othman angguk. Dia orang Kedah. Betul. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Silakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua. Saya dulu. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat pada sumber lateks kita, banyaknya dari Thailand. Jadi kalau kita letak kilang kita di *Kedah Rubber City* berdekatan dengan Thailand, apa jaminan bahawa pihak Thailand tidak menyekat kemasukan lateks untuk dijadikan sumber oleh syarikat kita yang melabur di *Rubber City* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Aknan, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meniaga ini dia hendak jual lah. Kalau untung hendak jual ya dan kita dalam Malaysia ini kita berkawan, kita hendak integrasikan ekonomi ASEAN, pergerakan bebas barang-barang di antara negara ASEAN.

Jadi tidak ada risiko negara Thailand- tidak pernah dalam sejarah Thailand menyekat mana-mana keluaran Malaysia untuk masuk di Malaysia. Begitu juga Malaysia ya. Jadi daripada segi bekalan Yang Berhormat Tuan Aknan, tidak ada masalah ya. Bekalan dari Thailand dan Malaysia.

Sebenarnya Malaysia mengimport banyak. Kita keluar sikit saja, lebih dua kali ganda yang kita gunakan dalam negara ini, yang kita guna dalam negara untuk industri tertentu jauh melebihi pengeluaran kita. Maka kita import 40 peratus import getah adalah dari Thailand, 40 peratus dan tidak ada masalah bekalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Dato' Othman.

**Datuk Wira Othman bin Aziz:** Tambah satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Salah satu- komponen utama, yang saya kira dalam perancangan awal untuk *Kedah Rubber City* ini merupakan pemindahan Institut Kajian Getah di Sungai Buloh ini ke sana. Saya ingin

tahu, sejauh mana RRI ini telah pun selesai dibuat dan skop kajian ataupun penyelidikan yang dibuat sama ada huluan, hiliran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Saya kurang pasti memang adalah ura-ura apabila mula dirancang projek ini hendak pindahkan semuanya. Sungai Buloh ini sekarang ini sedang dibangunkan sebagai kawasan pertumbuhan baru ya, pembangunan hartanah yang hebat, termasuklah stesen kereta api MRT, sudah pun beroperasi MRT1 ya.

Jadi tidak banyak getah ada sana. Memang hendak rancang untuk pindah, cuma saya tidak pasti, saya akan semak dengan kementerian berkenaan sama ada memang ada desakan daripada orang Kedah dipindahkan ke Kedah. Akan tetapi setakat saya tahu, tidak ada keputusanlah untuk maknanya, AGM akan kemungkinan besar berada pada tempat sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Mustapa Mohamed yang datang sendiri ke Dewan menjawab soalan... *[Tepuk]* Dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tiga soalan tadi, diharap dapat penemuan fakta yang diperlukan. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Terima kasih. *Kalai vanakam* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari ini pun pakai putih.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** *[Ketawa]* Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 11. Terima kasih. *Nandri*.

**11. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah pelajar universiti awam yang tidak dapat meneruskan pengajian di IPT akibat masalah kewangan, dan apa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu atas soalan yang diutarakan.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi amat peka terhadap kebajikan pelajar di institut pengajian tinggi sepanjang tempoh pandemik COVID-19 terutamanya apabila melibatkan isu-isu yang berkait dengan kebajikan pelajar daripada golongan B40.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari, daripada rekod kita di Kementerian Pengajian Tinggi, pelajar universiti yang tidak dapat meneruskan pengajian akibat masalah kewangan pada tahun 2021 adalah pada kadar sebanyak hanya 0.4 peratus iaitu meliputi seramai 2,046 orang sahaja daripada keseluruhan enrolmen pelajar iaitu sebanyak 550,340 orang.

Daipada kajian kita, rekod kita yang menunjukkan berlaku penurunan sebanyak 0.2 peratus dari tahun 2020. Ini bermakna berdasarkan ini, ini bermakna bahawasanya isu bahawasanya pelajar tidak dapat meneruskan pengajian akibat masalah kewangan bukanlah satu masalah yang agak membebaskan atau besar dalam konteks pengajian tinggi.

Dalam konteks untuk memastikan bahawasanya masalah ini tidak berterusan dan makin serius ataupun makin teruk dan sebagainya, maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif. Di antaranya yang pertama ialah kita di pengajian tinggi melalui #KPTPrihatin telah membantu pelajar meneruskan dalam konteks untuk melakukan pengurangan yuran sebanyak 15 peratus yang dilaksanakan oleh semua UA pada sesi semester kedua akademik 2019/2020 sehingga semester kedua sesi akademik 2020 hingga 2021.

Akan tetapi yang terbaru, yang terbaru ini apabila pelajar mula untuk melanjutkan pelajaran pada 15 Oktober, maka pengurangan yuran sebanyak 20 peratus lagi diberikan kepada semua pelajar yang hanya warganegara Malaysia bagi semester pertama sesi akademik 2021 sehingga 2022. Ini menunjukkan kecaknaan kementerian dan kerajaan terhadap isu kebajikan pelajar.

Yang kedua, kita juga telah melaksanakan kerjasama strategik dengan beberapa buah agensi yang berkaitan. Di antaranya ialah, kita melaksanakan, pihak Universiti Awam melaksanakan program-program seperti dengan agensi Zakat. Sebagai contoh, Universiti Pertanian Malaysia mempunyai satu program yang dinamakan sebagai WAZAN, Wakaf, Zakat dan *Endowment* yang telah pun menyalurkan dari tahun 2020 sehingga 2021 sebanyak RM5.9 juta yang memberi manfaat kepada hampir 11,478 orang pelajar.

Yang baiknya, ingin saya nyatakan di sini adalah yang baiknya, bantuan ini bukan hanya terhad kepada untuk pelajar-pelajar yang Islam semata-mata. Bermakna ia juga untuk pelajar-pelajar yang juga bukan Islam. Maka saya menyeru, saya mengambil platform ini untuk menyeru kepada semua pelajar tidak kira bangsa, agama dan sebagainya untuk menghubungi pihak Hal Ehwal Pelajar universiti masing-masing apabila mengalami masalah kewangan dan sebagainya. Kita akan bantu *insya-Allah*, dengan izin.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat Yang Berhormat. Boleh ringkaskan sikit.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Satu minit saja. Tuan Yang di-Pertua. Okey. Yang kedua sebagai contoh UPSI juga mempunyai satu program dipanggil sebagai WEZAS, program yang sama dengan apa yang dibuat oleh UPM. Maknanya kita membantu pelajar tanpa mengira kaum, agama dan juga keturunan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Boleh tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua melalui Kementerian Pengajian Tinggi mengatakan bahawa yuran di IPTA akan dikurangkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Soalan saya, sejauh mana pantauan yang telah dilakukan oleh KPT terhadap ke semua IPTA di Malaysia dalam melaksanakan gesaan ini kerana wujudnya aduan yang mengatakan bahawa masih ada IPTA yang tidak mengurangkan yuran kepada pelajar-pelajar. Ada aduan.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat pada soalan ini. Memang soalan ini ada diutarakan oleh pelajar-pelajar apabila mula masuk universiti. Sebenarnya apabila kerajaan ataupun Kementerian Pengajian Tinggi memutuskan untuk setiap universiti awam yang ada dalam negara kita untuk membuat pengurangan 20 peratus, maka universiti cuba mengambil langkah tapi ada beberapa pendekatan yang berbeza diambil oleh pihak universiti dan kita faham keadaan ini.

Makanya kita di Kementerian Pengajian Tinggi mengambil langkah dengan mengadakan mesyuarat secara berkala dengan pihak universiti untuk memastikan bahawasanya permasalahan ini dapat kita uruskan dengan baik.

#### ■1130

Ada sedikit perbezaan dari sudut mekanisme pelaksanaan tetapi 20 peratus sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, memang itu akan dilaksanakan oleh semua universiti. Cuma mekanisme pelaksanaan agak sedikit berbeza dan itu perlukan kepada penyelarasan dari sudut kementerian dan juga pihak universiti yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Boleh satu lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, siapakah yang tadi mohon satu lagi? Baik, silakan.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan pelajar-pelajar yang memohon kemasukan ke universiti awam memenuhi syarat minimum, apakah inisiatif ataupun langkah kerajaan untuk memastikan mereka yang tidak berjaya tidak tercicir daripada mendapat pendidikan di pusat pengajian tinggi? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, jangan tercicir.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Ini soalan di luar daripada konteks soalan sebenar. Akan tetapi begini, soalan tercicir atau tidak ini sebenarnya tidak berlaku sebarang diskriminasi ataupun berlaku sebarang permasalahan dalam konteks untuk kemasukan universiti kerana ia dibuat secara dalam konteks persaingan yang seimbang antara semua pihak. Cuma tinggal lagi barangkali keciciran berlaku kalau pelajar itu mempunyai satu *result* yang bagus, maka mungkin bila berlaku persaingan terlampau banyak, mereka tidak mendapat bidang pengajian yang mereka inginkan.

Cuma ada satu perkara yang selalunya saya dapat isu ini di kalangan pelajar bilamana cara mereka mengisi borang kadang-kadang secara *online* itu ataupun cara mereka memilih kursus itu tidak sepadan, tidak kena. Maka dalam konteks ini, saya juga ingin menyeru kepada semua pihak terutama pada kaunselor-kaunselor sekolah untuk membantu pelajar-pelajar bila mereka dapat keputusan peperiksaan supaya mereka dapat memilih kursus berdasarkan kepada kelayakan mereka yang sebenar, bukan berdasarkan apa yang mereka mahu.

Kadang-kadang dapat kursus hendak jadi doktor tetapi tidak pernah ambil Sains, sebagai contohnya begitulah lebih kurang. Jadi berlaku *mismatch* antara program diminta dan juga antara kelulusan yang diperolehi. Pun begitu, saya ingat masalah ini tidak banyak tetapi ada berlaku. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad.

Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

**12. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah projek perumahan yang telah dilancarkan di Kuala Lumpur melalui program Residensi Wilayah; dan
- (b) jumlah permohonan dan penawaran mengikut kaum, jantina dan kumpulan pendapatan dan sejauh manakah penapisan tawaran mengutamakan kepelbagaian kaum.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Tiga segmen dalam persoalan ini Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya ialah jumlah Projek Residensi Wilayah. Untuk makluman, jumlah Projek Perumahan Mampu Milik Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan di Kuala Lumpur melalui Program Residensi Wilayah Keluarga Malaysia merupakan sebanyak 53 projek dengan 36,402 unit merangkumi projek siap dan sedang dibina sejak tahun 2018 sehingga 31 Ogos 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 projek dengan 11,664 unit telah siap dibina dan 31 projek dengan jumlah 24,738 unit masih dalam pembinaan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan dan penawaran. Untuk makluman, jumlah permohonan secara atas talian melalui Portal Residensi Wilayah mulai tahun 2018 sehingga 18 September 2021 sebanyak 154,436 permohonan. Analisis penawaran telah dibuat berdasarkan kepada sampel data yang dijana iaitu sebanyak 22,128 orang pemohon telah mendapat penawaran, yakni 60.8 peratus daripada jumlah unit yakni 36,402 unit.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan dan penawaran mengikut kaum. Ini penting. Penawaran dan tapisan permohonan Residensi Wilayah dibuat berdasarkan kepada Dasar Residensi Wilayah. Sekiranya tanah itu tanah kerajaan dan projek merupakan usaha sama dengan pemaju, kuota bumiputera sebanyak 60 peratus. Sekiranya tanah merupakan tanah milik pemaju, kuota bumiputera sebanyak 50 peratus.

Daripada jumlah permohonan Residensi Wilayah dari tahun 2018 sehingga 2021, pecahan mengikut kategori kaum iaitu bumiputera sebanyak 114,171 permohonan iaitu 73 peratus dan bukan bumiputera sebanyak 40,265 permohonan, yakni 27 peratus. Daripada jumlah penawaran, pecahan mengikut kategori kaum yakni bumiputera sebanyak 13,223 unit dan bukan bumiputera sebanyak 8,905 unit. Purata penawaran kepada bumiputera sebanyak 60 peratus, manakala penawaran kepada bukan bumiputera sebanyak 40 peratus.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, jumlah permohonan dan penawaran mengikut kumpulan pendapatan. Syarat kelayakan pemohon-pemohon Residensi Wilayah adalah maksimum RM10 ribu pendapatan bulanan untuk bujang dan maksimum RM15 ribu untuk isi rumah berkahwin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, satu sebab kita sudah melewati masa. Satu lagi.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk membaik pulih atau membina semula rumah pangsa yang keadaan bangunan teruk dan terlalu tua di kawasan Wilayah Persekutuan?

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan di Dewan yang mulia sebelum ini, yakni program PPR ataupun projek perumahan yang telah lama sedang dalam perancangan kementerian untuk dibuat pembangunan semula. Mana-mana rumah yang tidak lagi relevan dengan izin atau tidak lagi sesuai untuk didiami oleh Keluarga Malaysia, maka pihak kementerian akan melakukan kajian dan perancangan untuk membangunkan semula bagi kemudahan dan juga keselesaan rakyat pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Seri Jalaluddin bin Alias. Masa soal jawab selesai. Jam sekarang 11.36 pagi.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA (PINDAAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri dalam segmen masa 20 minit, dan seorang pembahas lapan minit.

**11.37 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Levi Keuntungan Luar



Biasa 1998 [Akta 592] bagi meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan baharu dengan tujuan untuk menambah baik pentadbiran levi keuntungan luar biasa melalui peruntukan remisi dan pulang balik levi dan penalti yang boleh memberikan manfaat kepada orang yang membayar levi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan menggantikan seksyen 13 untuk memberikan kuasa kepada Menteri bagi meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian levi keuntungan luar biasa yang kena bayar.

Fasal ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang kena bayar. Peruntukan turut disediakan untuk pembayaran balik levi keuntungan luar biasa atau penalti yang telah diremitkan kepada mana-mana orang jika orang itu telah membayar levi keuntungan luar biasa atau penalti.

Fasal 3, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan menggantikan seksyen 14 untuk membenarkan mana-mana orang yang telah terlebih bayar atau tersilap bayar apa-apa levi keuntungan luar biasa atau penalti atau mana-mana orang berhak mendapatkan bayaran balik levi atau penalti di bawah seksyen 13 untuk menuntut pembayaran balik dalam satu tempoh satu tahun daripada masa pembayaran lebih atau pembayaran tersilap itu berlaku.

Fasal ini juga Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mengurangkan atau menolak pembayaran balik jika pembayaran balik itu boleh dengan tidak patut memperkayakan orang yang membuat tuntutan itu.

*[Datuk Paul Igai **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baharu 14A, ke dalam Akta 592 yang memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Kastam boleh membayar balik levi keuntungan luar biasa atau penalti jika berpuas hati bahawa orang yang membuat tuntutan telah membuktikan dengan sepatutnya. Apa-apa tuntutan hendaklah disokong dengan keterangan sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1140

**Datuk Paul Igai:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang dibenarkan selama lapan minit.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, silakan.

**11.41 pg.**

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Antara inti pati lain rang undang-undang yang meminda Akta Levi Keuntungan Biasa 1998 itu adalah bagi memberi kuasa kepada Menteri bagi meremitkan keseluruhan dan mana-mana bahagian levi keuntungan luar biasa yang perlu dibayar. Pindaan ini juga dibuat untuk memberi ketua pengarah kuasa untuk meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang perlu dibayar di bawah Akta 592.

Adakah pindaan ini menjadi pendahulu atau *predecessor* kepada kadar levi keuntungan luar biasa yang akan dikenakan ke atas pemain industri dan akan diperkenalkan dalam Bajet 2022. Ini menjadi kebimbangan kepada penggiat industri kerana secara tiba-tiba pelaksanaan cukai tersebut dapat memberi isyarat yang salah kepada para pelabur. Langkah ini nampaknya ditentang hebat oleh pemain industri.

Namun, kesan kepada pelaburan mungkin hanya buat jangka masa yang pendek sahaja. Bagi kerajaan yang sedang menghadapi kekangan kewangan sekarang, levi ke atas keuntungan luar biasa amat wajar sekali. Keuntungan luar biasa industri harus dibahagi kepada orang ramai kerana ini tidak akan menjadikan pemain industri yang membuat keuntungan yang luar biasa menjadi lebih miskin.

Langkah mengenakan cukai begini sudah tentu boleh mengejutkan dunia korporat, tetapi bagi pihak kerajaan pula ia wajar kerana dalam keadaan sekarang ia memerlukan wang untuk membiayai langkah-langkah untuk merangsang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, antara yang menjadi sasaran contohnya ialah sektor industri sarung tangan getah yang menyaksikan pendapatan meningkat hingga 15 kali-ganda ketika pandemik yang paling teruk kerana didorong oleh permintaan yang luar biasa dan harga jualan yang lebih tinggi.

Sektor lain yang menyaksikan peningkatan pendapatan dalam musim pandemik ini termasuk pengeluar logam dan plastik. *Press metal aluminum* juga mencatat prestasi suku tahunan yang kukuh baru-baru ini kerana harga aluminium melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun.

Syarikat tenaga yang memperoleh keuntungan yang berlebihan juga menjadi fokus untuk membantu meringankan beban bil isi rumah. Cukai yang dikenakan juga boleh digunakan untuk membuat dana bagi menampung kos pelaburan infrastruktur. Pengeluar semi konduktor dan segmen elektrik dan elektronik (E&E) juga telah melihat keuntungan besar kerana permintaan elektronik yang melambung tinggi akibat amalan kerja dari rumah. Sebenarnya, sektor teknologi merupakan salah sebuah industri di mana kerajaan mendorong lebih banyak FDI melalui faedah cukai.

Tuan Yang di-Pertua, cukai secara tiba-tiba ke atas syarikat-syarikat ini sudah tentu boleh menjadi kontra produktif. Maka kerajaan harus mencari kaedah *win-win situation*, dengan izin, bagi tidak memalapkan sektor ekonomi. Mungkin pungutan cukai keuntungan luar biasa satu kali atau *One-Off*, dengan izin, buat satu jangka masa tertentu dapat menenteramkan sentimen pasaran.

Langkah mengenakan cukai secara mendadak akan menakutkan dunia korporat dan pelaburan. Ia boleh mencetuskan tekanan penjualan di Bursa Malaysia. Apakah kaunter perbankan dan stok perladangan juga akan menjadi sasaran penjualan?

Bagi pemain industri yang buat keuntungan luar biasa, mereka berasa kurang adil dikenakan levi ke atas keuntungan ini kerana kerajaan sudah pun mengenakan kadar cukai korporat yang standard. Harus diingatkan bahawa cukai yang lebih tinggi akan merugikan pemain industri tempatan kerana berlaku persaingan yang semakin sengit dan lain-lain negara untuk menarik pelabur.

Cukai keuntungan luar biasa boleh menjadi sumber pendapatan tambahan bagi kerajaan. Namun cukai yang lebih tinggi tidak dapat dinafikan akan mengurangkan daya saing pemain industri kerana ada lain-lain negara rela memberi subsidi kepada pemain industri. Walau apa pun, pemain industri sekarang dalam keadaan tunggu dan lihat apabila Belanjawan 2022 dibentangkan nanti. Sehingga itu, dapati sentimen pada beberapa sektor industri agak lemah, memandangkan ketidakpastiannya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pindaan ini menjadi pendahulu atau *predecessor* kepada kadar levi- keuntungan luar biasa akan dikenakan ke atas pemain-pemain industri yang mungkin akan di perkenalkan dalam Bajet 2022. Sokongan saya akan berdasarkan kepada jawapan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

**11.47 pg.**

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator sekalian... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Minta ampunlah, bertaubatlah dan memohon keampunan daripada Allah, dan bermesyuaratlah di kalangan kamu, setelah kamu bermesyuarat maka kamu bekerja bersungguh-sungguh dan akhirnya kamu bertawakal kepada Allah SWT.”

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian, oleh sebab kita suasana sekarang, suasana COVID, sudah hampir- kalau dikira bermula daripada Wuhan sudah melebihi dua tahun kita menghadapi suasana begini. Suasana begini terlalu amat jarang berlaku kecuali mungkin peristiwa besar yang di luar dugaan pada awalnya sebagaimana *Spanish flu* lebih kurang pada tahun 1910 ke tahun 1915 yang mengorbankan lebih ramai nyawa kepada dunia pada ketika itu.

Akan tetapi akhirnya Sepanyol menjadi negara yang maju dalam tempoh 50 tahun. Walaupun negara-negara seperti Jerman Barat sekarang Jerman dan juga Jepun menghadapi suasana yang lebih sukar dan mereka berjaya menjadi- Jerman umpamanya dalam masa 20 tahun menjadi sebuah negara ekonomi terbesar di Eropah sehingga sekarang. Begitu juga Jepun menjadi satu kuasa ekonomi dunia yang kedua terbesar dalam tempoh 20 tahun. Pernah menjadi suatu kuasa ekonomi dunia terbesar selama tempoh lima tahun dalam sekitar tahun 1995 ke tahun 2000, dan sekarang menjadi kuasa ekonomi ketiga terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat dan China.

Masalah pada hari ini, pindaan dibuat untuk mengenakan cukai ke atas keuntungan luar biasa. Kita lihatlah beberapa sektor yang dalam suasana begini, suasana COVID, tidak semua dirundung malang. Tidak semua menghadapi situasi yang sulit, ada orang yang berfikir di luar kotak, mereka berjaya mengatasi bahkan mengaut keuntungan yang lebih besar. Antaranya syarikat-syarikat yang berasaskan kepada perniagaan talian. Di mana kita lihat orang terkaya di Singapura sekarang itu daripada mereka yang terlibat dengan *online*, dengan izin, perniagaan dalam talian yakni daripada pemilik *Shopee* itu sendiri, bukan *Lazada*, *Shopee*.

Bahkan dunia sekarang pun memerhatikan bahawa syarikat-syarikat gergasi yang mengaut keuntungan besar merupakan syarikat-syarikat yang berfikir di luar daripada kotak. Jeff Bezos dengan *Amazon* nya, Jack Ma dengan *AliBaba* dan sebagainya.

**■1150**

Apa yang saya hendak sebut; memang sukar kita menjadi kerajaan dalam keadaan pendapatan kerajaan menurun. Di mana kita hendak sasarkan supaya kerajaan dapat hasil yang boleh menampung perbelanjaan negara itu sendiri. Sudah tentu kalau kita hendak memuaskan hati semua pihak mungkin sulit.

Mungkin sukar untuk mencari Khalifah Umar Abdul Aziz waktu ini. Di mana tidak ada orang miskin untuk dibantu bahkan tidak ada binatang yang hendak dibantu makan kerana mereka boleh mencari makanan sendiri. Orang miskin tidak ada bahkan kerajaan hendak memberikan wang kepada mereka orang-orang muda berkahwin pun tidak ada kerana keikhlasan, kejujuran, integriti yang ada pada Khalifah Umar Abdul Aziz walaupun memimpin hanya sekitar tiga tahun sembilan bulan.

Justeru, fokus rakyat sekarang ini kepada kerajaan walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menceritakan tentang sifar rasuah. *Alhamdulillah* kita baik, kita bagus tetapi logiknya, realitinya rakyat *I mean* kalau kita terdedah di seluruh dunia- sifar rasuah ini tidak ada mana-mana negara yang berjaya lagi. *Even* yang terbaik Finland, negara-negara Skandinavia- antara 10 buah negara terbaik, keempat-empatnya berada di rantau Skandinavia- Finland, Norway, Sweden dan Denmark. Itu negara-negara yang terbaik.

Mereka sendiri pun tidak boleh mencapai sifar rasuah. Akan tetapi tidak apa, itu cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita sokong. Kita ke arah usaha itu. Penting sekarang ini, saya fikir mereka yang mendapat keuntungan luar biasa ini sanggup membayar cukai. Akan tetapi, sekiranya negara ditadbir- mereka percaya bahawa wang yang dibayar itu digunakan dan dimanfaatkan secara optimum.

Saya sendiri salah seorang pembayar cukai yang tinggi. Setiap tahun lebih daripada setengah juta. Akan tetapi, bagi saya tidak mengapa kerana saya mendapat pendapatan daripada negara. Saya wajib bayar. Selain itu, zakat saya kena bayar. Sebab itu saya fikir kalau sistem zakat dan sebagainya diurus secara baik saya fikir tidak kedengaran, "Jarang, jarang..." Kata P. Ramlee- jarang-jarang kedengaran, akan mereka yang memerlukan bantuan-bantuan ini.

Akan tetapi pada diri kita ini- manusia. Sebagai manusia, kita ada kelemahan dan kita ada memberi keutamaan pada diri kita menyebabkan masyarakat banyak yang terbiar. Sebab itu kita tidak hendak dengar, hendak kata benda ini satu khayalan- tidak. Telah terbukti kalau Rasulullah SAW itu orang kata Rasul, itu mungkin *exceptional*, dengan izin. Akan tetapi, Khalifah Umar Abdul Aziz pernah membuktikan

ia berjaya lakukan walaupun sudah hampir 100 tahun sejak kewafatan Rasulullah SAW.

Jadi, sekarang ini apa yang rakyat hendak lihat bahawa penggunaan cukai-cukai yang dibayar sama ada cukai biasa ataupun cukai melalui keuntungan luar biasa ini dimanfaatkan sebaik mungkin demi menampung kelompangan ataupun kekurangan pendapatan kerajaan itu sendiri. Itu yang kita hendak.

Kita hendak lihat hasilnya bagaimana. Hasilnya bagaimana *Transparency Index* akan memberi markah penarafan tiap-tiap tahun. Kalau itu kerajaan dapat capai dari satu tahun ke-satu tahun makin berkurang, satu tahun ke-satu tahun makin berkurang maka yang sebenarnya kerajaan telah menggembirakan pembayar-pembayar cukai, menggembirakan seluruh rakyat jelata.

Akan tetapi, celah-celah begini tiba-tiba di Australia- dadah berjumlah hampir setengah bilion sampai ke Australia. Ini merupakan satu malapetaka besar kepada penarafan *Transparency Index* negara kita. Kalau dahulu kaya melancong ke luar negara, hadir seminar sana persidangan sini; malu dengan kes 1MDB. Sampai mereka perlu saya ini kerana 1MDB. Kita hadir seminar dari Malaysia. Malu kita hendak mengaku kita Malaysia pada ketika itu kalau saudara-saudara hadir seminar antarabangsa, persidangan teknikal, dan sebagainya. Kita jatuh- penarafan *Transparency Index*.

Kemudian tiba-tiba dengan rancangan, cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjadikan sifar rasuah- meletup; hampir setengah bilion-dadah, dari Malaysia sampai ke Australia. Ini perkara yang akan menurunkan secara banyak mata. Banyak mata akan turun itu- penarafan kita dalam *Transparency Index*. Macam mana boleh terlepas. Mekanisme kita bagaimana. Itu satu.

Kedua, saya mintalah dalam kes ini banyak membicarakan tentang bayar balikkah. Orang Kelantan kata "cucur". Hendak *cucur*... [Ketawa] Jadi, benda ini saya fikir kerajaan janganlah tunggu satu tahun seperti mana yang dikompelin, dirungut oleh sahabat-sahabat kita pada masa kerajaan PH dahulu, dengan GST sampai sekarang pun tidak bayar-bayar lagi.

Jadi, saya minta sekarang ini kerajaan- saya bersama, saya sokong sebab kita pengurus syarikat juga. Kita tahu, kita hendak, kita perlu pada duit. Saya sokong tetapi janganlah sampai satu tahun; tiga bulan pun cukup. Tiga bulan selesai, sama ada terlebih bayar atau kurang bayar. Kastam cukup kakitangan; mereka telah latih untuk GST ini bertahun-tahun.

Sebab itu- saya sekali lagilah. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu. Saya cadang GST ini diperkenalkan balik kerana kita berada dalam satu suasana cukai pendapatan rakyat, cukai masyarakat turun dengan mendadak. Kita terpaksa

bergantung kepada PETRONAS. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekian.  
*Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**11.56 pg.**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Oktober yang lalu.

Secara umumnya, saya menyokong RUU ini kerana melihat bahawa ia merupakan satu keperluan kepada kerajaan ketika ini untuk meneliti dengan sebaiknya terhadap keuntungan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan tinggi atau keuntungan luar biasa yang diperoleh khususnya sepanjang berlakunya pandemik COVID-19.

Saya percaya kerajaan tidak akan membuat tindakan untuk menekan mana-mana syarikat kerana layanan yang diberikan terhadap syarikat-syarikat. Namun, dalam masa yang sama kerajaan perlu memastikan bahawa apabila RUU ini dilaksanakan, penjelasan dan penerangan terhadap keputusan kerajaan adalah bertujuan menambah baik pentadbiran Levi Keuntungan Luar Biasa ini.

Namun begitu, saya masih lagi ingin menekankan bahawa kerajaan mestilah memberikan tumpuan kepada cukai durian runtuh kepada syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan yang luar biasa sepanjang pandemik COVID-19. Kita mesti sedar bahawa cukai durian runtuh bukanlah satu cukai yang mesti dikenakan kepada syarikat pada setiap masa tetapi ia merupakan satu cukai yang dikenakan pada waktu-waktu yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, pandemik COVID-19 telah mengakibatkan industri sarung tangan mendapat keuntungan berlipat kali ganda.

Maka, mereka ini yang kita kenakan cukai durian runtuh ini. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya. Bukan dikenakan kepada semua syarikat atau pelabur tetapi kepada mereka yang mendapat keuntungan luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan yang pernah saya kemukakan di dalam Dewan Negara ini pada 23 Disember tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada masa itu telah menyatakan bahawa cukai durian runtuh hanya dikenakan kepada komuniti minyak kelapa sawit berdasarkan harga pasaran minyak buah itu

secara bulanan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Namun, pada pandangan saya ia perlu diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang lain. Ya, saya bersetuju dengan kenyataan ini namun cukai durian runtuh ini perlu diperluaskan kepada pihak yang lain seperti mana yang telah saya nyatakan tadi. Di *United Kingdom*, cukai durian runtuh dikenakan ke atas syarikat utiliti yang diswastakan. Di Sweden, kuasa hidro tertakluk kepada cukai hartanah dan kuasa nuklear kepada cukai berasaskan kapasiti. Kedua-dua cukai dinaikkan pada awal tahun 2008 kerana keuntungan yang tinggi.

Norway juga mengenakan cukai sewa tanah pada tahun 2009 ke atas loji jana kuasa hidro elektrik dan Finland mengumumkan hasratnya pada tahun 2009 untuk mengenakan cukai nuklear dan kuasa hidro pada tahun 2010 atau 2011.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong bahawa dalam pindaan rang undang-undang ini memberikan ruang kepada Menteri untuk meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian levi keuntungan luar biasa yang perlu dibayar, dan juga pada pindaan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang perlu dibayar di bawah Akta 592. Pindaan ini penting kerana ia memberikan ruang yang lebih luas kepada pihak Menteri untuk melaksanakan perancangan terhadap levi cukai luar biasa. Begitu juga dengan penguatkuasaan yang perlu dipinda oleh pihak kastam.

Namun, apa yang penting ialah semasa menentukan kadar cukai dan penguatkuasaan, ia mestilah dilakukan secara teliti dengan mengambil kira pelbagai sudut supaya ia tidak menganiaya pihak syarikat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya, kemungkinan ada dalam pemikiran kita ialah dengan pindaan rang undang-undang ini akan menyebabkan pelabur akan lari dari negara kita. Namun, pada pandangan saya, ia bukan sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan selagi mana kerajaan mampu memberikan keadilan kepada mereka. Jaminan daripada kerajaan bahawa akan memastikan syarikat yang beroperasi di negara ini diberi layanan sama rata seperti di negara lain merupakan satu komitmen yang diharapkan akan berjaya meyakinkan para pelabur yang beroperasi di Malaysia.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong dengan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahya. Silakan.



**12.03 tgh.**

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Oktober 2021 yang lalu selepas Bacaan Kali Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa.

Rang undang-undang ini telah meminda peruntukan sedia ada dalam Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [Akta 592] dengan memasukkan peruntukan baharu bagi tujuan menambah baik urusan pentadbiran levi. Ia melalui peruntukan remisi dan memulangkan balik levi serta penalti yang boleh memberi manfaat kepada syarikat-syarikat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong penuh rang undang-undang ini memandangkan terdapat tuntutan yang mendesak untuk menambah sumber pendapatan negara ketika pandemik ini. Kita sedia maklum sumber pendapatan negara diperoleh daripada cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai.

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sudah semestinya operasi perniagaan juga telah berkurangan. Kutipan jualan turut merosot dan merudum seterusnya menjejaskan jumlah pungutan cukai kerajaan. Sedangkan, pada ketika itu, kerajaan terpaksa berbelanja lebih bagi menampung kelompangan rakyat untuk meneruskan kehidupan. Hasil cukai negara hanya mencapai separuh daripada jumlah yang disasarkan oleh kerajaan.

Berdasarkan sumber Kementerian Kewangan, kutipan cukai langsung yang direkodkan dalam tempoh pandemik ialah sebanyak RM67.4 bilion atau 56.2 peratus daripada jumlah yang disasarkan. Bagi cukai tidak langsung pula, sebanyak RM24.8 bilion iaitu 59 peratus daripada jumlah yang disasarkan.

Dengan sumber pendapatan negara yang berkurangan akibat penutupan ekonomi sepanjang PKP, saya percaya kerajaan amat memerlukan alternatif cukai tambahan untuk membantu kerajaan menyuntik dana dan modal dalam wang saku rakyat pasca pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengimbas kembali tempoh pandemik COVID-19, betapa industri sarung tangan, komoditi, industri *electrical* serta elektronik telah melonjak secara mendadak. Dengan kata lain, untung secara luar biasa. Misalnya, Top Glove Corporation Berhad telah mencatatkan keuntungan yang besar sehingga melonjak kepada 417 peratus kepada RM1.9 bilion pada tahun kewangan berakhir Ogos 2020. Ia dipacu oleh peningkatan ketara dalam permintaan global terhadap sarung tangan getah susulan penularan COVID-19. Manakala Lembaga Pengarah

Top Glove sendiri telah mengisytiharkan dividen bagi keseluruhan tahun kewangan 2020 kepada 11.8 sen, peningkatan sebanyak 9.3 sen atau 373 peratus berbanding pada tahun kewangan berakhir 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu, permintaan sangat tinggi adalah untuk sarung tangan nitril iaitu meningkat sebanyak 31 peratus dan sarung tangan getah meningkat sebanyak tujuh peratus. Permintaan sangat tinggi terutamanya di Asia yang meningkat sebanyak 110 peratus, Eropah Barat meningkat sebanyak 73 peratus dan Eropah Timur meningkat sebanyak 64 peratus. Mereka telah memperoleh keuntungan yang berlipat ganda, namun masih membayar cukai pada kadar yang sama iaitu 24 peratus.

Untuk makluman, waktu darurat seperti ini, kerajaan memerlukan sumber dana yang banyak untuk dibelanjakan dalam pelan-pelan khusus yang diumumkan kerajaan terhadap golongan B40. Jika kita masih mengikut sistem percukaian yang biasa dengan aktiviti ekonomi yang terhad, maka kerajaan akan mendapat hasil cukai yang terhad juga.

Kerajaan perlu mengimbangi kesan pandemik ini supaya syarikat-syarikat yang meraih keuntungan besar dapat membantu golongan rakyat yang terjejas. Ini terbukti melalui industri komoditi sawit yang telah menyumbang kepada RM4.1 bilion hasil dari levi luar biasa ini terhadap pendapatan tambahan negara. Saya berharap dengan jumlah kutipan cukai ini mampu digunakan sebaik-baiknya kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyingkap kembali sejarah pelaksanaan levi keuntungan luar biasa ini, di mana ia telah diperkenalkan oleh Tony Blair pada tahun 1997 dalam manifesto Pilihanraya Umum *United Kingdom*, cukai durian runtuh. Ini telah dikenakan kepada industri pelabur, kewangan, insurans dan perjudian yang mencapai keuntungan luar biasa. Atas komitmen tersebut, Kerajaan UK telah memperoleh hasil cukai sebanyak 5 bilion Paun yang digunakan untuk program kebajikan, pengangguran jangka masa panjang dan menyediakan dana untuk pendidikan negaranya.

Maka atas model tersebut, Malaysia telah melaksanakan levi keuntungan luar biasa pada tahun 1998 dan telah mengenakan cukai ini kepada syarikat perladangan. Seterusnya pada tahun 2008, kerajaan juga telah mengenakan cukai ini kepada syarikat pengeluar tenaga persendirian (IPP).

Oleh yang demikian, amat tepat sekiranya kerajaan meminda levi keuntungan luar biasa ini dengan turut mengenakan cukai durian runtuh- *windfall tax* kepada industri sarung tangan getah. Anggaran manfaatnya adalah sekitar RM4.8 bilion. Saya pasti ia akan dapat membantu pakej-pakej rangsangan kerajaan untuk membela nasib rakyat di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, kita perlu adil dalam menilai pelaksanaan levi keuntungan luar biasa ini secara menyeluruh. Ada juga suara yang menyatakan bahawa pelaksanaan cukai tambahan ini hanya akan menjejaskan pelaburan di Malaysia dalam masa jangka panjang.

Sebenarnya, daya tarikan pelabur terhadap Malaysia bukan sahaja kerana faktor percukaian dan peluang ekonomi tetapi juga bergantung kepada faktor kestabilan politik. Jika politik kita tidak stabil, kerajaan sering bertukar-tukar, titah Yang di-Pertuan Agong tidak kita hiraukan, ia akan mendorong kepada kurang minatnya para pelabur menanam modal ke dalam negara kita.

#### ■1210

Sebab itu kita harus memastikan keadaan politik negara ini stabil dan tidak goyang. Secara tidak langsung ia akan dapat membantu memulihkan ekonomi pasca COVID-19 yang tepat. Kestabilan politik dalam negara juga akan membantu kerajaan lebih agresif dalam mencari mana-mana sumber kewangan yang dapat dijadikan dana kepada pembangunan negara. Misalnya pada Januari 2021, kerajaan telah memperkenalkan duti akses rokok kepada rokok elektronik dan cecair *vape* yang sebelum ini tidak pernah dikenakan cukai.

Menurut makluman Dewan Perniagaan *Vape* Malaysia (DPVM) industri *vape* di Malaysia bernilai RM2.27 bilion pada tahun 2019. Terdapat lebih 3,300 perniagaan yang terlibat secara langsung dalam industri *vape* dengan tenaga kerja melebihi 15 ribu orang. Dianggarkan pekerja dalam industri *vape* dibayar gaji mencecah RM450 juta secara keseluruhan pada tahun 2019 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan memperkenalkan duti akses rokok ini, ia merupakan suatu perkara baharu yang akan menambah sumber pendapatan negara. Begitu juga sama dengan levi keuntungan luar biasa ini. Ia akan turut menjadi sumber alternatif kepada pendapatan negara. Segala kritikan terhadap rang undang-undang ini tidak pun mendatangkan manfaat kepada rakyat negara.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Oleh itu, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dua perkara. Pertama, saya mengesyorkan cukai *vape* dinaikkan untuk menambahkan hasil pendapatan negara. Pada masa kini, kadar 40 sen yang dikenakan kepada setiap mililiter agak rendah. Dijangka beberapa tahun lagi sumber industri *vape* ini akan mencecah RM10 bilion.

Kedua, kerajaan perlu mengenakan cukai kepada cecair *vape* bernikotin untuk memaksimumkan hasil kutipan cukai terhadap industri *vape* ini. Menurut laporan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, menyatakan bahawa kutipan eksais

cecair *vape* berjumlah RM100 ribu pada suku tahun ini. Ia jauh lebih rendah berbanding dengan anggaran industri sebanyak RM300 juta setahun.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat. Jam masa.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Bagi saya satu minit, Tuan Yang di-Pertua. Sebab cadangan saya ini.

**Datuk Paul Igai:** Satu minit sahaja.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Okey. Kutipan yang rendah ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan akses rokok elektrik yang hanya kepada cecair tanpa nikotin yang mewakili tiga peratus daripada keseluruhan pasaran. 97 peratus selebihnya merupakan cecair *vape* bernikotin yang kini tidak dikawal selia yang tidak dikenakan cukai. Jika kerajaan mengenakan cukai kepada cecair bernikotin ini, saya percaya ia sumber baharu ekonomi negara.

Akhir kata, saya memohon kerajaan mengambil kira cadangan saya ini sebagai usaha untuk menambah dan melipatgandakan sumber pendapatan negara pasca pandemik. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

### 12.13 tgh.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahman Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa- dalam bahasa tempatan disebut, keuntungan durian runtuh, Akta 592, 1998 untuk dikemas kini.

Kita maklum bahawa Jabatan Kastam dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan hasil dalam negeri, hasil negara bagi tujuan pengurusan pembangunan negara ini. Namun, kita harapkan supaya kedua-dua jabatan ini lebih *efficient*, lebih cekap dalam mengendalikan urusan kutipan hasil negara ini. Jangan ada kebocoran di sana sini kerana kita juga mendengar di mana lembaga ini seolah-olah ada macam satu *exemption*.

Kalau kita lihat untuk kes mahkamah yang berlaku di sini, seorang mantan Perdana Menteri yang diheret mahkamah kerana kegagalan membayar cukai yang jumlahnya ratusan juta. Saya rasa ini satu kesilapan di pihak jabatan yang tidak mengambil tindakan tegas.

Kalau ia terkena dengan VIP, VVIP ataupun kelompok kayangan seolah-olah Lembaga ataupun jabatan ini dia jadi longgar. Sebab itu perlu ada ketegasan dalam mengutip cukai. Macam mana jumlah wang yang keluar masuk negara ini tidak dijaga dengan baik dan akhirnya jutaan Ringgit yang sepatutnya dikutip tetapi tidak dikutip. Hanya sekarang sahaja diheret ke mahkamah untuk membayar. Sudah pasti ia akan mengambil masa yang panjang kerana proses mahkamahanya amat panjang.

Keduanya, kita dikejutkan juga kes *Pandora Papers*, di mana *group of* wartawan yang membuat kajian. Trilion Ringgit- usahawan-usahawan Malaysia yang berhaluan di luar negara. Di negara Singapura. Soalnya adakah *business* itu di dalam negara atau di luar negara. Kalau *business* dalam negara, macam mana boleh wang yang begitu besar di *parking* di negara luar. Jadi, ini juga jabatan kena teliti dan saya rasa pihak kerajaan kena ambil tindakan tegas atas laporan *Pandora Papers* ini yang saya rasa memberi keuntungan besar kepada kerajaan dalam menaikkan pendapatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah macam mana kita hendak aduan yang lepas terima memulangkan balik jumlah lebihan yang dikutip oleh kerajaan. Saya mendengar keluhan penternak-penternak ayam umpamanya ketika proses GST yang dahulu. Ketika kerajaan mengambil cukai itu, ia sangat efisien.

Akan tetapi bila hendak memulangkan balik kepada penternak-penternak makan masa yang agak panjang. Kita lihat ada lagi sebahagian peniaga yang kompelin soal GST nya tidak dipulangkan balik sampai sekarang. Jadi, kecekapan mengutip balik adalah sama kecekapan memulangkan balik jika ada kelebihan. Sebab itu supaya tidak memberi kesan kepada peniaga-peniaga.

Kita maklum bahawa dalam suasana pandemik begini ada sektor yang mengambil keuntungan yang besar. Bukan kerana *business*-nya berkembang. Kerana peluang itu berada di situ. Saya dapati kawan-kawan yang melompat cepat kepada *business* kesihatan- *health industries*, mereka dapat keuntungan yang cepat. Ada negara-negara yang begitu cepat memindahkan industrinya daripada industri yang tradisi kepada industri yang trend iaitu COVID-19. Seperti Vietnam yang asalnya pengeluar pakaian tetapi telah menjadi pengeluar PPE. Pembekal dunia terbesar.

Ini yang berlaku kepada industri *glove* kita. Tiba-tiba permintaan untuk industri kesihatan sarung tangan ini melambung dan saya rasa ini- saya tidak tahu, kadar yang hendak dikenakan kepada industri untuk memulangkan balik, apa tarikh *windfall*- *windfall* itu kenaikan beberapa peratus yang diiktiraf sebagai *windfall*.

Keduanya, industri seperti perladangan. Kalau kita tengok dua tahun lepas industri ini mengalami kerugian teruk. Kalau kita lihat FELDA, Tabung Haji, FELCRA mahupun sebahagian perladangan mengalami kerugian teruk kerana harga pasaran

yang sangat rendah. Hanya pada tahun ini sahaja permintaan sawit meningkat tinggi dan harga tinggi. Jadi, bagaimana kita hendak seimbangkan ketika mereka merosot dengan ketika mereka mendapat keuntungan besar ini untuk kita seimbangkan. Adakah perladangan ini waktu ini juga hendak dikenakan kepada diiktiraf sebagai levi keuntungan luar biasa. Jadi, di sinilah apa sektor-sektor yang akan terlibat dalam levi-levi ini.

Keduanya, sudah pasti pihak industri yang akan terasa macam tertekan kerana tidak pernah ada levi sebegini. Tiba-tiba kita semak balik memastikan bahawa mereka membayar cukai yang lebih tinggi. Saya hendak fahami juga berapakah sasaran sebenarnya yang kerajaan *target* sasaran sebenarnya. Berapa bilion yang kita hendak kutip daripada levi ini dan ke mana hendak dibelanjakan. Kita maklum bahawa kalau tengok bajet negara ia defisit. Memang kerajaan perlukan jumlah wang yang besar untuk meningkatkan pendapatan, memastikan kebajikan rakyat. Cuma saya hendak tahu daripada segi sistem yang berteraskan Islam ialah zakat.

Bagaimana zakat ini boleh berfungsi dalam ketika yang begini. Mungkin ini di luar bidang Kementerian Kewangan. Macam mana zakat boleh berfungsi ketika begini untuk berfungsi mengambil alih tugas-tugas kebajikan menjaga masalah-masalah rakyat. Jadi boleh tidak institusi zakat ini dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan pendapatannya dan tanggungjawab sosial ini dijaga.

Jadi itu lah pandangan saya Tuan Yang di-Pertua supaya kementerian lebih cakna, lebih berhati-hati dalam melaksanakan levi keuntungan luar biasa yang akan dilaksanakan ini. Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Silakan.

■1220

12.20 tgh.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun meneliti hujahan daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga jawapan balas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II dalam sesi perbahasan rang undang-undang ini dalam sesi Sidang Parlimen Dewan Rakyat pada 12 Oktober yang lepas. Berdasarkan hujahan dan

jawapan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan, terdapat beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin membangkitkan mengenai perbezaan levi keuntungan luar biasa bagi komoditi sawit antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini levi untuk Semenanjung sebanyak tiga peratus pada kadar melebihi RM2,500 per tan manakala Sabah dan Sarawak merupakan 1.5 peratus pada kadar melebihi RM3,000 per tan.

Saya difahamkan semenjak tahun 2008, banyak kilang sawit telah dibina di Sabah dan Sarawak. Secara tidak langsung kos pengangkutan buah sawit ke kilang-kilang juga semakin dapat dikurangkan. Selain itu, daripada segi aspek lain, terutamanya kadar upah juga lebih murah di Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung, manakala kos-kos lain juga tidak banyak bezanya.

Oleh itu, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah justifikasi kukuh perbezaan nilai ini selari dengan situasi semasa memandangkan perintah ini berkuat kuasa pada tahun 2008 lagi. Pada masa yang sama, saya turut berpandangan kerajaan perlu mengkaji semula nilai perbezaan levi ini dengan melihat situasi semasa agar satu kadar baharu yang lebih saksama dapat diselaraskan dan lebih adil untuk pekebun-pekebun sawit sama ada di Semenanjung, atau Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kedua masih lagi mengenai komoditi sawit. Selain isu penyelarasan peratus levi, saya juga berpendapat levi keuntungan luar biasa ini patut dibezakan antara pemilik-pemilik estet yang mempunyai ladang sawit melebihi 100 ekar dengan pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil boleh dikenakan levi keuntungan luar biasa apabila harga komoditi sawit per tan metrik adalah lebih tinggi. Sebagai contoh, apabila harga sawit mencecah RM5,000 per tan metrik, baharulah mereka dikenakan levi keuntungan luar biasa manakala bagi pemilik-pemilik estet yang mempunyai ladang sawit melebihi 100 ekar sebagai contoh, maka levi keuntungan luar biasa dikenakan pada harga komoditi sawit yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga- saya ingin membahaskan mengenai levi keuntungan luar biasa daripada ekonomi bawah tanah atau *black economy*, dengan izin. Negara dianggarkan kehilangan hasil lebih kurang RM6 bilion setahun ekoran aktiviti penyeludupan yang berlaku di negara ini. Saya maklum bahawa apabila kita sebutkan ia berkenaan *black economy*, dengan izin, maka sebenarnya sukar untuk kerajaan mengenakan cukai terhadap mereka.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan. Sehingga kini, adakah mekanisme yang dilaksanakan berjaya membendung aktiviti *black economy*, dengan izin, ini sekali gus hasil negara dapat ditingkatkan. Kita tidak mahu dilabel sebagai sebuah kerajaan yang agresif untuk mendapatkan duit rakyat yang

berniaga secara sah. Sebaliknya, apabila terkait dengan aktiviti-aktiviti haram di sisi undang-undang, kerajaan kurang proaktif untuk menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin membahaskan mengenai kesan levi keuntungan luar biasa ini terhadap sentimen pelabur. Saya berpendapat ia sedikit sebanyak bakal memberi isyarat yang negatif terhadap pelabur-pelabur luar untuk membuat pelaburan di negara ini berikutan mereka mungkin terpaksa membayar nilai cukai yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, saya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang menyatakan bahawa keputusan untuk mengenakan levi ini merupakan suatu keputusan yang diambil kerajaan setelah melalui sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan di samping melihat kepada ekosistem yang lebih meluar.

Namun, saya juga berpandangan kerajaan perlu lebih fleksibel pada masa akan datang dengan melihat kesan pengenaan levi ini terhadap pelabur luar yang masuk ke negara ini. Sekiranya levi ini terbukti menjejaskan pelaburan luar yang masuk, kerajaan perlu lebih fleksibel untuk meminda sebarang akta di bawah levi keuntungan luar biasa ini agar negara dilihat lebih mesra pelabur. Sekali gus bakal mewujudkan situasi menang-menang yang menguntungkan negara dan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan RMKe-12 baru-baru ini, negara memerlukan sejumlah dana yang agak besar kira-kira RM400 bilion untuk menjayakannya. Justeru, untuk mendapatkan nilai dana yang besar seperti itu, saya melihat penambahbaikan sistem percukaian sedia ada merupakan alternatif yang baik. Salah satunya adalah melalui levi keuntungan luar biasa ini.

Justeru, saya dengan ini bersetuju dan menyokong Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 yang telah pun sebulat suara dipersetujui di dalam Dewan Rakyat pada 12 Oktober yang lalu. Sekian, terima kasih.  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

**12.27tgh.**

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga hendak rakamkan ucapan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya juga turut berbahas Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020.



Tuan Yang di-Pertua, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa [Akta 592] telah pun ataupun yang dikenali sebagai *Windfall Tax* diperkenalkan pada tahun 1999. Ia nya mengenakan cukai ini kepada industri komoditi sawit. Kadarnya ialah tiga peratus bagi harga minyak sawit melebihi RM2,000 se tan untuk Semenanjung dan 1.5 peratus bagi harga sawit melebihi RM3,000 se tan ataupun ke atas di Sabah dan Sarawak.

Lebih kurang 3,700 buah ladang sawit yang terlibat. Manakala pekebun kecil di bawah 40 hektar milikan dikecualikan daripada cukai ini dan cukai ini dikenakan di ladang di peringkat ladang apabila mereka mengambil Buah Tandan Baik (BTB). Kita menyedari Malaysia kini mendapat harga yang cukup menarik bagi harga sawit mencecah sehingga *delivery* untuk bulan Oktober sampai RM5,000 se tan.

Ia disebabkan bekalan penurunan bekalan minyak sawit ini sendiri dan juga masalah yang dihadapi di Kanada iaitu minyak *canola* ini pun kurang bekalannya dan permintaan pula meningkat kerana ekonomi semakin pulih akibat daripada pemulihan masalah pandemik COVID-19.

Cuma, di negara kita masalah yang utama dalam industri sawit ini ataupun perladangan, kita menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang meruncing terutama bagi buah sawit dan ladang sawit ini ialah pekerja untuk menuai Buah Tandan Baik (BTB). Dianggarkan industri perladangan memerlukan sekitar pekerja tambahan 70 ribu orang ketika ini.

Kesannya ialah kerana tidak ada tenaga kerja yang cukup, Malaysia hilang potensi pengeluaran hasil jualan sehingga mencecah RM20 bilion iaitu di antara 20 hingga 30 peratus daripada potensi keluaran sebenar berbanding dengan tahun lalu, 2020. Sudah tentu ia nya secara langsung juga memberi kesan kepada kutipan kerajaan terhadap levi keuntungan ini, levi keuntungan luar biasa.

Malaysia memberhentikan permit untuk kemasukan pekerja asing sejak Jun 2020 yang lalu- tahun 2020.

### ■1230

Masalah ini diburukkan lagi pula apabila pekerja yang sedia ada di dalam negara tamat tempoh permit dan terpaksa dihantar balik, kemudian dibuat pemutihan pekerja dan sebagainya, kemudian berlaku perpindahan pekerja antara- dicurilah, macam kita bahasa biasa ini kata *pinching of workers*, dengan izin. Ada yang sudah bekerja di ladang sawit tetapi dicuri balik, pergi bekerja di industri dan sebagainya. Pelbagai SOP pula dikenakan, SOP yang tidak sama antara pekerja ladang dan juga pekerja-pekerja sektor industri.

Menurut laporan, kerajaan ketika ini sedang dalam fasa terakhir untuk membuka semula memberi kebenaran memasuki, memberi kebenaran untuk mengimport masuk pekerja asing sekitar 32 ribu orang. Ini amatlah dialu-alukan oleh

industri perladangan dan ia akan mengurangkan masalah-masalah untuk mengutip buah yang masak dan sebagainya. Kita sedar, kita memahami kekangan yang kita hadapi apabila wujudnya pandemik COVID-19 di negara kita. Kita memahami kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai, yang ketat untuk memastikan pandemik ini dapat dikawal.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita sedar untuk memasukkan pekerja-pekerja baru ke negara kita ini memerlukan fasa-fasa tertentu, SOP yang ketat sebelum tiba iaitu di negara sumber itu, kemudian semasa sampai, contohnya di KLIA. Kemudian, semasa kuarantin dan selepas kuarantin. Mereka pula pekerja-pekerja baru ini bila sampai pun perlu diberikan latihan untuk menjadi pekerja yang mahir, bukan mudah. Contohnya kita ambil pekerja Bangladesh atau India, untuk memetik buah sawit ini bukan mudah sebab dia orang pun tak biasa. Cuma perlu diberikan latihan lima hingga enam bulan untuk menjadi pekerja yang mahir.

Jadi, cabarannya kita minta Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan juga Kementerian Dalam Negeri menguruskan urusan kemasukan ini dengan segera agar pemain-pemain industri sawit ini tidak tertekan lagi. Dalam masa yang sama kita menyedari Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui pembentangan RMKe-12 baru-baru ini bercadang untuk mengkaji beberapa buah dasar percukaian supaya kita dapat melebar luaskan lagi kutipan. Namun saya yakin dan saya menjangkakan kerajaan tidak akan melebar luaskan levi keuntungan luar biasa ini kepada industri lain.

Ramai tadi rakan-rakan bercakap soal Top Glove, industri kilang sarung tangan dan sebagainya yang mendapat keuntungan yang lebih kerana pandemik ini. Akan tetapi saya rasa ia merupakan satu- kalau kita kenakan cukai ini ia merupakan satu tindakan ataupun kelebihan keuntungan jangka pendek.

Akan tetapi memberi petanda atau signal yang salah kepada pelabur-pelabur tempatan atau DDI atau pelabur-pelabur asing atau FDI. Kita sedar negara menghadapi saingan yang getir, di kalangan negara-negara jiran di ASEAN ini pun untuk menjadi destinasi pelaburan yang menarik dan juga *competitive* dan tidak lagi menjadi negara pilihan utama pelabur. Ini kerana kita sedar masalah-masalah seperti tenaga kerja, gaji, kestabilan politik dan sebagainya.

Jika cukai ini dikenakan maka sudah tentulah ia menjadikan kita tidak konsisten dalam dasar pelaburan kita dan ia akan memberikan kesan buruk terhadap sentimen pelabur kepada negara kita. Saya juga melihat contoh apa yang berlaku dengan pandemik ini, industri sarung getah tangan ini bukan mengambil kesempatan atas pandemik ini. Akan tetapi sebenarnya mereka hanya menerima tempahan yang lebih maka untungnya lebih dan dalam masa yang sama kerajaan juga telah memperkenalkan cukai korporat yang cukup.

Jadi, kalau mereka mendapat untung yang lebih maka mereka akan dikenakan cukai maksima 24 peratus. Walaupun kena cukai 24 peratus untungnya masih banyak maka bolehlah digunakan wang ini untuk dikembangkan lagi, diperbesarkan lagi industri, dibukakan cawangan-cawangan baru di negeri-negeri lain yang secara langsung akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat kita sendiri. Maka sudah tentulah saya rasa kita perlu memperkemaskan percukaian, levi percukaian keuntungan yang luar biasa ini terhadap industri sawit, sudah tentu kita tahu ia diperkenalkan untuk industri ini.

Kita perlu selesaikan masalah tenaga kerja yang meruncing, yang memberikan kerugian kepada industri dan seterusnya kerugian kepada kutipan cukai ataupun levi keuntungan luar biasa ini kepada kerajaan. Jadi, saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua menghormati masa, menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Tamatlah masa perbahasan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

**12.35 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada seramai tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020.

Terdapat hampir 15 isu yang dibangkitkan, izinkan saya memberi penjelasan satu persatu berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan sebentar tadi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum komponen hasil kerajaan adalah terkait dengan tiga perkara.

Cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai seperti dividen, royalti, lesen, permit dan penalti. Bagi tahun 2021 untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, hasil negara diunjurkan untuk tahun 2021 adalah sebanyak RM219.6 bilion. Maknanya daripada cukai langsung RM120 bilion, cukai bukan langsung RM42.4 bilion manakala hasil bukan cukai merupakan RM57.2 bilion. Apa yang pentingnya kita mesti melihat apakah elemen-elemen dalam cukai langsung dan cukai bukan langsung yang melibatkan syarikat.

Saya lihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi menyentuh pelbagai isu yang terkait. Izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini cukai pendapatan yang diunjurkan hasil bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM56 bilion

bagi cukai pendapatan syarikat ataupun dalam bahasa Inggerisnya *a corporate tax*. Manakala cukai pendapatan individu RM42 bilion, cukai petroleum RM10 bilion.

Itu sebabnya apabila kita bercakap tentang industri ia adalah terkait dengan cukai-cukai yang dikenakan kepada syarikat dan cukai tersebut seperti mana Yang Berhormat sedia maklum ia memberi hasil kepada negara untuk kita melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan khususnya dalam belanjawan tahunan yang kita umumkan pada setiap tahun. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Bolehkah sikit sahaja, bolehlah?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Saya belum mula lagi Yang Berhormat, boleh. Saya baru masuk *preamble* atau permulaannya. Pada tahun 2021 Yang Berhormat, kutipan keuntungan luar biasa telah diunjurkan sebanyak RM900 juta dan *alhamdulillah* sehingga September 2021, kutipan telah mencecah RM1.2 bilion. Akan tetapi, janganlah Yang Berhormat mengatakan bahawasanya setiap tahun kutipan kita adalah berjumlah RM1.2 bilion. Semasa kita membenteng rang undang-undang ini pada tahun 1998 dan dikuatkuasakan pada tahun 1999, jumlah kutipan hasil kita pada tahun 1999 hanya RM86 juta.

Manakala pada tahun 2015 hanya RM1 juta kutipan daripada levi keuntungan luar biasa. Tahun lepas hanya RM209 juta dan ada Ahli Yang Berhormat bangkitkan tadi ke manakah wang ini dibelanjakan. Sudah pasti wang ini dibelanjakan kepada proses-proses yang melibatkan dan yang terkait dengan industri sawit. Sebagai contoh, kita memberi subsidi minyak masak. Tahun ini sahaja sehingga Ogos 2021, kita sudah belanjakan subsidi minyak masak sebanyak RM998.6 juta walaupun kutipan pada September RM1.2 bilion, ia nampaknya ada surplus atau ada lebihan.

Akan tetapi kalau kita bandingkan pada tahun 2018 subsidi minyak masak RM488.8 juta tetapi kutipan levi hanya pada RM197 juta. Kalau kita lihat seperti mana yang saya sebutkan tadi, tahun lepas sahaja kita mencatatkan kutipan levi keuntungan luar biasa pada jumlah RM209 juta tetapi subsidi minyak masak adalah pada tahap RM528.3 juta. Namun kita akui pengenaan levi ini memberi tambahan hasil kepada negara. Dengan menggunakan levi ini, kita letakkan *threshold*, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum.

#### ■1240

Untuk Semenanjung, dahulu masa kita kenalkan pada tahun 1999, kita tidak ada *threshold* atau kadar levi yang dikenakan. Kita hanya memberi tumpuan kepada minyak sawit mentah (CPO) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO). Apabila melepasi *threshold* RM2050, kita kenakan RM50 per tan. Itu sebabnya kadar keuntungan kita pada tahun 1999 agak rendah dan sebanyak RM86 juta.

Namun, pada tahun 2008, selepas kita mansuhkan levi keuntungan pada tahun 2003, kita wujudkan balik pada tahun 2008, kita letakkan *threshold* pada kadar RM2,000 dan levi ketika itu hanya 1.5 peratus bagi kedua-dua Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Namun, selepas kita membuat libat urus dengan industri-industri yang khususnya yang melibatkan kelapa sawit, kita membuat sedikit perubahan pada tahun 2009 iaitu untuk Semenanjung, *threshold* hanya pada RM2,500 dan kadar levi pada 3 peratus, manakala Sabah dan Sarawak RM3,000 pada kadar levi 1.5 peratus. Saya akui Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah tadi ada sebutkan berkaitan kadar operasi, memberitahu bahawa Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung sudah berada pada kadar yang sama daripada segi kos operasi. Ini yang sedang kita libat uruskan. Namun demikian, sesi libat urus ini bukan satu proses yang cepat tapi kita harus melihat daripada segi *in the big picture*, dalam ekosistem yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, levi keuntungan luar biasa ini bukanlah satu-satunya cukai yang dikenakan kepada syarikat komoditi. Prinsip asas cukai; sekiranya tiada pendapatan, maka tiadalah cukai. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan yang diterima itu adalah tinggi, maka cukai yang perlu dibayar juga tinggi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the more you earn, the more you pay*.

Saya hendak ambil contoh di Dewan yang mulia ini, sesebuah syarikat yang terlibat dalam industri komoditi dengan sawit perlu membayar bukan sahaja levi keuntungan luar biasa, mereka perlu membayar cukai pendapatan syarikat sebanyak 24 peratus seperti mana Yang Berhormat Dato' Wira Othman sebutkan tadi.

Mereka juga kena bayar cukai kepada kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, duti eksport, cukai perkhidmatan dan cukai jualan. Manakala pemilik syarikat pula *the owner of the company*, dengan izin, pula akan membayar cukai individu mengikut kadar cukai individu yang lazimnya pada banjaran yang tertinggi iaitu 30 peratus.

Itu sebabnya apabila kita diminta untuk mengenakan pada komoditi lain, Kementerian Kewangan tidak akan mengambil keputusan terburu-buru dalam kita melaksanakan sebarang dasar kerana apa yang ingin kita lakukan- kita ingin melihat secara menyeluruh supaya pindaan ini bukan sahaja menguntungkan negara tetapi ia juga dapat kita pertahankan daripada segi *spillover effect*, iaitu kesan kepada ekonomi kitaran yang berada di sekeliling industri-industri tersebut.

Pada tahun 1999, kita kenakan levi ini pada harga pasaran komoditi minyak kelapa sawit mentah kerana ia kekal konsisten. Namun, harga komoditi ini lebih stabil dan tidak mudah terancam dengan krisis ekonomi berbanding harga komoditi lain

seperti getah yang lebih *volatile* bergantung kepada permintaan dan penawaran. Sila, Yang Berhormat. Masih hendak bertanya atau sudah jelas?

**Datuk Paul Igai:** Penjelasan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih atas informasi maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya pun takut dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan pendapatan cukai korporat sebanyak RM54 bilion, secara individu sebanyak RM40 bilion lebih dan PETRONAS sebanyak RM10 bilion, di mana punca-punca tambahan untuk negara dapat dan cukai eksais, *windfall tax* tadi, dengan izin, RM1 bilion lebih kuranglah, RM1 bilion. Di mana cukai-cukai tambahan untuk menampung bajet negara sekarang ini yang dijangkakan lebih kurang RM300 bilion. Fahamlah, tidak pernah tanyalah. Dekat mana itu, dekat mana itu, hendak tanya itu. Di mana kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap sikit. Takut ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Yang Berhormat, kita akui kerajaan hari ini berada dalam kedudukan yang defisit. Ini tidak ada perkara yang- *this is a public document* kerana setiap tahun kita mengumumkan bagaimana unjuran negara pada tahun berikutnya. Contohnya, pada tahun ini kita telah mengumumkan pada tahun 2020, kita mempunyai defisit fiskal pada 5.4 peratus. Maknanya defisit fiskal ini ada perbezaan antara pendapatan dengan perbelanjaan iaitu melibatkan 5.4 peratus.

Akan tetapi, selepas kita melakukan banyak inisiatif yang melibatkan PKP 3.0 yang kita anggarakan kehilangan hasil negara pada setiap hari merupakan RM1.1 bilion, kita telah mengunjurkan defisit fiskal baru kita pada antara 6.5 peratus hingga 7.0 peratus. Apabila perkara ini berlaku, sudah pasti kerajaan perlu meminjam.

Itu sebabnya semalam, saya membawa Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) untuk kita menaikkan had statutori daripada 60 peratus kepada 65 peratus, daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion. Inilah yang akan kita gunakan untuk kita membiayai sebahagian daripada objektif-objektif yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Paling pentingnya kita akan pastikan pinjaman yang kita lakukan ini melibatkan pasaran domestik kerana semalam saya telah nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawanya pasaran domestik ini lebih stabil dan ia tidak terikat kepada pertukaran mata wang asing. Saya rasa ini menjawab kepada soalan Yang Berhormat.

Yang Berhormat ada bangkitkan tentang kenapa kadar berbeza dan saya telah jelaskan tadi kos pengangkutan dan kos tenaga kerja iaitu semasa tahun 2009-itu sebab kita buat pindaan. Hari ini sudah lebih dari hampir 10 tahun dan *insya-Allah* Yang Berhormat kita sedang mengkaji dan meneliti perkara-perkara ini dan *insya-*

*Allah* dalam masa terdekat kita akan memberitahu. Apa sahaja yang kita lakukan, kita mesti seimbang. Seperti mana saya beritahukan tadi, syarikat bukan sahaja kena levi keuntungan luar biasa, ia juga terkena kepada cukai-cukai yang telah saya nyatakan tadi. Itu sebabnya saya hendak beritahu ramai- Yang Berhormat sebutkan tadi kenapa tidak caj kepada sarung tangan. Ia mendapat 15 kali- ganda.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, yang paling pentingnya ialah kita mesti melihat *spillover effect*. *Spillover effect* inilah yang paling penting. Walaupun untuk kita kenakan cukai, mengenakan levi keuntungan luar biasa kepada *face mask* dan sarung tangan, ia tidak sama seperti mana harga komoditi kerana produk pengilang yang mempunyai pelbagai jenis standard, spesifikasi dan gred berbeza dan amat sukar. Bila gunakan kepada komoditi contohnya CPO, ia kita rujuk kepada MPOB. MPOB pada setiap bulan akan keluaran warta harga setiap bulan dan kita berasaskan kepada harga-harga tersebut untuk kita kenakan kepada *threshold* di mana semua pemain industri perlu mengisi borang WPA3 pada setiap bulan selewat-lewatnya 28 hari bulan pada setiap bulan.

Sekiranya mereka gagal lakukan, mereka akan dikenakan penalti maksimum dua puluh lima kali kepada akaun yang kena levi, minimum sepuluh kali kepada amaun kena levi. Penalti yang kita akan kenakan kepada mereka sekiranya mereka gagal ialah setiap bulan berikutnya 10 peratus dan maksimum 50 peratus. Ini sebenarnya telah memberi satu disiplin kepada pemain-pemain industri untuk membayar levi keuntungan luar biasa kepada kementerian dan kerajaan melalui JKDM.

Apa yang pentingnya adalah walaupun dia ada *spillover effect*, tetapi mereka juga telah melakukan sumbangan. Sebagai contoh, dalam Bajet 2021 tahun ini, syarikat-syarikat yang telah mencatatkan keuntungan luar biasa telah memberi sumbangan RM400 juta kepada kerajaan Malaysia dan duit ini telah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Bencana.

Kesemua peruntukan ini digunakan untuk menyokong sistem kesihatan dalam mengekang wabak COVID-19 di kemudahan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Hospital Pengajar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi termasuklah bagi menampung penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta, penyumberluaran sampel COVID-19 ke makmal swasta, pembersihan sisa klinikal dan pendobian serta keperluan perolehan peralatan bekalan pakai habis, ujian makmal dan ubat-ubatan.

RM400 juta sumbangan ini melibatkan empat buah syarikat; Maxter Glove Manufacturing Sdn. Bhd. sebanyak RM75 juta, Kossan Rubber Industries Berhad sebanyak RM50 juta, Top Glove sebanyak RM185 juta melalui tiga buah subsidiari syarikat iaitu Flexitech Sdn. Bhd sebanyak RM45 juta, GMP Medicare Sdn Bhd.

sebanyak RM90 juta, Top Quality Glove Sdn. Bhd. sebanyak RM50 juta dan yang keempat iaitu Syarikat Hartalega sebanyak RM90 juta.

■1250

Saya amat memahami dan kementerian mempunyai pandangan hampir sama dengan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz sebentar tadi berkaitan *spillover effect*. Sebagai contoh, ada sebuah syarikat sarung tangan. Pada tahun 2020, ia hanya mempunyai 43 buah kilang sahaja tetapi dengan keuntungan luar biasa yang diperolehi, ia dapat menambah hampir lima buah cawangan kilang yang baharu dan ia dapat menambah hampir 2,000 orang pekerja yang akan memberi manfaat kepada ekonomi negara. Itu sebabnya, Yang Berhormat, dalam hal ini, kita tidak boleh hanya melihat dalam satu perspektif sahaja. Kita mesti melihat dalam perspektif yang agak berbeza.

Saya hendak menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas berkaitan adakah pindaan ini merupakan permulaan untuk kita mengenakan cukai kepada industri-industri lain pada Bajet 2022. Pindaan ini tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat. Sebenarnya pindaan ini hanya hendak memberi keadilan.

Dahulu tidak ada peruntukan yang membenarkan syarikat untuk menuntut balik atau tidak boleh syarikat merayu atas sebab-sebab tertentu. Mungkin syarikat mereka tidak ada keuntungan, mereka hendak merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan mereka hendak merayu kepada pihak Kastam untuk mengurangkan penalti atau hendak mengurangkan caj levi yang dikenakan. Itu sebabnya pindaan ini dibuat dan pindaan ini bukanlah pindaan baharu. Pindaan ini selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Akta Cukai Syarikat dan Akta Kastam kerana ini merupakan prosedur biasa.

Yang Berhormat Senator tadi ada juga yang membangkitkan adakah ini cara untuk melakukan ketirisan. Jangan risau, Yang Berhormat. Bagi penalti, mereka perlu mengisi borang untuk menuntut sekiranya mereka telah membuat terlebih bayar.

Untuk meremisikan levi, mereka kena buat surat kepada pihak-pihak yang telah saya nyatakan tadi di mana proses untuk kita lakukan ini bukan proses mengambil kira pandangan-pandangan biasa. Kita selalunya akan melakukan proses menggunakan *due diligent* dan bahagian Kastam akan mengesyorkan kepada Ketua Pengarah untuk meremitkan atau membuat remisi terhadap penalti. Manakala untuk levi, diremitkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui satu Jawatankuasa di bawah Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Minta maaf, pencilan sedikit. Dalam rang undang-undang baharu ini, diberi tempoh tidak melebihi satu



tahun. Oleh sebab sistem pengisian borang itu nampak kemas, bolehkah kementerian memberi jaminanlah jangan sampai setahun? Kalau boleh tiga bulan kah? Borang dah cantik dah, dah *in order*, dengan izin. Bolehkah kementerian memberi jaminan? Tiga bulan itu adillah kepada kedua-dua pihak. Pasal rang undang-undang ini sebut tidak melebihi setahun. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Saya hendak memberitahu ini bukan undang-undang baharu. Ini satu pindaan bagi memantapkan undang-undang yang sedia ada. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi tadi adalah berkaitan satu tahun, maknanya dalam tempoh bayaran mereka, dalam tempoh tersebut, mereka bolehlah membuat tuntutan atau mereka boleh buat permohonan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang ada prosedur yang sedia ada di peringkat jawatankuasa pelaksana iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Apabila borang itu cukup lengkap- maknanya cukup lengkap itu *100 percent*, bukan 80 peratus, bukan 70 peratus. Apabila borang tersebut cukup lengkap, kita akan proses dalam tempoh 30 hari. Sekiranya dalam 30 hari itu menepati kehendak dan keperluan perundangan sedia ada, dalam tempoh 14 hari mereka akan dapat tempoh bayaran balik.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Cumanya, yang saya akui yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ada pengalaman syarikat-syarikat sebelum ini semasa pelaksanaan GST. Antara perkara yang telah kita kenal pasti, tempoh pulangan bayaran balik GST yang dahulu menjadi satu isu yang besar adalah kerana borang mereka tidak mencukupi dan syarikat-syarikat bila kita hubungi, tidak hadir ke Jabatan Kastam.

Jadi saya harap sangat, hari ini kerajaan mengikuti apa yang telah dikehendaki oleh pemain industri untuk memberi keadilan dalam rang undang-undang ini. Pindaan ini juga telah dilakukan hasil libat urus bersama pemain-pemain industri dan sudah pasti ia kehendak pemain-pemain industri. Kita harap pemain-pemain industri juga kena bertindak adillah dengan kementerian supaya mereka dapat memberi kerjasama. Niat kita, kita hendak bagi keadilan. Keadilan ini mesti dilakukan di antara kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan berkaitan isu *black economy*. Tadi ada beritahu bagaimana kerajaan hari ini mengatasi *black economy* yang sudah pastinya memberi banyak wang keluar- *outflow* daripada negara keluar ke sana.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Bajet 2020, kita telah mewujudkan sebuah *task force* yang kerap kali saya maklumkan dalam Dewan yang

mulia ini, semalam pun saya nyatakan sama, iaitu *Multi-Agency Task Force* yang dianggotai oleh pelbagai pihak penguat kuasa seperti PDRM, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sendiri dan juga melibatkan APMM. *Task force* ini berperanan sebagai platform kolaborasi antara kerajaan dengan industri bagi menangani isu penyeludupan dan isu pengedaran perkara-perkara yang tidak sah di negara ini.

Ini sebenarnya satu platform- untuk membolehkan kementerian dan agensi terlibat mengenal pasti kelemahan dalam mana-mana perundangan dan aktiviti penguatkuasaan sedia ada boleh kita mempercepatkan atau *speed up the process enforcement*, dengan izin, yang lebih berkesan dapat dilaksanakan bagi kita mengurangkan ketirisan hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan adakah ia juga melibatkan pihak lain seperti pekebun-pekebun kecil. Bagi Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa ini, pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun kurang daripada 10.4 hektar atau lebih mudahnya kurang daripada 100 ekar tidak dikenakan cukai keuntungan luar biasa ini. Manakala skim kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, yang telah diwartakan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 seperti FELDA, FELCRA, RISDA tidak akan dikenakan juga kerana mereka tidak lagi memperoleh tanah-tanah yang kita nyatakan tersebut.

Cumanya, apa yang paling penting bagi kita- kita mesti memahami bagaimana kaedah yang harus kita lakukan dalam rang undang-undang ini untuk kita melihat seksyen-seksyen yang telah dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Saya yakin peruntukan yang sedia ada dari tahun 2009 sehinggalah 2020 dan 2021, tidak ada peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan dan kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk meremitkan levi ataupun penalti.

Dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pindaan seksyen 13 yang baharu ini, Menteri dan Ketua Pengarah boleh mempertimbangkan untuk meremitkan levi dan penalti dalam keadaan tertentu yang munasabah.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara kita yang hebat pada hari ini dari tahun 2020 hingga 2021, pengeluar dikenakan penalti kerana lewat bayar levi kerana kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Maka Ketua Pengarah boleh mempertimbangkan remisi penalti atas kesalahan lewat bayar. Kalau mengikut peruntukan sedia ada, tidak boleh. Dan ia sebenarnya tidak akan memberi keadilan kepada pemain-pemain industri.

Kuasa Menteri pula untuk meremitkan cukai dan kuasa Ketua Pengarah meremitkan penalti ini adalah juga selaras dengan semua perundangan cukai tidak langsung lain seperti Akta Kastam 1967, Akta Cukai-cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Jualan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam berkaitan pelabur lari daripada negara kita. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, pada tahun ini, separuh tahun pertama, kita mempunyai pelabur yang masuk ke dalam negara kita ini separuh pertama tahun 2021, lebih daripada RM17.5 bilion berbanding sepanjang tahun 2020 sebanyak hanya RM14.2 bilion. Ini bermaksud, Yang Berhormat Senator, tidak ada satu keadaan yang menunjukkan isyarat bahawasanya tidak ada pertumbuhan positif kadar FDI masuk ke dalam negara kita.

Saya ingat berkaitan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin sebentar tadi adalah berkaitan cukai *vape*. Apa yang telah kita kenakan merupakan cukai tanpa nikotin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi cukai bernikotin yang sedang kita teliti dan kaji ketika ini merupakan kaedah untuk kita kawal industri ini. Saya dah jawab tempoh hari dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas di Dewan ini juga, kenapa kita pentingkan sangat kawal selia industri *vape* ini ialah kerana ia melibatkan golongan muda terutamanya belia.

Saya ingat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tentang apa persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana telah memberi sokongan dan dukungan terhadap pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

*[Tepuk]*

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya tadi beri kelonggaran, bukan sedikit, banyak kerana ia penting sangat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Datuk Paul Igai **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff) dan diluluskan]*

**Datuk Paul Igai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan ke 2.30 petang.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

### **USUL PERSENDIRIAN – BUKAN AHLI KERAJAAN**

#### **USUL TRANSFORMASI PARLIMEN OLEH YB SENATOR TUAN MUHAMAD ZAHID BIN MD. ARIP**

**2.32 ptg.**

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kerajaan kerana membenar usul ini dikemukakan. Usul Transformasi Parlimen oleh saya, Senator Muhamad Zahid bin Md. Arip,

“(a) Menyedari sistem demokrasi Malaysia adalah berpaksikan kepada konsep pengasingan kuasa di antara legislatif, eksekutif dan kehakiman yang perlu diterjemahkan dalam erti kata yang sebenar-benarnya dengan tidak boleh terus menerus membiarkan legislatif dikuasai eksekutif;

Menginsafi bahawa Parlimen sebagai institusi penggubal undang-undang tertinggi Malaysia perlu ditransformasikan agar kedudukannya dihormati dan didaulatkan sebagaimana digariskan Perlembagaan Persekutuan, selain mengambil semangat daripada Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang telah ditandatangani pada 13 September 2021 lalu;

Mendukung penuh usaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk meminda dan memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 serta mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada 1992;

Menyedari beberapa pindaan dan penambahbaikan ke atas beberapa Peraturan Mesyuarat, pembentukan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas yang mempunyai kuasa

- perundangan serta usaha memperkenalkan Kod Etika Ahli Parlimen;
- (b) Maka dengan ini, saya mengemukakan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) bagi membolehkan Dewan ini membahaskan, dan membuat ketetapan bagi menggesa kerajaan:
- (i) segera melaksanakan transformasi ke atas institusi Parlimen; dan
  - (ii) mengusulkan pindaan Perlembagaan bagi maksud Perkara 45.(4)(a), dan (4)(b).”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan Usul ini dengan memberikan ucapan lebih kuat dalam 20 minit daripada sekarang.

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*  
[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Segala puji bagi Allah. Selawat dan Salam ke atas junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW.

Saya buka tirai ucapan saya pada hari ini dengan serangkap pantun,

*Pencak silat seni berzaman;  
Di tarikan oleh Pahlawan Melaka;  
Sampai sudah seruan pembaharuan;  
Transformasi Parlimen perjuangan kita.*

Tuan Yang di-Pertua, saya aturkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana sekali lagi berpeluang mengambil bahagian di Dewan yang mulia ini. Kali ini saya bangkit bagi mengemukakan usul yang cukup penting yang saya kira bakal mencipta sejarah terutama kepada kita yang berada di Dewan Negara pada hari ini iaitu satu usul bagi membahaskan, meluluskan dan membuat ketetapan tegas mengenai transformasi Parlimen yang perlu dijayakan dengan kadar segera.

Sebelum saya melanjutkan perbahasan ini, sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekali kepada sejarah. Ini kerana bangsa yang berjaya merupakan bangsa yang tidak lupa kepada sejarah pembinaan bangsanya sendiri. Tahun ini atau setepatnya pada 11 September 2021 yang lalu, usia Parlimen Malaysia genap 62 tahun. Jika diukur pada nisbah usia manusia, ia sudah memasuki usia emas, ia juga melambangkan kematangan seseorang.

Ia bermula dengan persidangan pertama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad di Dewan Tuanku Abdul Rahman yang kini dikenali sebagai Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC) di Jalan Ampang.

Waktu silih berganti, hari berganti minggu, minggu berganti bulan, bulan berganti tahun sehinggalah tiba lah kita ke detik bersejarah yang amat bersejarah ini,

yang amat bermakna pada hari ini. Jatuhnya pada hari Selasa, tarikhnya 26 Oktober 2021 bersamaan 19 Rabiulawal 1443 Hijrah.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diakui bahawa Parlimen sebelum ini telah melalui beberapa episod dan fasa perubahan. Antara perubahan yang telah dilakukan adalah seperti memperkenalkan Kamar Khas, memperkenalkan Waktu Pertanyaan dan Soal Jawapan Menteri, memendekkan notis bagi mengemukakan soalan yang memerlukan jawapan lisan, penubuhan 11 buah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen serta memilih Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) daripada kalangan Ahli Parlimen pembangkang.

Proses dan perubahan ini berlaku sesuai dengan tuntutan dan kehendak zaman. Niatnya murni, tidak lain dan tidak bukan mahu supaya institusi Parlimen yang kita anggotai ini benar-benar berkesan demi kebaikan rakyat dan negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, landskap politik negara telah berubah sehingga menuntut Parlimen juga wajib berubah dengan melakukan transformasi secara komprehensif. Perlu dijelaskan, transformasi ini bukannya untuk kita semata-mata, tetapi ia juga untuk generasi selepas kita. Kita perlu menyediakan pelan transformasi Parlimen yang kukuh buat generasi penerus sebagaimana generasi sebelum kita menyemadikan batu asas, mercu tanda dan tamadun dalam sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Kita mahu Parlimen dihormati dan didaulatkan sebagaimana yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Untuk itu, satu penyelesaian terbaik secara tuntas dan muktamad mesti dan perlu kita cari dan selongkar.

Tuan Yang di-Pertua, bila kucing sudah tidak lagi bertaring, nescaya tikus akan berani menari di depan mata. Begitu jugalah halnya dengan Parlimen ini. Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 yang merupakan akta yang menjadi ibu kepada Parlimen sudah tidak lagi relevan dan ketinggalan zaman. Ia sudah tidak lagi sesuai dengan landskap semasa politik pada ketika ini.

Menurut beberapa- sumber, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 yang kita pakai sekarang ini, dari sudut sejarahnya divedok daripada *Powers, Privileges and Immunities of Parliament Act* dari Afrika Selatan.

#### ■1440

Peruntukan ini kemudiannya dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan ketika mana kita mencapai kemerdekaan. Dua tahun selepas kita merdeka iaitu pada tahun 1959, sekali lagi ia dipinda bagi dijadikan asas kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ia kekal kita gunakan sampai ke hari ini. Adalah tidak munasabah untuk kita terus menerus

berpaut pada akta yang digubal sebelum merdeka tanpa membuat sebarang semakan dan pindaan.

Justeru, pindaan secara menyeluruh ke atas Akta Majlis Parlimen Keistimewaan dan Kuasa 1952 ini perlu dilakukan dengan kadar segera agar ia menepati roh keistimewaan Parlimen dengan menterjemahkan konsep pengasingan kuasa dalam erti kata sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berani mengambil langkah untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992 supaya Parlimen tidak dilayan seperti sebuah jabatan dan agensi kerajaan yang biasa-biasa.

Saya penuh yakin dan percaya dengan kembalinya Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, kita tidak akan mengemis dan meminta-minta untuk mengurus sendiri pentadbiran dan untuk mengurus sendiri pentadbiran, perjawatan dan pengurusan, peruntukan kewangan Parlimen.

Penting untuk saya tegaskan di sini, usaha mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini perlu konsisten dan selari dengan apa yang dilakukan dalam Sidang Parlimen Antarabangsa. Ia juga berlandaskan kepada Artikel 62, Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi; *“Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan undang-undang Persekutuan, setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri”*. Ia juga selaras dengan Artikel 63, Perlembagaan Persekutuan, yang menyentuh secara khusus mengenai keistimewaan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, rujukan terbaik dalam hal transformasi ini adalah dengan kita merujuk kepada negara-negara Komanwel yang lain seperti Britain, Kanada, Australia dan New Zealand. Di sana kita dapat melihat bagaimana Parlimen mereka didaulatkan mengikut penanda aras antarabangsa sebagaimana yang digariskan oleh Persatuan Parlimen Komanwel (CPA).

Untuk itu, salah satu aspek yang perlu diberikan perhatian khusus dalam soal transformasi ini memperkasakan Jawatankuasa Pilihan Khas Bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mana jawatankuasa ini dibekalkan kuasa untuk memanggil dan menyoal mana-mana pihak serta mengesyorkan tindakan undang-undang kepada pihak terbabit sekiranya mereka ingkar. Memang benar pada ketika ini Dewan Rakyat sudah ada sembilan Jawatankuasa Pilihan Khas dengan satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa sedang dalam usaha untuk diwujudkan.

Di Dewan Negara kita pula ada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan serta Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Anti Rasuah.

Secara peribadi, saya perlu merekodkan dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim kerana beliau lah merupakan individu yang bertanggungjawab di sebalik kewujudan tiga Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara. Sejarah tercipta ketika beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Untuk itu, sekali lagi saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, marilah kita memberikan tepukan meja yang bergemuruh kepada beliau... [*Tepuk*] Saya penuh yakin dengan terjelmyanya Jawatankuasa Pilihan Khas bersama ini, peranan Parlimen dalam memperjuangkan isu serta permasalahan rakyat akan lebih berkesan. Pada masa yang sama, Peraturan Mesyuarat kedua-dua Dewan juga wajar dipinda dan ditambah baik meliputi aspek-aspek perjalanan mesyuarat, disiplin Ahli serta penetapan Kod Etika Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak lengkap Pelan Transformasi Parlimen ini jika kedudukan jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara tidak saya sentuh. Hal ini cukup penting dan tidak boleh diabaikan atau dilengah-lengahkan lagi. Ini kerana jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara adalah berkait langsung dengan kedudukan Dewan Negara itu sendiri sebagai *Upper House* iaitu Dewan tertinggi, dan bukannya 'Pak Turut' atau *rubber stamp*, dengan izin, kepada Dewan Rakyat. Maka, atas dasar inilah kita menuntut perubahan dan pertambahan daripada segi struktur jumlah keanggotaan Dewan Negara dapat disegerakan.

Saya mohon mencadangkan agar jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara daripada lantikan negeri yang ketika ini hanya dua orang bagi setiap negeri ditambah kepada empat orang dengan memasukkan peruntukan wajib salah seorang dari empat orang yang dilantik ini mestilah daripada kalangan seorang Senator wanita... [*Tepuk*] Ini merupakan pengiktirafan kita kepada kebolehan dan keupayaan wanita Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara daripada kuota lantikan negeri ini tidak pernah dipinda dan ditambah sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1959 lagi. Sudah terlalu lama. Sudah 62 tahun lamanya. Barang diingat pada tahun 1959, jumlah penduduk di negara kita hanyalah sekitar 11 juta orang.

Akan tetapi kini penduduk di negara kita sudah melepasi angka 33 juta. Demikian lah produktifnya rakyat Malaysia dalam menambah jumlah bilangan rakyat di negara ini. Keperluan suara serta permasalahan rakyat pada tahun 1959, tidaklah sama dan tidaklah sekompleks keperluan suara dan permasalahan rakyat di abad ke-21 ini.

Oleh sebab itulah jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara perlu disemak semula dengan menambah jumlah keanggotaannya daripada 70 orang ketika ini



kepada 116 orang yang mana ia harus terdiri dari empat orang wakil daripada setiap negeri dan sekurang-kurangnya 60 orang lantikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk itu, saya mencadangkan kepada kerajaan, agar meminda peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan Perkara 45 (4)(a) dan (b). Dalam hal ini, sukacita sekali lagi saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada sejarah bahawa di awal penggubalan Perlembagaan Persekutuan dahulu, hanya 16 orang Ahli Dewan Negara yang boleh dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ia kemudiannya bertambah kepada 22 orang Senator pada tahun 1963. Manakala pindaan Perlembagaan pada tahun 1964 memperuntukkan bilangan Ahli yang boleh dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah seramai 32 orang.

Pada tahun 1978, satu pindaan telah dibuat dengan memperuntukkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh melantik 40 orang Senator pada satu-satu masa. Jumlah lantikan 40 orang ini kekal semenjak 43 tahun yang lalu, sehinggalah ke hari ini. Oleh sebab itu sudah sampai masanya kita berbuat sesuatu dan tidak perlu menunggu 43 tahun akan datang untuk membuat perubahan daripada segi jumlah keanggotaan Ahli Dewan Negara. Bilamana saiz keahlian Dewan Negara sudah bertambah, sudah pasti Dewan yang mulia ini memerlukan pertambahan bagi jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Pada hemat saya, adalah perlu untuk Dewan Negara selepas ini mempunyai dua orang Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya kita mengubah sistem tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara kita, yakni dari tiga tahun sepenggal dan kemudiannya boleh ditambah tiga tahun lagi untuk penggal yang kedua. Diubah terus kepada enam tahun perkhidmatan atau 72 bulan secara berturut-turut dan terus menerus. Saya suka hendak mendengar tepukan sekali lagi. Jika rakan-rakan bersetuju dengan cadangan ini... [*Tepuk*] Ini nampak setuju, lega lah saya ini.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sekalian, di Kanada tempoh khidmat seseorang Yang Berhormat Senator iaitu selama tujuh tahun atau 84 bulan. Dalam tempoh tersebut banyak perkara yang dapat dijuarai dan diselesaikan oleh Anggota *Senate* itu di Kanada. Di negara kita saya cadangkan enam tahun sahaja, takkan tidak boleh? Ini membawa maksud selepas enam tahun secara automatik keahlian para Senator akan tamat dan diganti dengan muka baru. Bak kata pujangga, "Zaman beredar pusaka bergilir."

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya percaya transformasi yang sedang kita usahakan ini akan memberi impak positif ke atas perjalanan Dewan Negara. Biarlah generasi Ahli Dewan Negara selepas kita dan anak cucu yang akan datang menilai dan mendapat nikmat hasil usaha kita pada hari ini.

Saya berharap kita sederap dan seiringan dalam menjayakan usaha mentransformasikan Parlimen ini kerana Parlimen tidak boleh berterusan ditakuk lama. Parlimen perlukan nafas baharu dan di atas batu jemala kitalah terpikulnya amanah dan tanggungjawab ini.

Sebelum mengundur diri, saya ingin meminjam pantun Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim.

*Kerakap tepi permatang;  
Permatang ada di sana;  
Bercakap jangan panjang;  
Bertandang jangan lama.*

Tidak panjang, tidak juga lama, cuma yang ada besar, teguh, peramah. Tempoh yang diberikan kepada saya sudah cukup dan memadai dan cukup bermakna. Dengan itu, saya memohon mencadangkan usul ini untuk dibahaskan, disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

*Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip atas cadangan Usul tadi. Saya mohon ada Ahli Yang Berhormat menyokong?

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip terbuka untuk dibahaskan.

Dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew untuk membahaskan dan menyokong. Dipersilakan.

**2.53 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul dan menyokong Usul ini.

Sistem demokratik adalah berasaskan kepada pengasingan kuasa di antara tiga buah institusi iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman yang memastikan semak dan imbang dapat dicapai. Akan tetapi kuasa sering tertumpu di tangan eksekutif.

Situasi ini berlaku bukan sahaja di kerajaan tetapi juga di dunia korporat di mana ketua pegawai eksekutif mempunyai kuasa yang amat besar.

Undang-undang dan peraturan sepatutnya digubal untuk mengehadkan kuasa eksekutif dan melindungi pemegang saham. Masa sudah tiba untuk cabang legislatif mendapat balik kebebasannya. Memperkenalkan semula suatu undang-undang seperti Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ialah langkah pertama yang betul. Cabang legislatif mesti diberikan kuasa sepenuhnya ke atas aspek cawangan dan perjawatan.

Penubuhan jawatankuasa pilihan merupakan cara yang betul untuk memastikan legislatif boleh menjadi sebuah badan yang bebas. Pada masa yang sama, cabang legislatif mesti memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses penggubalan undang-undang bukan sahaja pada peringkat terakhir iaitu meluluskan atau menolak rang undang-undang.

Jawatankuasa ini mesti diberi kuasa dan peluang untuk terlibat dalam proses awal iaitu pada peringkat merancang dan merangka undang-undang. Jawatankuasa ini mesti mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dalam proses penggubalan undang-undang kerana kita mesti mengakui bahawa biasanya Ahli-ahli Parlimen mungkin tidak mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan yang berkenaan.

Proses pilihan raya selalunya tidak memilih wakil rakyat yang mempunyai kepakaran tetapi mereka yang boleh membuat keputusan yang baik. Wakil rakyat memainkan peranan pengurusan.

Seterusnya, mari kita tengok Perkara 45(a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan. Ini merupakan satu artikel yang menarik kerana ia membenarkan penambahan bilangan Senator daripada dua orang kepada tiga orang mewakili setiap negeri, ia juga mempunyai peruntukan untuk memilih Senator-senator tersebut melalui pilihan raya dan bukan dipilih oleh Dewan Undangan Negeri seperti sekarang, di mana dua orang Senator mewakili setiap negeri.

Secara prinsipnya pilihan raya merupakan proses yang lebih baik untuk memilih pemimpin sesuatu penjawat awam. Akan tetapi kita mesti mempertimbangkan tujuan dan peranan yang dimainkan oleh Dewan Negara. Setakat ini kuasa yang sebenarnya terletak di tangan Dewan Rakyat, yang mana Ahli-ahli Dewan Rakyat menubuhkan cabang eksekutif yang mempunyai kuasa sebenar.

Adakah Dewan Negara akan terdiri daripada campuran Ahli-ahli yang dipilih dan dilantik? Bagaimanakah tempoh lantikan Ahli-ahli Dewan? Adakah pilihan raya akan diadakan apabila sesuatu kerusi di Dewan Negara dikosongkan? Adakah sistem pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara dimansuhkan?

Perkara 45(4)(c) menunjukkan kemungkinan ini. Apakah perbezaan di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekiranya Ahli-ahli kedua-dua Dewan dipilih oleh rakyat? Tiada jawapan yang senang kerana setiap keputusan akan membawa isu dan soalan yang berlainan. Saya percaya bahawa pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai meritnya tersendiri. Pilihan raya akan menghasilkan ahli politik dengan kerjaya, dengan izin, *career politician* dan tidak semestinya membawa kepelbagaian, dengan izin, *diversity* yang mewakili masyarakat secara keseluruhan.

Kumpulan yang tertentu mungkin tidak mendapat perwakilan sekiranya Ahli-ahli Dewan dipilih melalui pilihan raya. Perkara 45(2) bertujuan membawa kepelbagaian daripada segi perwakilan di Dewan Negara yang menyebut bahawa orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perkara komersial, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili *race minority* atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli.

Apa yang kita perlukan ialah satu sistem yang boleh mengesyorkan mereka yang memenuhi kriteria Perkara 45(2). Setakat ini kuasa ini terletak di tangan pemimpin-pemimpin politik di cabang eksekutif. Inilah sebabnya kebanyakan daripada Ahli-ahli Dewan Negara dilantik mempunyai latar belakang politik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya masa pun sampai untuk cabang kehakiman mendapat balik kebebasannya. Sistem kehakiman kita telah dilanda kegelapan yang amat teruk tahun 1988. Walau bagaimanapun sehingga hari ini ia telah mendapat balik sebahagian kebebasan dan kredibilitinya. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695], merupakan satu akta yang sangat signifikan yang telah diluluskan semasa Yang Berhormat Tun Abdullah bin Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri. Terdapat perkara yang boleh ditambah baik dalam Akta 695.

Misalnya, cadangan untuk ahli-ahli kehakiman pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong masih datang daripada Perdana Menteri yang juga merupakan Ketua Eksekutif. Macam mana proses pelantikan boleh menjadi lebih bebas dan objektif untuk memilih calon yang mempunyai kelakuan dan kaliber yang terbaik? Kebebasan pengurusan sistem kehakiman juga mesti diperkasakan. Ia harus diletakkan di bawah kementerian sendiri dan bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

#### ■1500

Cabang kehakiman harus diberi kuasa dalam bidang perjawatan dan kewangan. Cabang ini harus diberi kuasa mengendalikan urusannya secara bebas. Tambahan lagi, Perkara 138 harus dipinda untuk mengasingkan perkhidmatan kehakiman daripada perkhidmatan perundangan. Perkhidmatan perundangan harus diletakkan di bawah bidang kuasa peguam besar negara.

Perkhidmatan kehakiman pula harus diletakkan di bawah Ketua Hakim sebagaimana sebelum tahun 1960. Secara alternatif, cadangan bekas Ketua Hakim-Yang Amat Berbahagia Tun Arifin Zakaria di mana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan wajar mengetuai perkhidmatan kehakiman yang dipertimbangkan. Akhir sekali, pindaan yang dibuat pada tahun 1988 kepada Perkara 121, subperenggan 1, patut dipinda balik dalam bidang- dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam pindaan tahun 1988, perkataan “Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang secara bidang kuasa dan tarafnya...” dan kemasukan frasa “...Mahkamah-mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah Undang-undang Persekutuan.” seolah-olah membayangkan bahawa mahkamah telah dilupakan kuasanya dan hanya mempunyai kuasa yang diberi oleh Parlimen melalui undang-undang persekutuan.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan petikan daripada, dengan izin, Aristotle dalam buku *The Politics* seperti berikut, “*There are three elements in each constitution in respect of which every serious lawgiver must look for what is advantageous to it; of these are well arranged, the constitution is bound to be well arranged, and the differences in constitutions are bound to correspond to the differences between each of these elements. The three are: first, the deliberative, which discusses everything of common importance;...*” Itu ialah legislatif. “... *second, the official;...*” Ini ialah eksekutif. “... *and third, the judicial element.*”

Dengan ini saya mohon menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

### 3.04 ptg.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa besar hati pada hari ini untuk membahaskan satu usul untuk kita menaikkan martabat Dewan Negara yang kita berada ini. Ini telah saya bawa dua kali dalam Dewan yang mulia ini. Satu dalam ucapan saya yang lepas dan juga yang baru-baru ini yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Komitmen kerajaan untuk menaik taraf Dewan Negara agar martabat Dewan Negara ini ditingkatkan bersesuaian dengan konsep demokrasi. Demokrasi ini bukan baharu; kalau kita lihat sejarah demokrasi pada kurun ke-18 lagi, seorang negarawan

Perancis iaitu Montesquieu yang kita kenal. Siapa yang belajar demokrasi konsepnya *basic* atau asas kepada konsep demokrasi ialah konsep perasingan kuasa kerana kita tahu bahawa manusia itu lemah. Dalam Surah al-Iqra disebut... [*Sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya, sesungguhnya manusia itu lemah apabila punyai kuasa yang berlebihan.

Dalam hal ini Al-Quran telah bagi awal-awal lagi, dalam surah pertama Surah al-Iqra lagi. Allah SWT pesan Nabi Muhammad SAW bahawa manusia itu lemah, kalau ia punya kuasa yang berlebihan. Ini digambarkan oleh Karun yang bila mana kuasanya sangat besar akhirnya dia merasakan dirinya Tuhan. Sebab itulah kita yang mengambil konsep demokrasi kena memahami bahawa manusia itu lemah. Sebab itulah sesetengah negara itu menyatakan kuasa tempoh pelantikan Perdana Menteri atau Presiden hanya dua penggal sahaja. Lebih dari dua penggal, dia mula mengarut. Sebab itu, atas dasar inilah maka konsep pengasingan kuasa itu hendaklah dilaksanakan dan dihayati oleh kita sebagai pembuat undang-undang di sini.

Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada saudara saya Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip yang sekali lagi membawa usul ini untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini kerana ia merupakan satu perkara asas dalam konsep berparlimen dan demokrasi ini. Kita tahu bahawa konsep demokrasi ini ialah konsep memastikan bahawa negara boleh dibina dengan asas yang betul agar merujuk kepada masa depan yang lebih baik.

Kita hendak mewariskan satu sistem yang lebih baik kepada generasi kita iaitu mudah-mudahan yang mengembalikan konsep pengasingan kuasa ini akan mengangkat negara ini ke tahap lebih baik. Saya dapati negara-negara yang melaksanakan *reform* atau kita mengatakan bahawa *transform*. Ada yang rasakan *reform* itu bahaya, maka *transform*. Transformasi ini kita setuju bersama. Sebab itulah baik kerajaan ataupun pembangkang sama-sama bersetuju untuk kita *transform* Dewan yang mulia ini kepada keadaan yang lebih baik.

Ini kita buktikan bahawa- rasanya tokoh-tokoh politik negara ini mula merasakan bahawa rakyat sudah penat dengan politik hingga dalam satu ujian baru-baru ini, ditanyakan, siapa yang paling tidak dipercayai. Ia kata, *politicians are the most- last to be trusted*. Padahal kita orang yang jujur. Saya percaya bahawa ramai menteri dan Ahli Yang Berhormat semua, kita adalah yang jujur membawa masa depan negara ke arah lebih baik. Akan tetapi, oleh sebab ada sebahagian-kawan-kawan kita, yang tidak punya moral yang baik, akhirnya kita dihukum oleh rakyat, dikatakan bahawa kita- *the most untrusted people in the country*.

Jadi, ini kita kena ubah. Mudah-mudahan dengan merubah beberapa *transform* ini boleh menaikkan martabat ahli politik sebagai manusia yang dihormati

dan *most trusted people* dalam negara ini. Kalau dahulu, saya difahamkan dahulu saya jumpa Wakil Rakyat lama mereka kata kami Wakil Rakyat lama kalau pergi kampung orang kampung sembelih ayam kerana penghormatan diberi kepada Wakil Rakyat.

Hari ini wakil rakyat terpaksa turun jumpa rakyat hendak minta sokongan kerana rakyat tidak memandang kita kerana kita orang politik telah melakukan kesalahan, dan akhirnya kita diletakkan di bawah pada pandangan rakyat. Itulah kita rasakan bahawa politik matang hari ini; kerajaan dan juga pembangkang bersetuju bersama-sama untuk kita *transform* Dewan Negara ini mahupun Dewan Rakyat, ataupun legislatif/eksekutif ataupun kita punya sistem perundangan. Sebab sudah lama berlalu. Contohnya, jumlah keanggotaan tidak diubah. Sudah pasti ia perlu semakan semula dan saya cadangkan dalam sesi Dewan lepas ialah tambah dua-dua kepada tiga.

Namun, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip minta tambah kepada empat. Kalau dua kepada empat, *alhamdulillah* tetapi namun jumlahnya perlu ditambah. Cuma, ada pandangan. Saya melihat ada beberapa buah negara, Senatnya dipilih dalam pilihan raya.

Saya tengok Indonesia umpamanya, anggota Senat mereka dipilih dalam pilihan raya. Akan tetapi, kalau seandainya kita hendak memilih melalui pemilihan ia mesti melalui suatu proses tapisan yang lebih teratur. Sebab tadi disebut umpamanya Perkara 45(2) iaitu anggota-anggota Dewan Negara ini mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Namun kita ini dibawa oleh parti. Parti kena disiplin melantik ahli dalam bidang masing-masing agar perbahasan di sini untuk kita memperhalus apa sahaja undang-undang yang dibawa oleh Dewan Rakyat agar lebih teratur. Saya dapati ada sebahagian Timbalan Menteri tidak dapat memenuhi kehendak Ahli Senat dalam menjawab soalan. Contohnya, semalam seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab langsung apa yang kita bahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya rasa kalau begini kita ada pilihan menerima atau menolak. Akan tetapi kalau kita menolak rasanya kita tidak sehaluan dengan akta-akta yang baik. Jadi, kualiti timbalan menteri juga mesti baik untuk menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara. Jadi, ini pada pandangan saya.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip mungkin malu-malu hendak menyebut supaya kita di Parlimen ini- saya dapati di negara lain, malahan di Filipina, Senat mereka punya *budget* dan juga *researcher* untuk kita memberi *research* kepada apa sahaja isu-isu di dalam negara ini.

Jadi, sewajarnya diberi peruntukan untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat ini membuat kerja. Menjadi Ahli Dewan Negara, pejabat pun tidak ada. Macam mana hendak kerja, bukan? Ini Dewan Negara, namanya Yang Berhormat Senator. Pejabat tidak ada, tidak ada staf. Sepatutnya kita dibekalkan dengan satu peruntukan untuk kita memberi kerja-kerja yang lebih efisien, lebih berkesan untuk mengkaji polisi-polisi yang dibuat oleh kerajaan. Jadi, sewajarnya peruntukan diberi kepada Dewan Negara.

Namun, kita setuju di Dewan Negara ini, kita *above* politik. Tidaklah peruntukan diberi kepada kerajaan dan juga diberi kepada pembangkang. Yang Berhormat sekalian, saya dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara menang dalam pilihan raya. Tengah-tengah jalan, dia kerajaan, saya pembangkang. Kemudahan peruntukan yang RM300 ribu, Yang Berhormat, RM300 ribu tidak banyak, Yang Berhormat, ditarik balik. Saya baru berbelanja RM60 ribu. Jadi, sepatutnya kita di sini sama-sama dapat peruntukan yang sama untuk buat kerja untuk memastikan memperhalusi dasar-dasar yang dibawa oleh kerajaan.

Begitu juga dengan tempoh. Saya dapati sebahagian Ahli Dewan Negara menjadi lebih efisien bila masuk penggal kedua. Saya tidak faham kenapa penggal pertama dia macam teragak-agak. Sebab, takut kalau dia lantang sangat bersuara, tak dapat sambung penggal kedua. Bila naik penggal kedua baru dia nampak lebih gagah untuk bersuara. Itulah saya setuju supaya dilantik terus enam tahun. Jadi, kita lebih bebas untuk beri pandangan dan pendapat... [*Tepuk*] Sebab kita akui kami yang di sini, kita yang di sini merupakan mereka yang pakar di bidang masing-masing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya. Saya menyokong penuh usul ini. Perkara ini telah pun saya bawa dalam ucapan saya sebelum ini. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Dipersilakan.

### **3.12 ptg.**

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab memberi peluang kepada saya untuk bahas satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Pemeteraian memorandum atau MOU Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dengan Pakatan Harapan merupakan lembaran baharu dalam landskap politik tanah air yang mampu mendukung aspirasi rakyat



yang mahukan fasa pemulihan negara diisi dengan pembaharuan-pembaharuan yang menguntungkan mereka.

Sebarang langkah transformasi Parlimen hendaklah memastikan bahawa konsep pengasingan kuasa antara legislatif, eksekutif dan kehakiman benar-benar dipelihara dan diberi perhatian. Legislatif harus dilayan dengan baik terutamanya daripada segi perjawatan dan peruntukan serta kewangan.

Dengan ini, adalah wajar dikembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada tahun 1992. Langkah ini adalah bagi membolehkan Parlimen diberi autonomi dalam aspek pentadbiran, perjawatan dan pengurusan kewangan. Badan perundangan sekarang diuruskan oleh seorang Menteri yang mempunyai sebuah jabatan. Ada relevannya jika dikembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992 bagi menyesuaikan institusi ini dengan keperluan semasa seperti badan-badan perundangan demokratik di negara-negara lain.

Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu pula perlu memperkasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ketua pihak kerajaan dan pembangkang di dalam kedua-dua Dewan untuk menguruskan Parlimen secara bersama. Peranan Ketua Pentadbir Parlimen tidak lagi perlu dan disyorkan tugas pentadbiran Parlimen dikembalikan kepada Setiausaha Dewan Rakyat yang akan dibantu oleh Setiausaha Dewan Negara seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang asal pada tahun 1957. Mengikut kaedah *Westminster*, Jabatan Menteri Hal Ehwal Parlimen tidak perlu dan jawatannya boleh mengambil alih tugas sebagai Ketua Majlis Dewan.

Diharap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) memberi komitmen untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 bagi mengembalikan kebebasan Parlimen dan mewujudkan satu akta baharu untuk menggantikan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.

Bagi menjayakan aspirasi tersebut, saya dengan ini ingin menyatakan sokongan dan dukungan tidak berbelah bahagi kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan sebagai usul oleh Yang Berhormat Senator Muhamad Zahid bin Md. Arip yang antaranya:

- (i) merangkumi penambahan lantikan Senator Dewan Negara yang dibuat oleh Dewan Undangan bagi setiap negeri daripada dua orang kepada empat orang;
- (ii) penetapan tempoh enam tahun secara terus bagi pelantikan seseorang Senator tanpa mengamalkan lagi konsep penggal lantikan;

- (iii) pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas bersama- *joint select committee*, dengan izin, antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara; dan
- (iv) kenaikan had peruntukan khas Ahli Dewan Negara daripada RM300 ribu kepada sekurang-kurangnya RM500 ribu setahun.

Sebagai tambahan kepada cadangan-cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Muhamad Zahid bin Md. Arip, bagi menghargai peranan golongan muda dalam pembangunan demokrasi negara, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar sebuah majlis khas Dewan Negara atau yang boleh saya panggil 'Jemaah Demokrat Muda dan Senator Malaysia dibentuk dengan penglibatan bersama anak-anak muda dari pelbagai latar belakang profesion untuk menyumbang idealisme mereka kepada pembinaan anjakan baharu dalam sistem demokrasi Dewan Negara.

Sebagai Ahli Dewan Negara yang dilantik menurut Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan, saya yakin bahawa setiap cadangan yang dikemukakan tersebut mampu meningkatkan keyakinan serta kepercayaan rakyat terhadap peranan serta fungsi Dewan Negara sebagai pentas demokrasi yang boleh menjulang suara keramat mereka.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh Usul tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

### **3.17 ptg.**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Usul ini yang saya kira cukup penting. Walaupun hari ini hari terakhir tetapi inilah saya fikir Usul yang paling ditunggu-tunggu oleh sidang Dewan yang dirahmati Allah sekalian.

Amalan sistem demokrasi di Malaysia telah pun diamalkan secara *bicameral* iaitu dua Dewan. Justeru, sistem demokrasi berparlimen secara *bicameral* ini telah pun kekal dan berfungsi selama 60 tahun.

Isu transformasi ataupun reformasi Parlimen bukanlah satu perkara yang baharu. Malah di Dewan Rakyat telah pun dilaksanakan berulang kali terutamanya di bawah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Pandikar Amin Haji Mulia dan di bawah Yang Berhormat Tan Sri Dato Mohamad Ariff.

Namun malangnya, reformasi di Dewan Negara seolah-olah seperti ketinggalan. Hari ini kita cukup bertuah kerana usul ini dibangkitkan dan memandangkan kita juga adalah sebahagian daripada institusi Parlimen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Pada 2 September 2020 semasa Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua menyampaikan ucapan selepas upacara mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Yang di-Pertua telah meletakkan asas untuk membawa agenda pembaharuan di dalam Dewan Negara berhubung dengan perkara Jawatankuasa Pilihan Khas, dan mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu reformasi Dewan Negara ini, saya ingin menegaskan beberapa perkara yang penting yang terkait dengan reformasi dan Usul ini.

Pertamanya, saya ingin petik daripada Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Reid. Izinkan saya membacanya dalam bahasa Inggeris, *“We provide that the members from each State should be elected by the Senate Legislative Assembly, but we think that it may be found at some future time that the system of indirect election is undesirable, and we therefore recommend that Parliament should have power to introduce a system of direct election by the people of each State in place of indirect election which we regard as appropriate in present circumstances.”*

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Suruhanjaya Reid sejak di peringkat awal lagi telah memperingatkan pada suatu masa hadapan akan berlaku di mana kerajaan perlu mengkaji dan mempertimbangkan untuk memperkenalkan sistem pemilihan terus oleh rakyat khususnya yang mewakili negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan. Ini diperkukuhkan lagi dengan cadangan Suruhanjaya supaya Parlimen perlu mempertimbangkan untuk mengurangkan jumlah ahli yang dilantik atau memansuhkan mereka pada suatu masa nanti.

Oleh itu Perkara 45(4), Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa Parlimen boleh menambah bilangan Ahli Dewan yang dipilih setiap negeri kepada tiga orang; boleh dipilih secara undi terus dan mengurangkan bilangan Ahli dilantik atau menghapuskannya. Walau bagaimanapun, Perkara 45(4) tidak pernah diguna pakai sejak negara Merdeka malah dipandang sepi maka usul yang dibuat oleh rakan bijaksana sebentar tadi dan sambutan 62 tahun amalan demokrasi berparlimen di Malaysia merupakan masa yang terbaik untuk kita memperbaiki institusi Dewan Negara.

Dalam masa yang sama, keahlian Dewan Negara yang dibuat mestilah dibuat secara berperlembagaan. Ini juga telah saya bahaskan dalam Titah Diraja yang lalu

berdasarkan Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan- pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara oleh Yang di-Pertuan Agong disebutkan secara terang dan jelas mestilah merujuk kepada satu standard kualiti yang signifikan dengan perkhidmatan cemerlang, profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau mewakili ras minoriti atau kebolehan mewakili Orang Asli.

Penting juga untuk saya sebut Tuan Yang di-Pertua bahawa komposisi yang disebut oleh rakan bijaksana sebentar tadi berkaitan dengan kedudukan wanita di dalam Dewan ini. Soalnya bukan wajib satu sahaja, soalnya komposisi yang adil untuk memastikan suara- satu; 'seimbang'- semak dan imbang, dua; yang ketiga memastikan bahawa agenda kesaksamaan gender ini benar-benar dihayati dan dimaknai dalam Dewan Negara ini. Sebab itu usulnya walaupun satu adalah wajib wanita tetapi kita harus pergi lebih jauh daripada itu Tuan Yang di-Pertua melihat kepada komposisi untuk memastikan suara rakyat ini betul-betul mewakili dan memaknai isu yang akan dibawa di dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya isu yang saya fikir penting juga adalah berkaitan dengan mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Laporan di dalam *Benchmarks for Democratic Legislatures Report of Malaysia Self-Assessment* yang diterbitkan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* yang diterbitkan pada April 2019 harus menjadi rujukan berdasarkan piawaian *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*.

Adakah institusi Parlimen benar-benar boleh dianggap sebagai sebuah institusi Parlimen yang demokratik. Perkara pertama dalam cadangan penambahbaikan yang dikemukakan dalam laporan ini merupakan reformasi pentadbiran dan organisasi perkhidmatan Parlimen dengan pengenalan sebuah akta perkhidmatan parlimen yang baharu.

Jadi bagi isu ini saya percaya bahawa kerajaan perlu mengadakan rundingan awam, libat urus, konsultasi *bipartisan* yang lebih menyeluruh dengan melibatkan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, pegawai-pegawai Parlimen, masyarakat sivil, pegawai-pegawai Dewan Undangan Negeri dan sebagainya.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua adalah berkaitan dengan penyelidikan Parlimen di Malaysia. Pada masa kini Parlimen Malaysia mempunyai 15 orang Pegawai Penyelidik Parlimen yang telah diwujudkan sejak tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara penting yang terkait dengan isu penyelidikan ini adalah seperti berikut. Pertama, hasil kajian berhubung dengan *reforming Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952 and relevant laws* telah merumuskan hasil dapatan antara lain keperluan Ahli Parlimen khususnya berhubung dengan penyelidikan berdasarkan hasil responden iaitu Ahli Parlimen itu sendiri yang ditemu

bual menyatakan sokongan institusi dan pelbagai sokongan lain secara amnya adalah kurang memuaskan khususnya kepada pembangkang.

Hal ini kerana apabila perkhidmatan sokongan yang diberikan kepada Ahli Parlimen tidak memuaskan maka hal ini akan menatijahkan kesan terhadap mutu perkhidmatan Ahli Parlimen tersebut di dalam Dewan kelak. Saya juga ingin mencadangkan usaha penambahan Pegawai Penyelidik Parlimen harus dibuat kepada Bahagian Penyelidikan Parlimen, Bahagian Penyelidikan Parlimen Malaysia yang seharusnya menjadi, dengan izin, *brain of legislature*, tetapi masih jauh di belakang berbanding negara-negara lain seperti Amerika Syarikat yang mempunyai 400 orang- Pegawai Penyelidik; *Australian Parliamentary Library* mempunyai 80 orang- Pegawai Penyelidik; dan begitu juga *House of Commons Parliamentary Library* yang mempunyai sekitar 80 orang Pegawai Penyelidik.

Ini antara isu-isu yang sangat penting dan signifikan saya fikir dalam usul ini dan untuk itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

### **3.26 ptg.**

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya juga bersyukur kerana dapat turut serta menyokong Usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip berkaitan dengan cadangan dan usaha untuk mentransformasikan Parlimen dan memperkasakan Majlis Parlimen.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bersyukur juga kerana telah pun bernasib baik untuk berkhidmat di dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Dewan Negara ini diwakili oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dilantik atau dipilih mewakili Dewan Undangan Negeri masing-masing dan juga yang dicadangkan oleh pemerintah atau pun Perdana Menteri dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Sudah tentulah peranan Yang Berhormat Senator ini amat penting bukan sekadar orang *dok* sebut pelengkap ataupun seperti yang disebut oleh saudara Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip Tuan Yang di-Pertua- sebagai *rubber stamp*. Akan tetapi kita juga dituntut untuk memenuhi perkhidmatan kita di sini dengan melengkapkan dengan pelbagai peranan yang penting.

Kita di sini bukanlah berada kerana hadiah untuk pencen, kita ada tugas dan tanggungjawab. Yang Berhormat Senator semua sekali kita dituntut untuk mengutarakan perbahasan yang bernas dan dalam pelbagai isu untuk pembangunan negara bangsa. Dituntut juga untuk menjalankan kajian menyeluruh ke atas setiap isu agar dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kita dikaitkan dengan orang-orang yang ada ilmu dan ada pengalaman maka kita ini Senator di sini merupakan orang-orang yang katanya bijaksana. Kita ini ada kepakaran bidang masing-masing.

Maka sudah tentulah segala perbahasan yang diutarakan di dalam Dewan ini merupakan perbahasan yang ilmiah yang boleh dipertimbangkan untuk dijadikan dasar pembangunan negara seterusnya. Hari ini Dewan Negara perlu diletakkan di tempat yang sesuai pada tempatnya. Saya hendak rakamkan penghargaan dan tahniah, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim; Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah pun membawa satu era baru di dalam Dewan Negara. Saya melihat bahawa hari ini peranan Ahli-ahli Dewan pun dihormati dan mendapat penghormatan di kalangan Ahli-ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Cuma kita minta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari apabila Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang duduk di sebelah sana mendengar, hadir untuk mendengar perbahasan mungkin juga hadir pagi-pagi untuk menjawab soalan. Kita minta supaya mereka ini dapat datang dengan penuh minat dan dapat menjawab isu-isu yang dibangkitkan dengan tepat. Bukan hanya sekadar orang kata apa melepas batuk di tangga ataupun apabila diadakan perbahasan terutama berkaitan rang undang-undang, perbahasan berkaitan dengan bajet dan sebagainya kita tak mahu kita ini dianggap macam kononnya tidak dihargai, kita tidak dihormati dengan hanya sekadar menjawab secara ambil mudah.

Seterusnya saya minta jugalah seperti yang telah saya sebutkan dalam perbahasan Titah Diraja sebelum ini- minta pihak kerajaan melihat semula peruntukan yang diberikan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Senator ini Dewan Negara ini agar bersesuaian dengan keadaan semasa kerana saya kira peruntukan RM100 ribu yang diberikan setahun ini terlalu sedikit.

■1530

Malahan yang disebut oleh Datuk Yaakob Sapari konon katanya pihak pembangkang tidak dapat langsung. Jadi yang ini di luar pengetahuan saya, tetapi apa pun kita minta pihak kerajaan memberikan peruntukan yang bersesuaian, wajar dengan keadaan dan suasana semasa kerana peranan yang dimainkan oleh Ahli-

ahli Dewan Negara ini pun juga kita berhadapan dengan rakyat dari semasa ke semasa.

Jadi seperti mana yang diberikan peruntukan Bakul Makanan baru-baru ini, maka kita berterima kasih kepada kerajaan kerana peruntukan tersebut sebenarnya membantu kita untuk meringankan beban rakyat yang menghadapi krisis pandemik COVID-19.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong Usul yang dibawa oleh Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman Aziz.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

**15.31 ptg**

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang pada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Transformasi Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik telah ditawarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pihak Pembangkang. Secara ringkas, antara yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang dipersetujui merupakan pemerkasaan Pelan COVID-19, transformasi pentadbiran, pembaharuan Parlimen, kebebasan institusi kehakiman, Perjanjian Malaysia MA63 dan pembentukan Jawatankuasa PEMANDU.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masa untuk Dewan yang mulia ini diberikan pembaharuan, agar integriti dan tanggungjawab Parlimen dapat diperkasakan. Sebuah Parlimen yang adil dapat menjamin kesuburan demokrasi yang berfungsi dengan baik dan inklusif serta mengelakkan salah guna kuasa oleh pemerintah untuk kepentingan peribadi. Parlimen merupakan sebuah institusi yang wajar dimuliakan kerana merupakan sebuah saluran untuk kedua belah pihak melakukan perbincangan, perbahasan serta merancang perkara yang berkait rapat dengan kepentingan negara dan rakyat.

Memperkenalkan semula Undang-undang Perkhidmatan Parlimen adalah penting supaya Dewan yang mulia ini dapat dijamin kebebasan perkhidmatannya

dan mempunyai fungsi yang jelas dalam menentukan aspek kewangan dan pentadbiran.

Selain itu Undang-undang Perkhidmatan Parlimen harus memberi tumpuan kepada penubuhan jabatan di Parlimen serta peranannya dan juga peranan Pentadbir Parlimen yang dijelaskan dalam akta tersebut. Kerja-kerja berkaitan institusi Parlimen sepatutnya dikendalikan oleh Parlimen itu sendiri, bukan intervensi daripada eksekutif. Konsep pengasingan kuasa antara Parlimen, eksekutif dan kehakiman harus diperkasakan supaya tiga- badan kuasa ini mempunyai fungsi yang jelas dan bebas antara satu sama lain.

Namun itu, ini juga bermaksud fungsi semak dan imbang perlu ditambah baik agar ketiga-tiga badan tersebut dapat memainkan peranan untuk memeriksa antara satu sama lain. Ini secara tidak langsung dapat menghakiskan persepsi buruk yang sekian lama telah dimainkan peranan mengenai Parlimen dan dapat memartabatkan institusi demokrasi di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong agar Akta Majlis Parlimen, Keistimewaan dan Kuasa 1952 dapat diberikan pembaharuan, diperkemas dan diperhalusi supaya fungsi-fungsi Parlimen adalah bebas daripada dipergunakan sebagai alat untuk menghalalkan sesuatu matlamat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Saya juga ingin mencadangkan agar pembentukan Jawatankuasa Tetap Sepanjang Hayat atau tempoh Parlimen Khas untuk tujuan khas dan bersama antara Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan komposisi ahli yang adil dan bebas daripada pengaruh eksekutif. Ahli Parlimen yang memegang jawatan dalam eksekutif tidak wajar menganggotai mana-mana jawatankuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan cadangan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara untuk menubuhkan tiga Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai:

- (i) Kesejahteraan Rakyat;
- (ii) Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan; dan
- (iii) Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah.

Dalam hal ini saya bersetuju agar penglibatan Ahli Dewan Negara di dalam jawatankuasa tersebut kerana ini membolehkan pemeraksanaan peranan, penglibatan serta fungsi Ahli Senator di Parlimen.

Mengenai cadangan pindaan ke atas Perkara 45.(4)(a), dan (4)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan jumlah lantikan Senator ditambahkan daripada dua kepada empat lantikan Senator dari negeri, dan 44 kepada 60 Senator lantikan Baginda Tuanku. Saya menyambut baik cadangan ini, namun perkara ini harus diperhalusi dengan lebih terperinci.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan pelantikan Ahli Senator harus mencerminkan keterangkuman dan, dengan izin, *inclusivity* daripada pelbagai pihak. Ini termasuk wakil NGO, wakil Orang Asli, wakil daripada wanita dan belia, wakil daripada golongan akademik, menambahkan wakil OKU di Dewan Negara dan sebagainya. Dengan mempunyai wakil-wakil dari sudut pandang yang pelbagai bahagian, dan pakar di dalam bidang-bidang tertentu, perbahasan dan perbincangan di dalam Dewan yang mulia ini akan diwarnai dengan wacana yang lebih berilmiah dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga bersetuju agar tempoh perkhidmatan Senator dipanjangkan terus menjadi enam tahun atau genap 72 bulan berbanding sistem dan penggal yang diamalkan sekarang. Ini membolehkan Ahli Senator untuk memberi tumpuan dan memainkan peranan yang mencukupi di dalam Dewan yang mulia ini. Malah, pemilihan untuk pelantikan Senator juga dapat dipertingkatkan kerana enam tahun adalah satu jangka masa yang panjang dan memerlukan seseorang tokoh yang berkualiti untuk menduduki kerusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bajet untuk para Senator juga perlu dipertingkatkan kepada kadar yang munasabah untuk setahun. Ini termasuklah peruntukan untuk kawasan atau perwakilan Senator tersebut dan juga dana untuk penyelidikan.

Ini kerana dengan jumlah kementerian yang ada, Ahli Senator memerlukan masa dan tumpuan untuk memperincikan setiap perkara yang dikemukakan. Dengan adanya dana seperti ini, Ahli Senator dapat mendalami setiap perkara yang dibentangkan dengan lebih baik dan amat membantu dalam proses membuat sesuatu keputusan. Jawatankuasa Parlimen boleh memainkan peranan untuk memperincikan kadar gaji yang setimpal, jumlah penyelidik yang bersesuaian untuk setiap ahli serta peranan yang jelas untuk jawatan penyelidik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap proses transformasi Parlimen ini berjalan dengan lancar dan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin. Sudah tiba masanya kita mengetepikan perbezaan politik dan memberi sokongan rentas parti terhadap pembaharuan untuk memperkasakan institusi Dewan yang mulia ini.

Saya juga menggesa setiap parti politik dan Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengambil tanggungjawab dan komitmen terhadap merealisasikan transformasi institusi Parlimen ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1540

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Beralih kita kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

**3.40 ptg.**

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan usul transformasi Parlimen yang dibawa oleh sahabat saya Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya usul yang dibentangkan adalah tepat pada masanya memandangkan negara sekarang berada dalam fasa pemulihan di mana pelbagai insentif dan pelan sedang dirangka dan dijalankan oleh pihak kerajaan untuk menggerakkan semua pertumbuhan ekonomi negara dan perpaduan kaum demi kesejahteraan rakyat. Malah insentif dan pelan yang sedang dirangka akan dijalankan ini bernilai ratusan bilion ringgit duit pembayar cukai. Menyedari hakikat ini, maka menjadi tanggungjawab Ahli Dewan Negara meneliti, memantau dan memastikan insentif yang diperkenalkan kerajaan akan sampai ke setiap peringkat dan memberi manfaat kepada rakyat.

Selain itu, kita tidak mahu rakyat di luar sana mempunyai persepsi yang negatif terhadap Parlimen dan Dewan Negara di mana Dewan Negara kononnya dilihat, dengan izin, sebagai *rubber stamp* bagi meluluskan segala usul yang dibawa pihak kerajaan tanpa dinilai dan diteliti terlebih dahulu. Selain memperkasakan Dewan Negara melalui meminda dan memperkasakan akta sedia ada, adalah juga diharapkan lebih ramai Ahli Dewan Negara dilantik di mana tempoh Ahli Dewan Negara juga wajar terus dipanjangkan secara automatik kepada enam tahun.

Namun begitu, saya berpendapat bahawa wajar Ahli-ahli Dewan Negara baru atau tambahan ini dilantik dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Ini sekali gus akan menjadikan Dewan Negara sebagai sebuah badan yang lebih inklusif, mantap serta mempunyai ahli-ahli pemikir yang terbaik di negara ini. Penambahan Ahli-ahli Dewan Negara ini juga akan memberikan beberapa kelebihan, antaranya:

- (i) lebih banyak jawatankuasa dapat ditubuhkan dan dianggotai oleh Ahli Dewan Negara untuk menambah baik pentadbiran kerajaan;
- (ii) Ahli Dewan Negara dapat menilai prestasi kementerian dengan lebih teliti melalui terma rujukan jawatankuasa yang telah dipersetujui; dan
- (iii) kualiti perbahasan dan pertanyaan soalan dalam Dewan Negara dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan bajet para Ahli Dewan Negara. Saya berpendapat jumlah RM500 ribu setahun, yang diusulkan merupakan satu jumlah yang adil. Ini kerana Ahli Dewan Negara juga memainkan peranan sebagai wakil rakyat di mana kami sentiasa memberi pelbagai sumbangan dan bantuan.

Malah, ketika pandemik COVID-19 melanda negara bajet sedia ada yang diberikan kepada Ahli Dewan Negara tidak mencukupi untuk membantu semua pihak yang memohon bantuan.

Selain itu, memandangkan Ahli Dewan Negara juga tidak mempunyai kawasan sendiri seperti Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, skop kita adalah lebih besar dan melibatkan lebih ramai rakyat. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk bajet para Ahli Dewan Negara ditingkatkan selari dengan tugas yang dimainkan. Dengan ini, saya mohon menyokong Usul. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

### 3.44 ptg.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian... [*Membaca sepotong doa*] Sebelum saya meneruskan, izinkan saya membaca satu petikan Al-Quran yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Antaranya bermaksud, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemimpin-pemimpin di kalangan kamu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyatakan kebersamaan dengan Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya buat kali keduanya memberikan dua pantun khususnya untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri kita yang hadir pada hari ini. Pantun pertama saya.

*Senator Apandi dari Jeli;  
Di negeri Kelantan lokasinya ulu;  
Seluruh Senator ucap Happy Deepavali;  
Kepada sahabat beragama Hindu.*

Tepuklah sedikit.... [*Ketawa*] [*Tepuk*]  
Pantun kedua saya Tuan Yang di-Pertua.

*Dari Machang ke Parlimen Jeli;  
Mengail ikan di dalam kolam;  
Dewan Negara Dewan tertinggi,  
Pada zaman Tuan Yang di-Pertua diharap jadi kenyataan... [*Tepuk*]*

Bagi menyokong ucapan Usul oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip untuk memartabatkan Dewan Negara sesuai dengan nama Dewan tertinggi, saya menyokong ucapan Usul tersebut.

*Alhamdulillah* kita di dalam Dewan ini, saya rasa bangga kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah mengambil inisiatif yang gigih di mana kami Jawatankuasa Dewan telah dipanggil beberapa kali mesyuarat, tidak kurang daripada tiga kali. Kali yang terakhir menjemput Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri (Parlimen dan Undang-undang) untuk berbincang secara bersama bagaimana untuk kita meningkatkan martabat Dewan Negara sesuai dengan namanya Dewan tertinggi.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nak melihat Dewan Negara ini dengan izin di cop sebagaimana sahabat saya kata, dengan izin, *rubber stamp*. Kita mesti anjak, mesti ada anjakan paradigma di kalangan masyarakat dan komuniti luar untuk menjenamakan Dewan Negara ini sebagai belas ihsan kepada ahli-ahli politik yang sudah ke arah pencen. Pada usia-usia ke arah pencen, inilah tempat-tempat seolah-olah macam nak menghibur hati kepada ahli-ahli politik yang menuju ke era pencen. Saya sangat-sangat tidak bersetuju dengan gambaran tersebut.

Jadi, dengan usul ini *insya-Allah* dan pada zaman Tuan Yang di-Pertua ini *insya-Allah*, kita harap anjakan paradigma di luar sana berubah dan benar-benar memberi pengiktirafan kepada Dewan Negara, yang semua orang tahu Dewan Negara ini merupakan Dewan yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini realiti. Kita lihat bilamana rang undang-undang yang telah diperdebatkan, dibahaskan sebegitu lama dalam Dewan Rakyat, akhirnya ia mesti datang ke Dewan Negara, Dewan tertinggi untuk diluluskan. Kalau sekiranya Dewan Negara tidak meluluskan maka ia tidak boleh menjadi undang-undang dan pemakaiannya tidak boleh berlaku. Oleh sebab itu kita lihat dengan izin, beberapa kali Menteri-menteri yang berkenaan, bila datang- untuk membolehkan rang undang-undang daripada kementerian masing-masing diluluskan, maka kita sentiasa dibawa ke Dewan Jamuan, dan diberi sedikit *goodies*, dengan izin, untuk memastikan rang undang-undang yang dibawa oleh kementerian masing-masing yang telah melalui proses kelulusan di Dewan Rakyat itu diluluskan, merayu-rayu supaya diluluskan.

Saya fikir situasi fenomena ini tidak boleh dilanjutkan sebegitu rupa. Kita Dewan Negara mesti ada jati diri sendiri. Sekiranya kita melihat bahawa perlu dibuat penambahan dan pembaikan maka kementerian yang membawa rang undang-undang itu mesti menerima realiti ini kerana kita tidak mahu Dewan Negara yang kita iktiraf sebagai Dewan tertinggi ini berbeza dengan negara-negara lain.

Umpamanya di Amerika Syarikat, Dewan Perwakilannya tiga tahun. Dewan Senatnya walaupun 100 orang ahli, Dewan Perwakilan 400 lebih orang ahli, Dewan Negara 100 orang Ahli tetapi akhirnya mesti Dewan Senat yang berjumlah 100 orang menentukan segala-galanya.

Akhir-akhir ini, Presiden Joe Biden bernasib baik kerana dalam Dewan Senat Amerika sekarang ini ada 50 dan 25-25. Iaitu 25 yang daripada Republikan dan pro Republikan. *Astagfirullah, sorry*. Seramai 50 daripada Republikan dan pro Republikan, manakala 50 lagi daripada Demokrat dan pro Demokrat, yang akan memberi kuasa penentunya berada pada Naib Presiden Kamala Harris sekarang ini.

Jadi undang-undang di Amerika Syarikat itu akan melalui proses sepatutnya Dewan Perwakilan lulus maka Dewan Senat pun kemungkinan dari parti yang sama mungkin lulus. Akan tetapi banyak kali Dewan Senat menolak keputusan yang dibuat oleh Dewan Perwakilan.

#### ■1550

Oleh sebab itu, kita politik Malaysia mesti menghadapi, belajar menghadapi suasana sebegitu rupa. Kalau tidak, maka Dewan Negara ini benar-benar diiktiraf sebagai *rubber stamp* tetapi kita tidak mahu kerana dalam Dewan Negara ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukan calang-calang orang. Saya akan sebutkan setakat mana saya boleh sebut, yang lain kalau tidak sebut minta maaf sahabat-sahabat Senator sekalian.

Umpamanya, kami daripada PAS, saya Juruukur Tanah berlesen- sudah buka perniagaan semenjak tahun 1984. Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang, mantan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, doktor perubatan, aktif NGO di seluruh dunia. Yang Berhormat Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin, bekas Eksekutif PETRONAS. Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid, Ketua Pengarah JAKOA. Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin, Ketua Pengarah JAKOA. Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari, mantan Exco Negeri Selangor dan Tuan Yang di-Pertua, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, bekas Menteri beberapa kementerian termasuk Menteri Luar.

Jadi, saya hendak cerita bahawa bukan calang-calang- dan Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz, mantan Timbalan Menteri Kewangan. Jadi, kita hendak menceritakan kepada rakyat di luar sana dan juga kepada kerajaan bahawa bukan calang-calang orang yang ada dalam Dewan yang mulia ini. Memang orang yang layak... [*Tepuk*]

Oleh sebab itulah, kalau hendak ditambah kepada enam tahun, memang... [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua memang semangatnya tinggi kerana telah mencadangkan tiga buah Jawatankuasa baharu yakni Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya Komunikasi dan Pendidikan- ini, dengan izin, *favourite topic* Tuan Yang di-Pertua; dan ketiga, Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus Integriti dan Antirasuah.

Akan tetapi, yang paling saya tertarik sekali bila mana Tuan Yang di-Pertua mencadangkan supaya kita, Dewan Negara ini ada Jawatankuasa Terpilih tersendiri dan kita mempunyai kuasa untuk memanggil Menteri-menteri itu secara langsung-bukan hanya pada Dewan Rakyat tetapi Dewan Negara juga mempunyai kuasa tersebut. Kalau ini berlaku, *insya-Allah* maka kita akan melihat martabat Dewan tertinggi, Dewan Negara ini akan dihormati oleh masyarakat luar. *Insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, satu minit 44 saat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat-sangat mengharapkanlah supaya kerajaan menimbangkan seperti mana kata sahabat saya Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari tadi kita memang tidak ada kawasan spesifik yang khusus. Kalaulah Dewan Undangan Negeri Kelantan, seorang ADUN, katakanlah DUN saya 10 ribu orang, mendapat peruntukan tahunan sebanyak RM750 ribu- ini Kelantan. Selangor hampir RM1 juta untuk seorang ADUN. Parlimen sebanyak RM3.8 juta setahun, satu Ahli Parlimen, kawasan dia mungkin 100 ribu orang pengundi.

Akan tetapi, Dewan Negara ini dia punya kuasa seluruh Malaysia dan seramai 32 juta orang rakyat yang boleh mendapat manfaat daripada peruntukan kepada Dewan Negara. Sedangkan Ahli Dewan Rakyat yang mendapat peruntukan sebanyak RM3.8 juta hanya sekitar kawasan Parlimen yang mereka wakili sahaja. Kita ini lagi besar Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau setakat minta RM500 ribu setahun itu, sangat-sangat patut dan tidak ada lagi jawapan lain yang hendak berikan selain daripada sangat-sangat patut... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya tengok, kalau Tuan Yang di-Pertua perhatikanlah, dalam kebanyakan jawapan YB Menteri-menteri- terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique. Dia, *alhamdulillah...* *[Tepuk]* Dia dapat *special feeling* dengan kita semua, Tuan Yang di-Pertua. Dia selalu ada, setakat sekarang dia seorang yang ada ini... *[Tepuk]* Dia seorang yang ada dalam Dewan Negara ini.

Akan tetapi, kalau Tuan Yang di-Pertua tengok, ada beberapa orang Menteri kita tidak pernah nampak muka dia, tidak pernah kenal pun dia, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua mesti beri amaran kepada Menteri-menteri, antaranya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Saya tidak pernah tengok. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tolonglah kita hendak minta janganlah pandang kami sebegitu rupa...

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun tidak ada.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun tidak ada.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua, melalui sokongan padu 100 peratus dalam Dewan yang mulia ini supaya Menteri-menteri yang tidak pernah kami nampak

mukanya di Dewan yang mulia ini supaya lain kali datang, hadir sendiri jangan biarkan hanya Timbalan Menteri...

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Gugurkan dia daripada Kabinet. Gugurkan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Saya rasa- masa sudah banyak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Harapan menjadi pada waktu Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Rasa geram Yang Berhormat terhadap si anu-si anu *insya-Allah* kita buat justifikasinya.

Sekarang sampai masa kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**3.55 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sedikit untuk sama-sama menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip tentang memperkasakan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya *alhamdulillah* sudah masuk penggal yang kedua dan sebenarnya perkara yang diusulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip telah dibincangkan banyak kali tetapi tidak menjadi Usul; menjadi perbualan, cadangan dalam perbahasan tetapi akhirnya menjadi kenangan. *Alhamdulillah*, pada hari ini ia menjadi satu Usul, dan saya yakin dan percaya kita berharap supaya Usul ini akan diterjemahkan dan dilaksanakan, *insya-Allah*.

Cuma, di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa kepada ayahanda, bonda bekas Senator. Kalau boleh dimasukkan ke dalam Usul ini sekali. *Alhamdulillah* mereka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Saya ingin menyentuh perbualan mereka kerana kita ada Majlis Senator. Majlis Senator ini dianggotai oleh bekas-bekas Senator dan memperjuangkan hak-hak mereka, dan saya sebahagian daripada mereka.

Mereka menyuruh, meminta saya menyentuh tentang pencen Ahli Dewan Negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan tahun 2015, seksyen 8 dan perenggan 2, dan 20, Jadual Pertama, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*] telah dengan jelas peruntukan hak ke atas bekas Ahli-ahli Senat atau Parlimen untuk pencen dikira dan disemak semula.

Jadi, pada 1 Januari 2015, melalui Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2015 [Akta A4191] telah terdapat kenaikan secara substantif ke atas pendapatan Ahli-ahli Senat daripada RM4,112.79 kepada RM11,000 sebulan. Maka kenaikan sebanyak dua peratus setiap tahun juga dibenarkan dalam hal pencen. Soalnya, setakat mana Ahli-ahli Senat punya pencen sebelum 1 Januari 2015? Ini mereka minta Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Negara yang sedia ada semak semula.

Dalam hal ini, ramai Ahli Senat dilihat mempunyai hak untuk pencen mereka dikira kerana terdapat kenaikan imbuhan pendapatan berkenaan. Ini tertakluk di bawah Artikel 132, Artikel 147, dan Artikel 160(2), Perlembagaan Persekutuan, yang mana Ahli Dewan Negara yang terdahulu diberikan perlindungan ke atas hak pencen bersara.

Justeru, pohon kita masukkan sekali, kita minta kerajaan melihat dan meneliti secara rapi dalam hal ini seperti mana hak pencen merangkumi hak persaraan dan hak kumpulan simpanan. Ada, Tuan Yang di-Pertua, di antara pesara-pesara senator menjadi *driver* teksi, pencen bawah daripada B40. Jadi, saya amat terkesan dan mereka berbincang dengan kita dan meminta kita masukkan dalam Usul pada hari ini. Mereka sangat gembira dan mereka bertanyakan kepada kita usul apa yang hendak dicadangkan, saya cakap usul memperkasakan Dewan Negara. Mereka tepuk lebih besar daripada kita.

Jadi, *alhamdulillah* saya minta semua kita bersama-sama menjaga kepentingan kita dan juga bekas-bekas Ahli Dewan Negara.

#### ■1600

Berkenaan dengan bajet, saya sangat setuju. Tidak perlu saya hendak sebut di sini. Kita mencadangkan sudah tiga tahun sudah, Tuan Yang di-Pertua. Tiga tahun yang lalu, boleh dikatakan setiap tahun kita berbahas titah Yang di-Pertuan Agong, kita bercadang. Kita bercadang daripada besar sehingga kecil dan hari ini saya rasa sangat berpatutan RM500 ribu setahun. Kalau sepenggal yang kita kira pada hari ini, RM1.5 juta. Saya rasa itu tidak menjadi satu bebanan kepada pihak kerajaan.

Satu lagi, ini daripada rakan-rakan, Tuan Yang di-Pertua, tentang persidangan mesyuarat kita yang kita lalui sekarang. Saya secara peribadi dan secara berkumpulan juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dapat usahakan soalan lisan sehingga 15 soalan kepada 18 soalan. Tiga tahun yang lalu saya berada di Dewan Negara, tidak lebih daripada 10 soalan, walaupun di peringkat awal kita berbincang. Hari ini, *alhamdulillah*, kita sudah ditambah dengan beberapa soalan tambahan.

Walau bagaimanapun, saya juga hendak mengesyorkan supaya masa perbahasan- masa perbahasan ini ada rungutan, Tuan Yang di-Pertua, oleh pihak-pihak Ahli Dewan Negara. Perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong, sebagai



contoh, perbahasan RMKe-12, kita hendak minta Tuan Yang di-Pertua mengehadikan selama 30 minit. Jangan ada 12 minit, kita hendak bahas bajet 15 minit. Rasa macam tidak sesuai.

Sebab, untuk pengetahuan Ahli Dewan, sebelum pada ini, kita pernah habiskan Dewan sehingga pukul 10 malam. Kita tidak mempunyai masalah, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, kepuasan kepada Ahli Dewan Negara untuk berbahas dalam Titah Yang di-Pertuan Agong ataupun bajet dan rancangan Malaysia yang lima tahun, kalau 30 minit sudah cukup dan sudah memadai. Jadi, kita hendak hadkan. Dan juga perbahasan dalam rang undang-undang diberi peluang sehingga 10 minit. Ini permintaan daripada Ahli-ahli Senator semasa yang berada bersama dengan kita.

Saya rasa itulah sahaja pandangan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada usul Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tahniah, syabas saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana boleh membawa rungutan daripada Ahli Dewan Negara kepada satu usul yang mantap dan, *insya-Allah*, kita akan terjemahkan semasa era Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong seratus peratus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Kita merakamkan terima kasih jua khasnya kepada Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip yang mungkin diberi peluang sebentar lagi untuk menyampaikan apa-apa yang tertinggal dari saki baki hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya jemput Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid.

#### **4.04 ptg.**

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang perbahasan di hujung masa ini. Saya ingin menambah perkara-perkara yang perlu dan belum dibahaskan.

Saya amat menyokong cadangan Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid ini. Antara yang perlu diberi perhatian iaitu Dewan ini mestilah ataupun dibenarkan membuat rang undang-undang atau usul atau pindaan undang-undang bagi apa-apa akta yang berkenaan kepentingan rakyat.

Saya melihat isu-isu rang undang-undang ataupun pindaan akta yang dibawa oleh Dewan Rakyat hanya lebih tertumpu pada kepentingan parti dan kaum ataupun agama sesuatu keadaan. Namun, saya melihat sebagai komuniti Orang Asli, Akta

134 sejak tahun 1954 tidak mampu dibawa di Dewan Rakyat. Maka itu, sekiranya pindaan ini dibuat, maka saya mencadangkan suatu usul termasuklah pindaan Akta 134 diusulkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebutkan tajuk Akta 134.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Saya mencadangkan supaya pindaan Akta 134, Akta Orang Asli dapat diusul dan dipinda daripada Dewan ini. Maka dengan ini, kepentingan masyarakat kaum-kaum yang terpinggir, tercacir ataupun minoriti seperti kaum Siam ataupun kelompok OKU dapat diusul di Dewan ini atas kepentingan bagi semua masyarakat.

Saya juga ingin menambah tentang bajet. Saya setuju supaya bajet RM500 ribu setidak-tidaknya setahun. Maka yang ini kalau saya berkongsi pengalaman hampir enam tahun menjadi Senator, sangat tidak mencukupi. Sebab, kawasan liputan saya dari utara sampai selatan.

Kalau saya katakan tentang sekolah Orang Asli pun ada 94. Kalau diberi RM3,000 pun sudah RM100 ribu lebih.

JKK ada 274. Kalau diberi RM3,000 pun sudah beratus ribu.

Kalau tengok NGO, ada 40. Beri RM10 ribu, sudah RM400 ribu totalnya.

Maka, dengan RM100 ribu ini, bak kata orang, celah gigi. Maka, itulah saya berharap supaya perkara ini dapat dipandang.

Saya juga menyokong pandangan dan usul Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong supaya wakil komuniti Orang Asli ditambah. Begitu juga dengan wakil OKU. Sebab macam saya, menjaga seluruh rantau Orang Asli dari timur dan barat dan utara. Sedangkan saya duduk di selatan. Kalaulah dapat beberapa Senator tambahan daripada minoriti dan kaum-kaum yang terpencil ini, maka mudahlah sedikit liputan tumpuan dan gerak kerja dapat dilaksanakan.

Seperkara yang saya ingin tambah- mungkin belum dibahaskan tadi- supaya anugerah Senator ini ataupun *title* ataupun gelaran Senator ini dapat dianugerahi, dipegang, dipinjam bagi Yang Berhormat Senator ini sehingga akhir hayat. Umpamanya "guru". Dipanggil "cikgu" itu daripada dia mula mengajar sampailah mati. Maka kalaulah Senator ini, walaupun dia pencen, dipanggil Senator. Seperti di Amerika, di Britain dan sebagainya. Kalaulah *title* ini hendak diwujudkan- macam kalau lihat Yang Berhormat Sr. Haji Mohamad Apandi, maka *title* itu digunakan dalam nama dan panggilan itu berkekalan. Itu saya harap supaya gelaran Senator ini juga dapat diberi dengan prinsip yang sama.

Akhir sekali, itu sahaja yang dapat saya berikan di hujung masa ini. Saya menyokong usul pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

#### **4.08 ptg.**

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menjadi salah seorang yang menyokong Usul ini kerana saya melihat langkah ini merupakan langkah baik untuk kita menjadi pemula kepada pembaharuan-pembaharuan di masa akan datang.

Ini kerana selama ini, apa yang berlaku ialah isu reformasi Parlimen ini atau pun Dewan Negara ini jadi satu- benda yang pantang. Tiada berani orang hendak sentuh, hendak bawa menjadi usul ataupun hendak dilaksanakan. Jadi, saya harap ini boleh jadi pemula yang baik.

Kedua, kita bercakap tentang semak imbang. Semak dan imbang ini perkataannya cantik tetapi ibarat durian, kalau setakat tercium, tertengok itu, tiada nikmatnya. Sepatutnya semak dan imbang ini diterjemahkan pada pelaksanaan yang lebih sempurna. Jadi, buatlah sesuatu supaya fungsi Dewan Negara ini sebagai semak dan imbang ini betul-betul semak dan imbang. Kita biarlah dapat durian ini kita dapat makan, menikmati sebenarnya apa yang dipanggil semak dan imbang itu.

Ketiga daripada segi kebebasan daripada segi kewangan dan juga perjawatan. Ini sangat penting. Kerana tanpa itu, kita bagaikan kanak-kanak yang bergantung hidup dengan ibu bapa. Hendak bersuara lebih pun tidak boleh sebab duit tidak ada. Hendak buat lebih pun tidak boleh, tenaga tidak ada. Jadi dengan kebebasan tersebut, ia akan membolehkan kita berfungsi sebagaimana yang patut kita berfungsi.

Keempatnya, saya yakin semua rakan Senator di sini akan bersetuju dengan Usul ini. Inilah satu cara untuk kita memartabatkan sebagaimana yang rakan-rakan sebut tadi.

#### **■1610**

Tanpa ini kita akan duduk di tempat yang sama, di takuk yang lama dan kita tidak pasti bila pula kita akan ada peluang untuk melakukan pembaharuan ini. Seterusnya, saya juga gembira melihat inisiatif Tuan Yang di-Pertua untuk menubuhkan tiga buah Jawatankuasa ini. Jadi sama ada Jawatankuasa ini berfungsi atau tidak, dapat menjalankan tugas atau tidak bergantung kepada kita, bergantung kepada keahliannya.

Kuasa boleh diberi tetapi setakat mana kita gunakan kuasa itu satu perkara yang perlu kita teliti. Cuma saya hendak cadangkan sedikit sekiranya ada ruang, keahlian kepada jawatankuasa ini kita ada sekarang dalam lima orang. Mungkin sekiranya ada ruang, ada ahli-ahli lain yang berminat mungkin kita boleh tambah kepada tujuh, lapan orang supaya lebih ramai itu mungkin lebih banyak idea yang

boleh dicurahkan, lebih banyak tenaga yang boleh diagihkan-agihkan kerjanya. Akan memudahkan jawatankuasa ini untuk bertindak.

Menyentuh tentang kehadiran Menteri tadi, saya pun tidak hendaklah menambah garam pada luka yang ada. Akan tetapi hendak tegur juga tentang jawapan-jawapan yang disediakan oleh kementerian. Seharusnya hari ini hari terakhir kita untuk sesi ini tetapi jawapan bertulis kita belum dapat lagi.

Saya tidak pasti bila kita akan dapat, seharusnya pada logik saya ialah soalan kita sediakan jauh lebih awal sepatut jawapannya apabila mulanya bersidang jawapan bertulis sepatutnya sudah *ready*, sudah sedia dan boleh diagihkan kepada kita. Hal ini kerana kita perlukan maklumat-maklumat yang kita tanya. Apakah guna kita tanya kalau kita tidak boleh gunakan maklumat tersebut?

Jadi saya harap dalam kita merangka pembaharuan ini, benda-benda kecil begini walaupun nampak kecil tetapi sangat penting untuk kita. Satu perkara lagi ialah tentang keahlian Dewan Negara ini saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi. Kita perlu tambah bilangannya dan juga komposisinya daripada pelbagai lapisan contohnya, kaum minoriti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Isa tadi, wanita dan juga golongan muda yang telah disebutkan juga, dan juga dari Sabah dan Sarawak kerana dengan adanya MA63 ini status Sabah dan Sarawak sudah berbeza dengan daripada yang asalnya.

Mungkin anggotanya perlu dilihat semula supaya ia setaraf dengan taraf yang diberikan. Seperkara lagi di kalangan ahli kita juga apabila dilantik, apabila dicadangkan oleh mana-mana pihak harap kita boleh buang stigma yang diberikan pada orang ramai terhadap Ahli Dewan Negara sebagai tempat *soft landing* untuk ahli-ahli politik yang ingin berpencen. Itu stigma yang perlu kita buang. Kita tidak boleh hendak menyalahkan orang luar apabila mereka menggelar kita macam itu tetapi kita perlu lihat pada diri kita. Adakah keahlian kita bertentang dengan apa yang mereka bagi stigma tersebut. Kita harus melakukan sesuatu.

Saya yakin kita percaya bahawa semua yang diusulkan ini, semua orang yang membahaskan ini bukannya minta yang bukan-bukan. Semuanya demi kemajuan negara dan juga masa depan Dewan Negara. Jadi saya belum dapat lihat mengapa, saya rasa tidak ada sebab mengapa kerajaan harus menolak semua apa yang diusulkan ini dan juga cadangan-cadangan tambahan yang diberikan oleh rakan-rakan Senator sekalian. Saya dengan ini menyokong usul ini. Terima kasih...  
[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.  
Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**4.14 ptg.**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk membahaskan Usul Transformasi Parlimen yang dibawa oleh kakanda saya Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, dan Usul ini penting cuma kita sedih. Dalam kita membicarakan satu Usul yang bersifat *unprecedented* ini satu perkara yang baharu namun hanya seorang sahaja wakil eksekutif yang hadir pada hari ini.

Jadi kita harapkan agar segala hujahan yang bernas yang dibawa oleh Ahli *Senate* dapat disampaikan kepada para Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua. Berdua.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Ada dua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang Menteri ada, dan Timbalan Menteri di JPM ada.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Barangkali telah tiba masa...

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Dua-dua wanita.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** ...Barangkali telah tiba masanya untuk kerajaan mencadangkan supaya diwujudkan kembali jawatan Timbalan Perdana Menteri supaya boleh diberikan fokus Timbalan Menteri Perdana Menteri untuk melihat perkembangan perbahasan Ahli-ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Saya ingin mulakan ucapan saya dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, *"Kaum Bani Israel pada zaman dahulu mereka dipimpin dan ditadbir oleh para anbiya. Apabila setiap orang Nabi diwafatkan maka akan digantikan oleh Nabi yang sesudahnya. Dan bahawasanya tidak ada lagi Nabi selepas ku yakni Nabi Muhammad SAW tetapi akan ada pada khalifah pemimpin yang memerintah selepas ku dan jumlah mereka itu ramai"*

Hadis ini membicarakan kepada kita bahawasanya ini ialah konsep *separation of powers* yang di mana para Nabi dan juga para anbiya ini dihantar bukan sekadar untuk mengajak manusia kepada Allah tetapi menguruskan politik yang berlaku pada kalangan manusia dan ia juga disokong oleh penulisan-penulisan seperti Aristotle, James Harrington dan sebagai yang menceritakan kepada kita kepentingan untuk *separation of powers*. Hal kerana itulah ditubuhkan Dewan yang mulia ini untuk menjadi agen semak dan imbang kepada apa yang dilakukan oleh pihak eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai di antara Ahli Dewan Negara yang baharu dan muda di dalam Dewan Negara ini, saya berharap agar Dewan Negara ini betul-betul dijadikan dengan semangatnya sebagai sebuah badan legislatif tertinggi dan

diberikan beberapa kuasa autonomi. Satu Jawatankuasa Khas mesti ditubuhkan bagi menilai indeks pelaksanaan doktrin pengasingan kuasa. Agar ia dapat diperkasakan dari semasa ke semasa agar Institusi Parlimen di dalam negara kita terus dipercayai oleh rakyat keseluruhannya.

Kita tidak mahu Institusi Parlimen ini terjerat dengan *politicking* yang melampau sehingga menyebabkan perkara-perkara yang perlu dibahaskan untuk kepentingan rakyat tidak tercapai matlamatnya. Kita berjuang kerana kita duduk dalam parti-parti politik tertentu.

Sedang di sana kita diberikan peruntukan, kita diberikan gaji, kita diberikan pencen semata-mata untuk memperjuangkan kemaslahatan rakyat yang terbanyak. Rakyat sebenarnya merupakan raja kepada Ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Mereka yang seharusnya kita perjuangkan, kita bawa suara mereka supaya segala keharmonian, kekayaan dalam negara ini dapat dikongsi bersama dan berteraskan keadilan yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa penambahbaikan yang ingin saya tambah daripada tambahan yang telah disebut oleh kakanda dan juga adinda yang berkait tentang penambahbaikan Parlimen.

Pertamanya ialah ya kita berbicara untuk menambahkan peruntukan, kita berbicara tentang untuk memberikan kuasa yang lebih kepada Dewan Negara. Persoalannya, kenapa tidak kita wujudkan Ahli Dewan Negara yang berdasarkan kepada prestasi, dengan izin, *performance based Senate Member?*

Maknanya, setiap daripada kita akan diberikan *Key Performance Indicator* (KPI) ataupun Tuan Yang di-Pertua boleh bantu saya dalam bahasa Melayunya. Standard kecapaian yang seharusnya ada kepada semua Ahli Dewan Negara dan kita ada proses untuk melihat pencapaian tersebut ataupun dalam bahasa lainnya *appraisal* supaya berlakunya penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap kualiti Ahli Dewan Negara. Ini pertama dan saya rasa kalau perkara ini dapat dilaksanakan, *insya-Allah* rakyat akan melihat Dewan Negara ini sebagai tempat untuk mereka memberikan harapan agar suara mereka didengari.

Kedua, Ahli Dewan Negara juga perlu diberikan tugas tetap untuk menyelesaikan masalah semasa negara, menjaga dan membangunkan golongan sasar tertentu sebagai salah satu daripada tanggungjawab mereka. Saya amat tertarik dengan perbahasan-perbahasan daripada rakan-rakan yang menjaga segmen OKU, segmen Orang Asal ataupun Orang Asli, segmen Sabah dan Sarawak.

#### ■1620

Mereka membawa suara-suara tersebut. Jadi, seharusnya kita yang dilantik dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diberikan juga segmen yang sama,

barangkali saya segmen orang muda ,untuk kita pastikan agar segala kesusahan mereka dapat diangkat dan diselesaikan di peringkat kita dengan kerjasama daripada pihak eksekutif.

Yang terakhir, ini penting. Dalam suasana sosial media yang besar ini saya minta dan merayu kepada Tuan Yang di-Pertua untuk kita wujudkan satu *team* di bawah Parlimen yang menjaga kumpulan media sosial baru kepada semua perbahasan yang ada pada hari ini. Barangkali *team* ini yang akan *convert*-kan segala perbahasan kita pada hari ini dengan tik tok sebab kita tahu tik tok antara media sosial yang terbaharu.

Bagaimanakah pula dengan *instagram*? Benar ada di kalangan ahli Dewan Negara kita yang mempunyai *team* media sendiri, tetapi inilah masa nya kalau kita mengatakan kita satu- keluarga besar yang rentas politik, kita kena ada satu *team* media yang besar yang boleh memainkan peranan untuk membawa dan memasarkan idea-idea yang dibawa oleh Dewan Negara supaya rakyat boleh melihat pencapaian dan *performance* kita di dalam Dewan Negara ini.

Mudah-mudahan apa yang kita bawa ini akan sampai kepada pihak tertinggi dan kita harapkan agar reformasi ini berjaya dan saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Burung helang terbangnya tinggi;  
Hinggap sebentar dipohon jati;  
Terima kasih Ahli Dewan Negara yang dikasihi;  
Memberi tumpuan sepenuh hati... [Tepuk]*

Maka dengan ini saya mohon menyokong Usul ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, mungkin saya beri peluang kepada pembawa Usul jika ada apa-apa yang hendak ditambah ataupun diungkapkan berkaitan dengan hujah-hujah yang telah pun disebut.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata lagi sebelum penggulungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua saya berasa amat terharu pada petang yang berbahagia ini, tidak pernah saya sangka bahawa usul ini hampir pasti mendapat dukungan sebulat suara daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya kira ini satu sejarah, Usul yang dikemukakan dan akan dipanjangkan kepada kerajaan.

Kita hari ini sesungguhnya telah menggunakan hak kita sebagai Ahli Parlimen, sebagai Ahli Dewan Negara dengan penuh adab dan teratur, maka dengan itu tiada sebab bagi kerajaan untuk menangguhkan, melengah, apatah lagi menolak Usul kita ini. Kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk berhubung dengan pejabat Peguam Negara bagi merangka satu pindaan Perlembagaan untuk dibawa ke Parlimen kalau boleh dalam sesi yang sedang bersidang sekarang... [Tepuk]

Ini kerana saya cukup serasi dengan rakan-rakan yang saya kira yang bakal tiga tahun hendak kena berundur, seperti Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, beliau ada sehingga bulan 10 ini. Akan tetapi kalau sesi Parlimen ini dapat menggubal undang-undang ini, ini *simple* sahaja bukan berat sangat pun. Kalau pejabat Peguam Negara perlukan khidmat kita, semua, saya rasa dua atau tiga orang kita boleh tolong.

Oleh sebab itu saya tertarik kita telah melampaui fahaman politik, agama dan bangsa. Kita boleh bersatu padu menyokong usul ini. Saya amat terharu inilah dikatakan oleh orang tua-tua kita, "Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat".

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakan-rakan sekali lagi menyampaikan rasa penghargaan yang tinggi kepada Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi pencetus dan pemangkin pemberi idea kepada Usul ini untuk dikemukakan. Rakan-rakan sekalian sekali lagi kita berikan tepukan meja paling gemuruh kepada Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Sekian. *Wabilahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah,* ungkapan pun sudah disampaikan.

*Walaupun tepuk berisi padi;  
Belum tentu ada balasnya;  
Walaupun tepuk sudah berbunyi;  
Belum tentu hasil yang hendak ditempuhnya... [Ketawa]*

Jadi ucapan saya ialah, terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, khusus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip yang membawakan Usul tersebut, dan sekarang sampai masa kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sekiranya perbahasan ini telah pun sampai ke tahap yang perlu kita gulung. Dipersilakan... [Tepuk]



**4.25ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan juga terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahaskan Usul Persendirian yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip iaitu langkah transformasi Parlimen sebentar tadi.

Terima kasih juga kepada 12 Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan isu yang berkaitan dengan usul yang dibawa. Mohon izin untuk saya sampaikan pantun sebab ada tiga empat orang Yang Berhormat Senator berpantun.

*Pencak silat harus dipertahankan,  
Agar dapat diwarisi anak muda,  
Transformasi Parlimen amat diperlukan,  
Sokongan semua tanda jadinya... [Tepuk]*

*Hulu balang Zahid diberi nama,  
Usulkan berkenaan transformasi Parlimen,  
Terima kasih atas perbahasan Yang Berhormat semua,  
Untuk itu perlukan 100 peratus komitmen.*

Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas semua Yang Berhormat yang telah pun membahaskan sebentar tadi, begitu juga pencadang dan juga penyokong dan isu-isu yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang langkah transformasi Parlimen, saya akan jawab secara bersekali.

Tuan Yang di-Pertua, telah pun kita lihat bahawa untuk meminda dan juga kita sama-sama memperkasakan atas Majlis Parlimen Keistimewaan dan juga Kuasa 1952 iaitu kajian bagi memperkasakan Akta Majlis Parlimen Keistimewaan dan juga Kuasa 1952 telah pun dimulakan dan ia nya telah pun dipinda pada tahun 1988.

Walau bagaimanapun, bagi memenuhi kehendak semasa dan memastikan Parlimen ini dapat berdiri dengan sepenuhnya, dengan sendirinya dan juga mempunyai dan juga menjalankan kuasanya dengan sendiri, serta mengawal selia kewangan nya dapat dilaksanakan. Akta ini juga turut ditambah baik dengan memasukkan klausanya ke dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat sedia ada.

Keduanya, mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992. Kerajaan sedang dalam kajian bagi draf undang-undang yang baru bagi mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen. Pasti nya akta

yang baharu ini mengambil kira banyak faktor yang pastinya memberikan manfaat secara menyeluruh kepada pegawai perkhidmatan Parlimen serta pegawai-pegawai guna sama yang ada pada masa ini masih lagi dalam peringkat perbincangan. Begitu juga dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua.

Antara cadangan penambahbaikan khusus menyentuh antaranya tangga gaji, potensi, kemajuan kerjaya serta kemudahan-kemudahan lain serta saraan pegawai Parlimen dan pemeraksanaan jawatan Penasihat yang berperanan mengawal selia pengurusan dan pentadbiran Parlimen akan dikaji dengan teliti, agar mereka mendapat faedah tidak kurang baiknya daripada apa yang sedang diterima oleh mereka sekarang.

Pelaksanaan atau garis semasa rang undang-undang ini dijangka memakan lebih masa kerana ia nya turut melibatkan beberapa pindaan lain terhadap undang-undang sedia ada, termasuklah pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Merujuk kepada MoU yang telah pun di tandatangani, kerajaan berhasrat untuk kita sama-sama merealisasikan perkara ini tidak lewat dari Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas.

Ketiganya, berkenaan dengan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa pemilihan khas yang mana Majlis Dewan Negara telah pun meluluskan penyata jawatankuasa Dewan Negara pada 25 Oktober iaitu semalam bagi membentuk tiga Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan juga Pendidikan serta Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Anti Rasuah.

Sebab itu cadangan sebagaimana cadangan daripada Yang Berhormat yang terakhir Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin untuk menambah lagi satu cadangan untuk diadakan cadangan untuk...

#### ■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh cari?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Ha, sudah hilang saya punya ini, kejam, sebentar Yang Berhormat.

Untuk Jawatankuasa Cadang Doktrin Pengasingan Kuasa saya rasa tidak diperlukan buat masa ini. Kita manfaatkan dahulu jawatankuasa sedia ada supaya kita tengok bagaimana keberhasilannya kemudian dan sekiranya diperlukan pada masa yang akan datang bolehlah diusulkan pada Dewan nanti.

Seterusnya Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini berkuasa untuk memanggil orang di hadapannya seperti mana yang telah pun termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat 74, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Maka, dengan wujudnya Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini akan menjadi titik tolak kepada pemerkasaan sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Negara.

Kerajaan juga mengalu-alukan kerjasama erat daripada Jawatankuasa Pilihan Khas yang dibentuk agar proses legislatif negara ini dapat direalisasikan dengan mendasari prinsip pengasingan kuasa ke arah menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf dunia dan seterusnya membuat pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan Perkara 45, Subseksyen 4(a) dan juga (b).

Perkara ini dalam timbangan dan juga kajian kerajaan khususnya dalam usaha untuk memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 dalam kita mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu yang akan melibatkan klausa ini dalam pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan ambil maklum dan juga sedar tentang peruntukan ini.

Begitu juga inisiatif untuk meningkatkan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip sebentar tadi iaitu mencadangkan daripada dua kepada empat, daripada empat itu seorang wanita. Saya kira Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip ini pencinta wanita tetapi kenapa dicadangkan hanya satu sahaja wanita? Ini tidak patut... [*Tepuk*] Sepatutnya haruslah disama adikan dua dan dua, begitulah rentak yang patut dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 14.8 peratus keanggotaan Dewan ini yang terdiri daripada kalangan wanita iaitu di Dewan Rakyat. Kerajaan mengambil maklum tentang cadangan ini dan akan memastikan pemilihan Dewan Negara ini dapat dibuat penelitian sewajarnya.

Begitu juga sebagaimana cadangan-cadangan Yang Berhormat ini untuk supaya orang memandang tinggi, supaya Dewan Negara ini dipandang tinggi dengan kualiti perbahasan, dengan kualiti persembahan dan juga kualiti perkhidmatan Yang Berhormat Senator ini haruslah selaras dengan Yang Berhormat Senator yang dilantik. Oleh sebab itulah bukan hanya daripada segi tangkap muat sahaja, saya kira ia nya tugas daripada semua pihak supaya untuk pemilihan Yang Berhormat Senator ini dapatlah melalui penelitian yang sewajarnya.

Seterusnya, pelantikan Ahli Dewan Negara melalui pilihan raya. Mengenai cadangan tersebut kerajaan berpuas hati dengan Peruntukan 45, Subseksyen (2), Perlembagaan Persekutuan. Sehingga hari ini komposisi di dalam Dewan Negara ini adalah mewakili hasrat dan semangat peruntukan tersebut dan kerajaan belum berhasrat untuk mengadakan pilihan raya lagi untuk memilih Ahli Dewan Negara.

Kalau kita lihat Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, jumlah keanggotaan Dewan Negara seramai 70 orang di cadangan dinaikkan kepada 116

orang dengan penambahan dua orang secara pilihan daripada setiap negeri menjadikan empat orang. Manakala lantikan Yang di-Pertuan Agong dinaikkan kepada 60 orang. Cadangan pindaan tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara daripada enam tahun kepada 72 bulan secara terus menerus.

Perkara 45 Tuan Yang di-Pertua, yang telah menyediakan ruang kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip dan kerajaan akan mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan. Maka, untuk itu sesi libat urus dengan pemegang taruh perlu dilaksanakan sebelum kita melaksanakan sebarang keputusan dibuat.

Begitu juga dengan beberapa perkara yang telah pun disentuh yang sebagaimana Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris berkenaan dengan saraan Ahli Parlimen termasuk anggota pentadbiran. Saraan Ahli Parlimen termasuk anggota pentadbiran meliputi Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237].

Begitu juga dengan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali sebentar tadi yang mana saya juga amat terkesan apabila mendengar keluhan dan juga rintihan daripada bekas Ahli Senator kita yang hari ini menerima pencen bawah B40 dan hari ini membawa teksi dan perkara ini saya kira haruslah kita lihat. Saya kira di bawah prinsip semangat Keluarga Malaysia saya yakin dan percaya kita perlu juga membuat semakan semula pencen akta Parlimen Dewan Negara dan sebelum 1 Januari 2015 akan diteliti dan diberi pertimbangan sewajarnya sekiranya sesuai.

Ini semua Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa apa yang kita lakukan di sini adalah untuk atas semangat prinsip untuk pengasingan kuasa atas semangat demokrasi iaitu legislatif, perundangan dan juga kehakiman. Oleh sebab itulah Akta Perkhidmatan Parlimen ini amat diperlukan dan kita dalam Dewan ini haruslah sama-sama mengembalikan kepercayaan kepada rakyat sebagaimana yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Dia kata hari ini orang dekat luar sana sudah tidak percaya sudah pada *politician*, maksudnya ahli politik.

Akan tetapi sedar kah tuan-tuan dan puan-puan sekalian- eh, macam tengah berceramah Pilihanraya Dewan Undangan Negeri pula... [Ketawa] Yang Berhormat Senator sedar kah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat sini pun perlu juga kena ceramah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sedar tak, apabila kita hendak memperjuangkan tentang soal rakyat, kita memerlukan orang politik. Apabila kita hendak melihat atau memperjuangkan tentang kos sara hidup yang tinggi kita memerlukan orang politik.

Apabila kita hendak memperjuangkan untuk anak kita yang bersekolah, kita memerlukan orang politik sebab itulah kita harus menjadi orang politik yang maksudnya yang berkesan dengan terus menerus memberikan khidmat yang terbaik dan ini boleh dilaksanakan dengan Yang Berhormat Senator, maksudnya dengan perkhidmatan, dengan prestasi yang baik ditunjukkan oleh Yang Berhormat sekalian, *insya-Allah*.

Oleh sebab itulah apabila ada cadangan untuk menambahkan lagi peruntukan dan juga cadangan untuk menambahkan lagi untuk kita punya penyelidik supaya kualiti perbahasan Ahli-ahli Parlimen di Dewan Negara juga dapat dimantapkan. Saya yakin dan percaya ini semua adalah keperluan kritikal yang amat diperlukan oleh Yang Berhormat Senator.

*Insya-Allah*, cadangan-cadangan tersebut sebenarnya telah pun ada dalam perhatian kami dan *insya-Allah* kita akan mempertimbangkan. Saya kira itu perkara-perkara yang telah pun saya rumuskan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah tak? Dia sebut nama saya.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Satu perkara yang saya bangkitkan selalu supaya kalau di negara-negara maju taraf Ahli Parlimen dan Senator sama taraf, makna kedudukannya dalam Majlis dalam *function* juga begitu.

Akan tetapi di Malaysia ini kita melihatkan bahawa yang menang, menang semua, yang kalah, kalah semua. Saya rasa daripada segi demokrasi tidak baik. Saya rasa kita setuju untuk transformasi ini, peruntukan bagi sama, kedudukan bagi sama. Inilah demokrasi yang kita hendak bina. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta, mencelah, celah kan lah.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Saya sudah izin untuk di celah kan. Yang Berhormat Senator sebab itu hari ini apabila kerajaan sudah pun menandatangani persefahaman antara pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang itu merupakan satu titik tolak yang cukup baik, permulaan yang cukup baik untuk politik di negara kita ini untuk supaya lebih terbuka.

Untuk kita sama-sama berganding tangan, berpimpin tangan supaya kita dapat melihat satu senario yang lebih dinamik pada masa hadapan dan sebab itulah kadang-kadang bila kita tengok apabila sudah tidak ada lagi, tidak berkuasa lagi, peruntukan ditarik balik. Ini saya kira kita punya kawan-kawan yang baik juga di

seberang sana tetapi apabila benda ini berlaku berhadapan dengan mereka pun kita tidak gembira.

Oleh sebab itulah saya yakin dan percaya memorandum persefahaman ini merupakan satu titik tolak yang cukup baik dan dengan adanya transformasi yang ingin kita laksanakan dengan Akta Parlimen ini yang akan kita lakukan seberapa cepat yang mungkin. Saya yakin dan percaya bukan itu sahaja tetapi banyak lagi perkara-perkara baik yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan khusus untuk kebaikan rakyat Malaysia dan juga untuk kebaikan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan langkah transformasi Parlimen sebentar tadi.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan Parlimen dan juga undang-undang. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih.

■1640

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip yang telah pun mengemukakan bunyi serta hajat di dalamnya disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini berakhirlah Mesyuarat Dewan Negara bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas.

Pada kesempatan ini, saya bersama-sama Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan, penglibatan serta ketajaman minda Ahli-ahli Yang Berhormat ketika melontarkan persoalan, berhujah, mahupun berbahas membabitkan semua isu dalam suasana harmoni.

Sepanjang mesyuarat kali ini, Dewan Negara telah meluluskan tiga rang undang-undang iaitu:

- (i) Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019) (Pindaan) 2021;

- (ii) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021; dan
- (iii) Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020.

Dewan Negara turut sebulat suara meluluskan Usul Transformasi Parlimen dan membuat ketetapan bahawa transformasi institusi legislatif ini mesti disegerakan khususnya meliputi aspek pengasingan kuasa; meminda dan memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang mempunyai kuasa perundangan, memperkenalkan kod etika Ahli Parlimen serta menggesa pindaan Perlembagaan bagi maksud Perkara 45, sub perenggan (4)(a) dan (4)(b).

Perjalanan Mesyuarat kali ini turut mencatatkan sejarah penting apabila tiga Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan serta Jawatankuasa Pilihan Khas Tabir Urus Integriti dan Antirasuah, berserta keanggotaannya telah dibentangkan dan dipersetujukan dalam Majlis Dewan Negara.

Kesemua Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan menjadi sekutu penting kepada usaha mentransformasikan Parlimen dan besar harapan kita agar Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat sederap selangkah dan seiringan untuk kita mengangkat bukan sahaja Dewan Negara ini agar menjadi sebuah dewan perundangan yang benar-benar dihormati tetapi lebih penting Parlimen itu sendiri berupaya didaulatkan.

Terima kasih jua diucapkan kepada Setiausaha Dewan Negara, Ketua Pentadbir Parlimen... [*Tepuk*] Dan semua pegawai serta kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara, dan Parlimen, atas kesungguhan yang diperhatikan dan diperlihatkan bagi menjayakan sesi Dewan kali ini serta memastikan Parlimen ini tidak berlaku penyebaran COVID-19.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bakal menyambut Deepavali tidak lama lagi, Dewan mengucapkan *Deepavali valthukkal...* [*Tepuk*] Semoga pesta cahaya ini membawa kita bersama ke arah kejayaan mengatasi kegelapan.

Buat Ahli-ahli Yang Berhormat yang pulang mahupun bercuti bersama keluarga dan kita menyatakan secara telus supaya keselamatan dijaga dan mematuhi SOP, anti COVID-19.

Kita berjumpa lagi pada Jumaat ini sempena sesi Pembentangan Bajet atau Belanjawan Negara 2022.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan nanti.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.45 petang]***